

**PARLIMEN KESEMBILAN**  
*Ninth Parliament*

**PENGGAL KEDUA**  
*Second Session*

**MESYUARAT KETIGA**  
*Third Meeting*

---

**Jilid II                      Bil. 47                      Hari Khamis                      17hb. Oktober 1996**

---

**K A N D U N G A N**

**JAWAPAN-JAWAPAN MULUT BAGI PERTANYAAN-  
PERTANYAAN** (Ruangan 1)

**RANG UNDANG-UNDANG:**

Rang Undang-undang Penyiaran (Pindaan) 1996 (Ruangan 43)

Rang Undang-undang Ahli Parlimen (Saraan) (Pindaan) 1996 (Ruangan 74)

Oktober, 1996.

## **DEWAN RAKYAT YANG KESEMBILAN**

### **PENYATA RASMI PARLIMEN**

#### **Penggal Yang Kedua**

### **AHLI-AHLI DEWAN RAKYAT**

Yang Berhormat Tuan Yang di-Pertua, Tan Sri Dato' Mohamed Zahir bin Haji Ismail, P.M.N., S.P.M.K., D.S.D.K. J.M.N.

Yang Amat Berhormat Perdana Menteri dan Menteri Dalam Negeri, Dato' Seri Dr. Mahathir bin Mohamad, D.K.I., D.U.K., S.S.D.K., S.S.A.P., S.P.M.S., S.P.M.J., D.P., D.U.P.N., S.P.N.S., S.P.D.K., S.P.C.M., S.S.M.T., D.U.N.M., P.I.S. (Kubang Pasu)

Yang Amat Berhormat Timbalan Perdana Menteri dan Menteri Kewangan, Dato' Seri Anwar bin Ibrahim, D.U.P.N., S.S.A.P., S.S.S.A., D.G.S.M., S.P.N.S., S.P.D.K., D.M.P.N. (Permatang Pauh)

Yang Berhormat Menteri Pengangkutan, Dato' Seri Dr. Ling Liong Sik, D.G.S.M., S.P.M.P., D.P.M.S., D.P.M.P. (Labis)

“ Menteri Kerja Raya, Dato' Seri S. Samy Vellu, S.P.M.P., S.P.M.J., D.P.M.S., P.C.M., A.M.N. (Sungai Siput)

“ Menteri Perusahaan Utama, Dato' Seri Dr. Lim Keng Yaik, S.P.M.P., D.P.C.M. (Beruas)

“ Menteri Tenaga, Telekom dan Pos, Datuk Leo Moggie anak Irok, P.N.B.S. (Kanowit)

“ Menteri Perdagangan Antarabangsa dan Industri, Dato' Seri Rafidah Aziz, S.P.M.P., D.P.M.S., A.M.N. (Kuala Kangsar)

“ Menteri Pertanian, Datuk Seri Amar Dr. Haji Sulaiman bin Haji Daud, S.I.M.P., D.A., D.S.S.A., P.N.B.S., J.B.S. (Petra Jaya)

Yang Berhormat Menteri Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna, Dato' (Dr.) Haji Abu Hassan bin Haji Omar, S.P.M.S., D.P.M.S., S.M.S., S.M.T. P.I.S. (Kuala Selangor)

“ Menteri Pendidikan, Dato' Seri Haji Mohd. Najib bin Tun Haji Abdul Razak (Orang Kaya Indera Shahbandar), S.S.A.P., S.I.M.P., D.P.M.S., D.S.A.P., P.N.B.S. (Pekan)

- “ Menteri Penerangan, Dato’ Mohamed bin Rahmat, S.P.M.J., S.I.M.P., S.S.S.A., S.S.I.J., D.P.M.J., D.P.M.S., P.N.B.S., K.M.N., P.I.S., B.S.I. (Pulai)
- “ Menteri Kebudayaan, Kesenian dan Pelancongan, Dato’ Sabbaruddin Chik, S.I.M.P., D.P.M.S., D.S.A.P., S.M.S. (Temerloh)
- “ Menteri Sumber Manusia, Dato’ Lim Ah Lek, S.I.M.P., D.S.A.P., S.M.T., J.P. (Bentong)
- “ Menteri di Jabatan Perdana Menteri, Dato’ Abang Abu Bakar bin Datu Bandar Abang Haji Mustapha, D.S.A.P., P.N.B.S., D.P.T.J., J.M.N. (Kuala Rajang)
- “ Menteri Sains, Teknologi dan Alam Sekitar, Datuk Law Hieng Ding, P.N.B.S., K.M.N., P.B.S., P.B.J. (Sarikei)
- “ Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan, Dato’ Dr. Ting Chew Peh, D.P.M.P. (Gopeng)
- “ Menteri Pertahanan, Dato’ Syed Hamid bin Syed Jaafar Albar, D.P.M.J., S.M.J., A.M.N. (Kota Tinggi)
- “ Menteri Pembangunan Luar Bandar, Dato’ Haji Annuar bin Haji Musa, S.I.M.P. (Peringat)
- “ Menteri Luar Negeri, Datuk Abdullah bin Haji Ahmad Badawi, D.S.S.A., D.M.P.N., D.J.N., K.M.N., A.M.N. (Kepala Batas)
- “ Menteri Tanah dan Pembangunan Koperasi, Datuk Osu bin Haji Sukam, P.G.D.K. (Papar)

Yang Berhormat Menteri Belia dan Sukan, Tan Sri Dato’ Haji Muhyiddin bin Haji Mohd. Yassin, P.S.M., S.P.M.J., P.I.S., B.S.I. (Pagoh)

- “ Menteri Perpaduan Negara dan Pembangunan Masyarakat, Datin Paduka Hajah Zaleha binti Ismail, D.P.M.S., S.M.S., K.M.N. (Gombak)
- “ Menteri Kesihatan, Datuk Chua Jui Meng, D.I.M.P., S.M.J., P.I.S. (Bakri)
- “ Menteri di Jabatan Perdana Menteri, Dato’ Dr. Haji Abdul Hamid bin Haji Othman, D.S.D.K., J.S.M., K.M.N., P.P.T. (Sik)
- “ Menteri Pembangunan Usahawan, Dato’ Mustapa bin Mohamed, D.P.M.S. (Jeli)
- “ Timbalan Yang di-Pertua, Tuan Ong Tee Keat, S.M.S. (Ampang Jaya)

- “ Timbalan Yang di-Pertua, Datuk Haji Juhar bin Haji Mahiruddin, P.G.D.K (Kinabatangan)
- “ Timbalan Menteri Dalam Negeri, Dato’ Megat Junid bin Megat Ayob, D.P.C.M., D.S.A.P., A.M.P., A.M.K. (Pasir Salak)
- “ Timbalan Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan, Dato’ Mohd. Tajol Rosli bin Mohd. Ghazali, D.P.M.P., A.M.P. (Gerik)
- “ Timbalan Menteri Kesihatan, Dato’ Dr. Siti Zaharah binti Haji Sulaiman, D.I.M.P. (Paya Besar)
- “ Timbalan Menteri Belia dan Sukan, Dato’ Loke Yuen Yow, D.P.M.P., A.M.P. (Tanjong Malim)
- “ Timbalan Menteri Kerja Raya, Datuk Railey bin Haji Jaffrey, P.G.D.K., J.M.N. (Silam)

Yang Berhormat Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri, Raja Dato’ Ariffin bin Raja Sulaiman, D.S.D.K., S.M.S. (Baling)

- “ Timbalan Menteri Pendidikan, Dato’ Haji Mohd. Khalid bin Mohd. Yunus, D.S.N.S. (Jempol)
- “ Timbalan Menteri Luar Negeri, Datuk Dr. Leo Michael Toyad, P.G.B.K., J.B.S. (Mukah)
- “ Timbalan Menteri Pertahanan, Dato’ Dr. Abdullah Fadzil bin Che Wan, D.P.C.M., P.C.M. (Bukit Gantang)
- “ Timbalan Menteri Penerangan, Dato’ Drs. Suleiman bin Mohamed, D.P.M.S. (Titiwangsa)
- “ Timbalan Menteri Kebudayaan, Kesenian dan Pelancongan, Dato’ Teng Gaik Kwan, D.I.M.P., A.M.N., P.P.N. (Raub)
- “ Timbalan Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan, Tuan Peter Chin Fah Kui, P.B.S., A.B.S. (Miri)
- “ Timbalan Menteri Sumber Manusia, Dato’ Abdul Kadir bin Haji Sheikh Fadzir, D.S.D.K., A.M.K. (Kulim-Bandar Baharu)
- “ Timbalan Menteri Perdagangan Antarabangsa dan Industri, Tuan Kerk Choo Ting (Taiping)
- “ Timbalan Menteri Pertanian, Dato’ Haji Tengku Mahmud bin Tengku Mansor, D.P.M.T., K.M.N., P.J.C., J.P., P.J.K. (Setiu)
- “ Timbalan Menteri Kewangan, Dato’ Wong See Wah, D.S.N.S. (Rasah)

“ Timbalan Menteri Perpaduan Negara dan Pembangunan Masyarakat, Datuk Peter Tinggom anak Kamarau, P.N.B.S., J.B.S., K.M.N., P.B.S., A.M.N., P.P.C. (Saratok)

“ Timbalan Menteri Pendidikan, Datuk Dr. Fong Chan Onn, D.M.S.M. (Selandar)

Yang Berhormat Timbalan Menteri Tenaga, Telekom dan Pos, Dato’ Chan Kong Choy, D.S.A.P., D.P.M.S. (Selayang)

“ Timbalan Menteri Dalam Negeri, Tuan Ong Ka Ting (Pontian)

“ Timbalan Menteri Pembangunan Luar Bandar, Dato’ K. Kumaran, D.P.M.P., K.M.N., J.S.M., P.M.P., P.P.T., J.P. (Tapah)

“ Timbalan Menteri Kewangan, Dato’ Dr. Affifudin bin Haji Omar, D.S.D.K., J.S.M., K.M.N., B.C.K. (Padang Terap)

“ Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri, Datuk Dr. Ibrahim bin Saad, D.M.S.M. (Tasek Gelugor)

“ Timbalan Menteri Sains, Teknologi dan Alam Sekitar, Dato’ Abu Bakar bin Daud, D.S.M.T., D.S.A.P., D.P.M.T., J.M.N., P.J.C., P.J.K. (Kuala Terengganu)

“ Timbalan Menteri Pengangkutan, Datuk Wira Mohd. Ali bin Mohd. Rustam, D.C.S.M., D.M.S.M., D.S.M., P.B.M. (Batu Berendam)

“ Timbalan Menteri Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna, Dato’ S. Subramaniam, D.S.N.S., D.P.M.J., S.M.J. (Segamat)

“ Timbalan Menteri Tanah dan Pembangunan Koperasi, Dr. Goh Cheng Teik (Nibong Tebal)

“ Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri, Datuk Haji Mohamed Nazri bin Abdul Aziz, D.M.S.M., A.M.P., B.K.T. (Chenderoh)

“ Timbalan Menteri Perusahaan Utama, Cik Siti Zainab binti Abu Bakar, S.M.J. (Tebrau)

“ Timbalan Menteri Pembangunan Usahawan, Tuan Idris bin Jusoh, P.J.K. (Besut)

Yang Berhormat Setiausaha Parlimen Kementerian Kesihatan, Dato’ M. Mahalingam, D.P.M.S., J.M.N., J.P. (Subang)

“ Setiausaha Parlimen Kementerian Kebudayaan, Kesenian dan Pelancongan, Dato’ Mohd. Noh bin Rajab, D.S.N.S. (Tampin)

- “ Setiausaha Parlimen Kementerian Pembangunan Luar Bandar, Tuan Douglas Uggah Embas, A.B.S., P.B.S. (Betong)
- “ Setiausaha Parlimen Kementerian Kerja Raya, Tuan Yong Khoon Seng (Padawan)
- “ Setiausaha Parlimen Kementerian Tanah dan Pembangunan Koperasi, Dato’ Haji Fauzi bin Haji Abdul Rahman, D.I.M.P., A.M.P., P.P.N. (Kuantan)
- “ Setiausaha Parlimen di Jabatan Perdana Menteri, Dato’ Haji Muhamad bin Abdullah, D.I.M.P., S.M.P., P.J.K. (Maran)
- “ Setiausaha Parlimen di Jabatan Perdana Menteri, Dato’ Azmi bin Khalid, D.P.M.P., S.M.P., P.J.K. (Padang Besar)
- “ Setiausaha Parlimen Kementerian Kewangan, Dr. Haji Shafie bin Mohd. Salleh, S.M.S., S.S.A., K.M.N. (Kuala Langat)
- “ Setiausaha Parlimen Kementerian Pengangkutan, Tuan Chor Chee Heung (Alor Setar)
- “ Setiausaha Parlimen Kementerian Perdagangan Antarabangsa dan Industri, Dato’ Hishamuddin bin Tun Hussein, D.P.M.J. (Tenggara)
- “ Setiausaha Parlimen Kementerian Pertanian, Dato’ Abu Bakar bin Taib, D.S.D.K., K.M.N., B.C.K., P.J.K. (Langkawi)
- “ Setiausaha Parlimen Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna, Datuk Tan Chai Ho, P.J.N., K.M.N., A.M.N. (Bandar Tun Razak)
- “ Setiausaha Parlimen Kementerian Penerangan, Datuk Mohd. Shafie bin Haji Apdal, P.G.D.K. (Semporna)

Yang Berhormat Setiausaha Parlimen Kementerian Belia dan Sukan, Puan Shahrizat binti Abdul Jalil (Lembah Pantai)

- “ Setiausaha Parlimen Kementerian Perpaduan Negara dan Pembangunan Masyarakat, Tuan G. Palanivel, P.J.K. (Hulu Selangor)
- “ Tuan Abdol Mulok bin Haji Awang Damit (Labuan)
- “ Tuan Abdul Aziz bin Mohd. Yassin (Muar)
- “ Tun Abdul Ghafar bin Baba, S.S.M. (Jasin)
- “ Tuan Haji Abdul Hadi bin Haji Awang (Marang)

- “ Tuan Haji Abdul Hamid bin Abdul Rahman (Sungai Benut)
- “ Tuan Abdul Rahin bin Dato’ Mohd. Said (Kuala Nerus)
- “ Tuan Abdul Rahman bin Haji Sulaiman, S.S.A., A.M.N., A.M.S., A.M.P., A.D.K. (Parit Buntar)
- “ Datuk Patinggi Tan Sri Haji Abdul Taib Mahmud, D.P., D.A., S.P.M.J., P.G.D.K., S.S.A.P. (Kota Samarahan)
- “ Datuk Abu Seman bin Haji Yusof, D.M.S.M., J.P., B.K.T. (Alor Gajah)
- “ Dato’ Haji Abu Zahar bin Dato’ Nika Ujang, D.S.N.S., A.M.N. (Kuala Pilah)
- “ Tuan Ahmad Husni bin Mohd. Hanadzlah, P.P.T., A.M.P. (Tambun)
- “ Tuan Ahmad Kamaruzaman bin Mohamed Baria, P.J.K. (Jerantut)
- “ Datuk Ahmad Zahid bin Hamidi, D.M.S.M., P.P.T., P.J.K. (Bagan Datok)
- “ Puan Ainon Khariyah binti Dato’ Mohd. Abas, P.M.P., A.M.P. (Parit)
- Yang Berhormat Tuan Akbarkhan bin Abdul Rahman (Libaran)
- “ Tuan Amihamzah bin Ahmad (Lipis)
- “ Datu Amirkahar bin Tun Datu Haji Mustapha (Marudu)
- “ Tuan Asmat Nungka (Beluran)
- “ Dato’ Haji Badruddin bin Amiruldin, D.S.D.K., B.K.M., P.J.K. (Yan)
- “ Tuan Haji Badrul Hisham bin Abdul Aziz, A.S.A. (Hulu Langat)
- “ Tuan Billy Abit Joo (Hulu Rajang)
- “ Tuan Haji Buniyamin bin Yaakob (Bachok)
- “ Tuan Chang Kon You (Ipoh Timor)
- “ Che Ibrahim bin Mustafa, P.J.K. (Sungai Petani)
- “ Tuan Chia Kwang Chye (Bukit Bendera)
- “ Tuan Chiew Chiu Sing (Bintulu)

- “ Dato’ Joseph Chong Chek Ah, D.S.P.N. (Batu)
- “ Puan Chua Soon Bui (Tawau)
- “ Tun Daim bin Haji Zainuddin, S.S.M., D.H.M.S., S.S.A.P. (Merbok)
- “ Tuan Fu Ah Kiow (Mentakab)
- “ Tuan Hamzah bin Ramli (Sri Gading)
- “ Dato Haji Hanafi bin Ramli, D.S.D.K., S.M.S., K.M.N., A.M.K., A.M.N., P.P.N., P.J.K., J.P. (Jerlun)
- “ Tuan Hashim bin Ismail, P.P.N., P.I.S. (Ledang)

Yang Berhormat Tuan Henrynus Amin, A.D.K. (Kinabalu)

- “ Dato’ Hew See Tong, D.P.M.P., J.P., P.M.P. (Kampar)
- “ Tuan Ho Cheong Sing, A.M.N. (Ipoh Barat)
- “ Dato’ Hon Choon Kim, D.S.N.S. (Seremban)
- “ Tuan Hoo Seong Chang (Kluang)
- “ Tuan Haji Ibrahim bin Mahmood (Kuala Krai)
- “ Tuan Ibrahim bin Pateh Mohamad (Tanah Merah)
- “ Puan Hajah Ilani binti Dato’ Haji Isahak (Kota Bharu)
- “ Tuan Jacob Dungau Sagan, P.P.B. (Baram)
- “ Dato’ Dr. Haji Jamaluddin bin Dato’ Mohd. Jarjis, D.I.M.P., S.A.P. (Rompin)
- “ Tuan James Jimbun Anak Punga, P.B.S. (Kapit)
- “ Tuan Jawah Anak Gerang (Lubok Antu)
- “ Tuan Jimmy Lim @ Jimmy Donald (Sri Aman)
- “ Tuan Joseph Mauh Anak Ikeh (Selangau)
- “ Datuk Joseph Pairin Kitingan (Keningau)
- “ Dato’ Dr. Kamal bin Salleh, D.S.P.N., K.M.N., P.K.T., J.M.N. (Wangsa Maju)

- “ Tuan Kamarudin bin Ahmad (Arau)
- “ Tuan R. Karpal Singh (Jelutong)
- “ Dr. L. Krishnan, P.M.C., A.M.N. (Telok Kemang)
- “ Tuan Lau Ngan Siew, A.D.K. (Sandakan)

Yang Berhormat Dr. Lee Chong Meng (Bukit Bintang)

- “ Dr. G. Leelavathi, A.M.N. (Kapar)
- “ Tuan Liew Ah Kim (Seputeh)
- “ Tuan Lim Guan Eng (Kota Melaka)
- “ Tuan Lim Hock Seng (Bagan)
- “ Tuan Lim Kit Siang (Tanjong)
- “ Tuan Vincent Lim Kuo Phau (Petaling Jaya Utara)
- “ Puan Lim Lay Hoon, P.P.N., B.K.M. (Padang Serai)
- “ Tuan Lim Si Cheng, P.I.S. (Senai)
- “ Tuan Lim Siang Chai (Petaling Jaya Selatan)
- “ Dato’ Haji Mahbud bin Haji Hashim, D.S.S.A., A.S.A., P.J.K. (Sabak Bernam)
- “ Tuan Mansor bin Masikon (Batu Pahat)
- “ Dr. Maximus Johnity Ongkili, A.S.D.K., J.P. (Bandau)
- “ Tuan Md. Isa bin Sabu (Kangar)
- “ Tuan Michael Lisa Kaya, B.B.S. (Bukit Mas)
- “ Tuan Haji Mohamad bin Sabu (Kubang Kerian)
- “ Tuan Haji Mohamed bin Haji Abdullah (Pasar Puteh)
- “ Tuan Mohamed Khaled bin Nordin P.I.S. (Johor Bahru)
- “ Datuk Mohd. Salleh bin Tun Said, P.G.D.K. (Kota Belud)
- “ Dato’ Haji Mohd. Zihin bin Haji Mohd. Hassan, D.I.M.P., P.M.P., A.M.P., J.P. (Larut)

Yang Berhormat Tuan Mokhtaruddin bin Wan Yusof (Dungun)

- “ Tuan Haji Mustafa bin Muda, A.M.N., A.M.T., P.P.N., P.J.K. J.P. (Hulu Terengganu)
- “ Tuan Haji Nik Mohd. Amar bin Haji Nik Abdullah (Pengkalan Chepa)
- “ Tuan Noh bin Omar, P.J.K. (Tanjong Karang)
- “ Dr. Nungsari bin Ahmad Radhi (Balik Pulau)
- “ Datuk Nurnikman bin Abdullah (Beaufort)
- “ Tuan Ong Tin Kim (Teluk Intan)
- “ Dato’ Othman bin Abdul, D.S.S.A., A.M.P., P.P.T. (Pendang)
- “ Dr. Patau Rubis, P.B.S. (Mas Gading)
- “ Tuan Paul Noutin, A.D.K. (Penampang)
- “ Tuan Philip Yong Chew Lip, A.D.K. (Gaya)
- “ Dato’ Haji Qamaruz Zaman bin Haji Ismail, D.P.M.P., P.C.M., K.M.N., B.C.K., P.J.K. (Bagan Serai)
- “ Tuan Radin Malleh (Tenom)
- “ Dr. Ramli bin Taib (Kemaman)

Yang Berhormat Mulia Tengku Tan Sri Razaleigh Hamzah, D.K., P.S.M., S.P.M.K., S.S.A.P., S.P.M.S. (Gua Musang)

Yang Berhormat Tuan Richard Riot Anak Jaem (Serian)

- “ Tuan Robert Lau Hoi Chew (Sibu)
- “ Puan Rohani binti Abd. Karim, P.P.B. (Santubong)
- “ Tuan Ruhanie bin Haji Ahmad, P.I.S. (Parit Sulong)

Yang Berhormat Dato’ Salamon bin Selamat, D.P.M.S., S.S.A., A.M.S., P.J.K. (Shah Alam)

- “ Dr. Sanusi bin Daeng Mariok (Rantau Panjang)
- “ Puan Seripah Noli binti Syed Hussin (Sepang)

- “ Datuk S’ng Chee Hua, D.S.N.S., P.G.D.K. (Julau)
- “ Datuk Song Swee Guan, P.G.D.K. (Bandar Kuching)
- “ Cik Sukinam Domo (Batang Sadong)
- “ Dato’ Haji Sukri bin Haji Mohamed, D.J.M.K., J.P. (Machang)
- “ Dr. Tan Chong Keng (Bukit Mertajam)
- “ Dr. Tan Kee Kwong (Segambut)
- “ Tuan Tan Kok Wai (Cheras)
- “ Dr. Tan Seng Giaw (Kepong)
- “ Dr. Tan Yee Kew (Kelang)
- “ Tuan Tiong Thai King (Lanang)
- “ Tuan Tue Si @ Chang See Ten, P.I.S. (Gelang Patah)
- “ Wan Hanafiah bin Wan Mat Saman, B.K.M. (Pokok Sena)
- “ Wan Junaidi bin Tuanku Jaafar, P.B.S. (Batang Lupar)
- “ Tuan Haji Wan Mohd. Jamil bin Wan Mahmood (Tumpat)
- “ Tuan Wong Kam Hoong, K.M.N. (Bayan Baru)
- “ Dato’ Yap Pian Hon, D.M.P.S., A.M.N., P.J.K. (Serdang)

Yang Berhormat Dr. Yap Yit Thong, A.M.P., A.M.N. (Lumut)

- “ Dr. Yee Moh Chai (Tanjong Aru)
- “ Tuan Yeong Chee Wah (Batu Gajah)
- “ Tuan Yunof Edward Marinking (Tuaran)
- “ Tuan Yunus bin Rahmat (Jelebu)
- “ Dr. Haji Yusof bin Haji Yacob, A.D.K. (Sipitang)
- “ Tuan Zainal Abidin bin Osman (Mersing)
- “ Tuan Haji Zainuddin bin Haji Mohamad Nor, S.M.K. (Pasir Mas)

“ Dato’ Haji Zakaria bin Mohd. Said, D.S.D.K., S.M.K., K.M.N., P.J.K.  
(Kuala Kedah)

## **DEWAN RAKYAT**

### **PEGAWAI-PEGAWAI KANAN**

Setiausaha Dewan Rakyat: Dato' Haji Abdul Rahman bin Haji Ali, D.P.M.T.,  
A.M.N., P.J.K., A.M.S., S.M.T., A.S.D.K.

Ketua Penolong Setiausaha: Said bin Sidik

Penolong Setiausaha Kanan: Zamani bin Haji Sulaiman

Penolong Setiausaha: Haji Mustakin bin Selamat

### **CAWANGAN PENYATA RASMI PARLIMEN**

Pegawai Penerbitan: Azhari bin Hamzah  
Monarita binti Mohd. Hassan

Ketua Pelapor Perbahasan Parlimen: Hajah Shamsiah binti Mohd. Yusop, P.P.N.

Haji Suhor bin Husin

### **PELAPOR PERBAHASAN PARLIMEN**

Mohd Saleh bin Mohd. Yusop  
Hajah Supiah binti Dewak  
Mohamed bin Osman  
Hajah Norishah binti Mohd. Thani  
Zaharah binti Naim  
Norwahidah binti Azizi  
Jainah binti Sakimin  
Shamsina binti Janor

### **BENTARA MESYUARAT**

Lt Kol (B) Haji Rahimuddin bin Abdul Mutalib  
Mejar (B) Zakaria bin Salleh

**MALAYSIA**

**DEWAN RAKYAT**

**Khamis, 17hb. Oktober, 1996**

**Mesyuarat dimulakan pada pukul 2.30 petang**

**D O A**

[Tuan Yang di-Pertua *mempengerusikan Mesyuarat*]

---

**JAWAPAN-JAWAPAN MULUT BAGI  
PERTANYAAN-PERTANYAAN**

**ATLIT NEGARA MENGAMBIL DADAH  
- LANGKAH MEMBENDUNG**

**1. Tuan Ruhanie bin Haji Ahmad [Parit Sulong]** minta Menteri Belia dan Sukan menerangkan apakah langkah-langkah yang sedang atau akan diambil untuk membendung dan seterusnya menghentikan masalah atlit-atlit negara yang mengambil dadah bagi menaikkan pencapaian atau prestasi mereka.

**Menteri Belia dan Sukan [Tan Sri Dato' Haji Muhyiddin bin Haji Mohd. Yassin]:** Tuan Yang di-Pertua, walaupun bilangan atlit yang terlibat masih kecil, Kementerian Belia dan Sukan memandang berat terhadap pengambilan dadah oleh atlit-atlit negara bagi meningkatkan prestasi mereka dalam sukan masing-masing. Oleh yang demikian beberapa langkah telah, sedang dan akan terus dijalankan untuk membendung masalah penyalahgunaan dadah di kalangan atlit negara kita. Langkah-langkah berkenaan ialah:

- (i) melaksanakan program pendidikan untuk para atlit, jurulatih dan pegawai sukan melalui kursus, ceramah dan juga pengeluaran risalah-risalah;
- (ii) Jawatankuasa Perubatan dan Dadah, Majlis Olimpik Malaysia akan terus menjalankan ujian-ujian rambang di luar pertandingan bagi mengesan penggunaan dadah oleh atlit;

- (iii) persatuan sukan sendiri menjalankan ujian dadah ke atas atlit mereka seperti yang dilakukan oleh Persatuan Bina Badan Malaysia; dan
- (iv) membekal dan juga menasihati tentang penggunaan makanan tambahan seperti vitamin yang dibenarkan selain daripada memberikan panduan mengenai jenis-jenis makanan, dengan izin, nutrition, yang perlu bagi menambah tenaga para atlit untuk meningkatkan prestasi masing-masing

**Tuan Ruhanie bin Haji Ahmad:** Tuan Yang di-Pertua, satu masalah yang sering menjadi kontroversi di dalam pertemuan sukan antarabangsa adalah mengenai para atlit mengambil dadah. Saya ingin bertanya persiapa pihak kerajaan di dalam konteks ini untuk mengendalikan sukan Komanwel yang akan datang kelak.

**Tan Sri Dato' Haji Muhyiddin bin Haji Mohd. Yassin:** Tuan Yang di-Pertua, sememangnya ada persiapan yang telah pun kita buat, iaitu, esok sebenarnya saya akan merasmikan Pusat Duopeng di Universiti Sains Malaysia yang telah dibina oleh pihak kerajaan dan dilengkapi dengan pegawai-pegawai dan juga pakar-pakar yang terlatih yang akan digunakan sepenuhnya bagi Sukan Komanwel ini dan juga lain-lain sukan baik di peringkat negara ataupun di peringkat antarabangsa dan makmal ini cukup lengkap dan kita telah pun memohon untuk ianya diberikan pengiktirafan oleh Badan Olimpik Antarabangsa dan kita percaya dengan cara ini kita dapat menggunakan sepenuhnya bagi mengesan kes penyalahgunaan dadah di kalangan atlit negara ataupun para atlit yang akan menyertai dalam Sukan Komanwel nanti.

**Tuan Md. Isa bin Sabu:** Tuan Yang di-Pertua, daripada jawapan Yang Berhormat Menteri, sungguhpun didapati bilangan atlit yang terlibat dengan pengambilan dadah adalah kecil, suka saya mendapat penjelasan bahawa baru-baru ini terdapat berita mengenai pengambilan dadah oleh pelari pecut negara, Azmi Ibrahim. Apakah kesahihan

tentang kedudukan kes ini? Adakah atlit berkenaan benar-benar mengambil dadah ataupun dia mengambil dadah tanpa disedari. Jadi, sukacitalah saya mendapat penjelasan daripada Yang Berhormat Menteri.

**Tan Sri Dato' Haji Muhyiddin bin Haji Mohd. Yassin:** Tuan Yang di-Pertua, memang dalam kedua-dua ujian yang telah pun dibuat, baik contoh A ataupun B, disahkan bahawa Azmi telah pun menggunakan dadah. Pihak Kesatuan Olahraga Amatur Malaysia (KOAM), telah pun menubuhkan satu jawatankuasa penyiasat untuk mengenal pasti pihak-pihak yang bertanggungjawab dalam kes Azmi ini. Jawatankuasa ini telah pun memulakan tugasnya pada 17 September yang lalu dan setelah mendengar keterangan Azmi pada 21 September, 1996 juga, Jawatankuasa telah pun memberikan masa kepada Azmi untuk membolehkan beliau menerangkan kedudukan sebenar mengenai kes ini.

Sebenarnya ia masih lagi dalam siasatan dan jawatankuasa ini juga, pada hari ini, iaitu 17 Oktober, sedang mendengar keterangan daripada Azmi untuk buat kali kedua. Barulah kita dapat establish apakah fakta sebenar yang menyebabkan beliau mengambil dadah ini.

## **PENGAMBILAN TANAH MILIK SWASTA - TUJUAN**

2. **Dr. Lee Chong Meng [Bukit Bintang]** minta Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan menyatakan sama ada Jabatan Kerajaan Tempatan di bawah kementeriannya mempunyai rekod di mana pengambilan tanah milik swasta oleh pihak majlis daerah/perbandaran yang telah dijalankan dan apakah tujuannya semata untuk pembangunan majlis daerah sendiri.

**Timbalan Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan [Tuan Peter Chin Fah Kui]:** Tuan Yang di-Pertua, Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan tidak menyimpan apa-apa rekod mengenai pengambilan tanah swasta. Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, hal ehwal tanah adalah tanggungjawab kerajaan negeri masing-masing. Justeru itu sekiranya Ahli Yang Berhormat ingin mengetahui tentang pengambilan

tanah milik swasta oleh pihak majlis-majlis daerah atau perbandaran, bolehlah memohonnya daripada kerajaan negeri yang berkenaan.

**Dr. Lee Chong Meng:** Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Untuk mengelakkan penyalahgunaan Akta Pengambilan Tanah, adakah kementerian atau Kerajaan Pusat bercadang untuk meminda akta ini untuk membetulkan tujuan akta ini, kerana ramai yang tanahnya diambil oleh kerajaan negeri dan selepas beberapa tahun dijual atau diswastakan kepada parti lain. Inilah masalahnya.

**Tuan Peter Chin Fah Kui:** Tuan Yang di-Pertua, Akta Pengambilan Tanah pun di bawah kuasa kementerian yang lain, bukan kementerian ini.

#### **KELAS TADIKA - PERUNTUKAN PEMBINAAN**

3. **Tuan Noh bin Omar [Tanjong Karang]** minta Menteri Pembangunan Luar Bandar menyatakan sama ada kementerian bercadang mengadakan peruntukan untuk membina bangunan Tabika KEMAS memandangkan pendidikan prapersekolahan sekarang diwajibkan sedangkan anak-anak di luar bandar tidak mendapat kemudahan pembelajaran prasekolah ini dengan sempurna.

**Timbalan Menteri Pembangunan Luar Bandar [Dato' K. Kumaran]:** Tuan Yang di-Pertua, selaras dengan falsafah baru pembangunan luar bandar untuk menyediakan infrastruktur yang berkualiti dalam usaha pembangunan manusia cemerlang di luar bandar, yang dijadikan teras kepada transformasi pembangunan luar bandar kedua, kementerian ada menyediakan peruntukan sebanyak RM61.3 juta bagi membina bangunan-bangunan baru, peralatan mengajar dan kelengkapan pejabat sepanjang Rancangan Malaysia Ketujuh untuk kelas-kelas tadika di seluruh negara.

Pada masa yang sama, Kementerian Pembangunan Luar Bandar memperuntukkan sebanyak RM4.5 juta sepanjang Rancangan Malaysia Ketujuh untuk membaikpulih bangunan tadika di seluruh negara.

**Tuan Yunus bin Rahmat:** Tuan Yang di-Pertua, saya ingin tahu sama ada pihak kementerian menyedari bahawa sebahagian besar daripada kelas-kelas tadika yang

dilaksanakan sekarang ini menumpang balai-balai raya di kampung-kampung. Dan di dalam rancangan-rancangan Felda kadang-kadang itu, rumah peneroka Felda yang telah ditinggalkan digunakan.

Jadi, saya ingin tahu sama ada dalam Rancangan Malaysia Ketujuh ini peruntukan sebanyak RM61.3 juta itu juga akan mencakupi segala permasalahan yang berlaku sekarang ini dan saya ingin tahu di am tahun 1996 adakah tindakan yang segera untuk mengganti bangunan-bangunan yang telah usang itu dibuat?

**Dato' K. Kumaran:** Tuan Yang di-Pertua, untuk makluman Ahli Yang Berhormat, pada masa kini kementerian mempunyai lebih kurang 40% kelas yang dibina dan telah disiapkan oleh kementerian dan 60% kita tumpang sama ada kita sewa ataupun di balai raya, di bawah surau dan juga rumah individu.

Kementerian sedar dan dalam Rancangan Malaysia Ketujuh, kementerian saya telah memberi satu peruntukan hanya untuk membina 100 kelas dan harganya lebih kurang RM61.3 juta dan kementerian sedar kekurangan dan suasana tidak baik untuk pembelajaran.

Walau bagaimanapun, apabila kita dapat menyelesaikan 100 kelas tambahan ini maka kementerian cuba meminta peruntukan tambahan untuk menyempurnakan kelas-kelas 60% itu.

**Tuan Md. Isa bin Sabu:** Tuan Yang di-Pertua, suka saya mendapat penjelasan tambahan, daripada 100 kelas tadi dan banyak lagi yang perlu dibuat, bilakah agaknya kita akan dapat menyelesaikan masalah ini, memandangkan daripada jawapan asal tadi bahawa kementerian mendapat lebih kurang RM10.6 juta dan masalah di bawah KEMAS begitu banyak dan kita begitu kecewa memandangkan KEMAS adalah sebuah jabatan, manakala Jabatan KEMAS ini adalah di bawah sebuah kementerian.

Jadi, saya minta penjelasan bilakah atau setakat manakah kesegeraan pihak kementerian dapat menyelesaikan masalah sepertimana yang telah dibangkitkan oleh saudara dari Jelebu tadi.

**Dato' K. Kumaran:** Tuan Yang di-Pertua, sepertimana Ahli-ahli Yang Berhormat sedia maklum bahawa tidak berapa lama lagi Kementerian Pendidikan akan mengambil alih semua kelas prasekolah.

Kita mempunyai satu rancangan sehingga ke tahun 2000 dan kita ada peringkat demi peringkat. Mulai tahun 2001, Kementerian Pembangunan Luar Bandar tidak akan menjalankan kelas-kelas tadika ini. Oleh sebab itu dalam peruntukan yang sedia ada, manusia boleh mencadangkan yang menentukan itu .....

**Seorang Ahli:** Tuhan.

**Dato' K. Kumaran:** ....adalah kewangan, bukan Tuhan. *[Ketawa]*

Kalau Kementerian Kewangan boleh memberi peruntukan, kementerian saya sedia dalam satu tahun kita boleh membina 1,000 kelas. Okay? *[Tepuk][Ketawa]*

**Tuan Yang di-Pertua:** Ya, ya.

#### **KERETA PROTON - PENJIMATAN KOS PENGELUARAN**

4. **Tuan Tan Kok Wai [Cheras]** minta Menteri Perdagangan Antarabangsa dan Industri menyatakan penjimatan yang berjaya dibuat dalam kos pengeluaran kereta Proton berikutan penurunan nilai Yen. Berapakah peratus penjimatan berbanding dengan jumlah kos pengeluaran dan nyatakan juga sebab mengapa harga jualan Proton tidak boleh dikurangkan meskipun kos telah dikurangkan.

**Setiausaha Parlimen Kementerian Perdagangan Antarabangsa dan Industri**

**[Dato' Hishamuddin bin Tun Hussein]:** Tuan Yang di-Pertua, izinkan saya untuk menjawab soalan ini bersama-sama dengan soalan yang dikemukakan oleh Yang

Berhormat dari Sibu pada 18hb. November, 1996 dan Yang Berhormat dari Teluk Intan pada 11hb. Disember, 1996 kerana perkara yang ditimbulkan adalah saling berkaitan.

**Tuan Yang di-Pertua:** Baiklah.

**Dato' Hishamuddin bin Tun Hussein:** Tuan Yang di-Pertua, mengikut maklumat daripada Syarikat Proton Berhad, syarikat membuat pembelian komponennya secara tahunan (annual basis). Oleh itu, walaupun terdapat penurunan nilai mata wang Yen, Proton masih terpaksa membayar pada kadar semasa pembelian dibuat dan dengan itu penjimataannya tidaklah begitu banyak.

Di samping itu, penetapan harga kereta dibuat bukanlah hanya berdasarkan kepada faktor turun naik nilai mata wang sahaja. Faktor-faktor lain juga perlu diambil kira. Proton diberi tanggungjawab untuk membangunkan industri automotif dan komponen tempatan. Dengan penguatkuasaan peraturan WTO dan AFTA, Proton juga terpaksa membuat persediaan untuk meningkatkan kualiti dan kuantiti kereta-keretanya agar lebih berdaya saing untuk menghadapi cabaran serta mengambil kesempatan peluang-peluang yang akan dihadapi. Di samping itu, Proton sedang giat berusaha untuk memperkenalkan model baru yang lebih kompetitif dan mampu dibeli oleh sebilangan besar rakyat. Usaha-usaha ini, di antara lain, melibatkan kerja-kerja R&D dan latihan kemahiran.

Langkah-langkah ini memerlukan komitmen dan perbelanjaan yang tinggi. Oleh yang demikian, walaupun terdapat sedikit penjimatan dengan penurunan matawang Yen, apabila dipandang dari segi tanggungan kos yang syarikat perlu menampung bagi menentukan kejayaan projek besar ini, adalah sukar bagi Proton dalam masa yang pendek ini untuk menurunkan harga keretanya. Walau bagaimanapun, dalam perancangan jangka masa panjangnya, Proton sememangnya sedang berusaha untuk menurunkan harga keretanya.

Tuan Yang di-Pertua, berhubung dengan soalan mengenai tarikh dan jumlah kenaikan harga jualan 'on the road', dengan izin, bagi kereta-kereta Proton semenjak permulaan pengeluarannya sebagai contoh, adalah seperti berikut:-

***Bagi kereta Proton Saga dan Iswara 1.3 Manual Metallic:***

<b><i>Tarikh Kenaikan</i></b>	<b><i>Jumlah Kenaikan [RM]</i></b>
1hb. Julai, 1986 (Saga)	3,369.32
1hb. Oktober, 1986	(348.11)
5hb. Mac, 1987	(1,264.30)
1hb. Mei, 1988	3,545.50
1hb. Januari, 1989	1,439.35
1hb. April, 1989	829.28
8hb. Ogos, 1990	2,086.24
1hb. Januari, 1991	828.80
1hb. Januari, 1992	1,016.48
10hb. Ogos, 1992 (Iswara)	685.89
1hb. Jun, 1993	1,173.99
18hb. Januari, 1994	1,017.95
10hb. Januari, 1995	1,915.00
10hb. September, 1995	4,131.01

***Bagi kereta Proton Wira Sedan 1.5 Manual Solid:***

<b><i>Tarikh Kenaikan</i></b>	<b><i>Jumlah Kenaikan [RM]</i></b>
18hb. Januari, 1994	1,444.30
5hb. Januari, 1995	4,400.00
1hb. September, 1995	4,815.64

**Tuan Tan Kok Wai:** Tuan Yang di-Pertua, daripada jawapan Yang Berhormat Setiausaha Parlimen itu, Dewan difahamkan bahawa penurunan harga jualan Proton berasaskan dengan tempoh jangka masa yang panjang, tetapi ada satu perkara yang saya paling tidak faham dan saya ingin bertanya Yang Berhormat.

**Raja Dato' Ariffin bin Raja Sulaiman:** Tuan Yang di-Pertua, tugas untuk menyediakan ini adalah di bawah Jabatan Perdana Menteri iaitu dibuat oleh MAMPU dan kita mempunyai satu pasukan petugas khas dalam bidang ini. Sebagaimana saya sebutkan tadi usaha-usaha telah pun dibuat, pertamanya buku berkenaan dengan garis panduan bagi melaksanakan program ini telah pun dikeluarkan dan kementerian-kementerian dan juga jabatan-jabatan yang berkenaan telah pun diberikan satu latihan oleh MAMPU dan sepertimana saya katakan, pihak-pihak yang berkenaan akan memilih.

Di bawah Fasa I ini juga semua agensi kerajaan dikehendaki mendapat latihan-latihan yang diperlukan bagi pelaksanaan MS ISO 9000 ini. Selepas menerima latihan yang sesuai, mereka dikehendaki mengenal pasti sekurang-kurangnya satu proses utama di agensi masing-masing bagi melaksanakan ISO 9000 ini. Fasa ini dijangka akan mengambil masa selama satu tahun iaitu pada Oktober 1996 hingga September 1997.

Perlu saya ingatkan bahawa kita bukan hendak buat sekali gus bagi satu-satu jabatan ataupun satu-satu jabatan seluruh negara, tetapi dipilih tempat-tempat yang tertentu dan bagi perkara-perkara yang saya sebutkan tadi iaitu proses-proses utama sahaja, itu sebagai hendak 'familiarise', selepas itu sudah biasa, baru dibuat secara menyeluruh.

## **PELAN TINDAKAN WANITA - PELAKSANAAN**

**6. Puan Hajah Ilani binti Dato' Haji Isahak [Kota Bharu]** minta Menteri Perpaduan Negara dan Pembangunan Masyarakat menyatakan:

- (a) bilakah pelan tindakan negara bagi kemajuan wanita yang digubal pada 1992 iaitu 4 tahun yang lalu akan dilaksanakan; dan
- (b) mengapa 4 tahun telah berlalu dan pelan itu masih tidak dilaksanakan walaupun kerajaan menyatakan azam mahu memajukan wanita di Persidangan Dunia Mengenai Wanita di Beijing September 1995 iaitu setahun yang lalu.

**Menteri Perpaduan Negara dan Pembangunan Masyarakat [Datin Paduka**

**Hajah Zaleha binti Ismail]:** Tuan Yang di-Pertua, bagi menjawab kedua-dua bahagian soalan, untuk makluman Ahli Yang Berhormat, usaha untuk menggubal Pelan Tindakan Pembangunan Wanita bermula pada tahun 1993 dan sebuah draf dokumen pelan tindakan telah dapat diadakan pada tahun 1994. Memandangkan pelbagai perkembangan berlaku berkaitan dengan isu-isu wanita di peringkat nasional dan antarabangsa, draf pelan tindakan tersebut perlu dipinda bagi mengambil kira pelbagai resolusi yang telah diperuntukkan, termasuklah hingga kepada Persidangan Wanita Sedunia Ke-4 di Beijing yang telah menghasilkan landasan bertindak.

Dokumen Pelan Tindakan Pembangunan Wanita telah pun dirangka dengan mengambil kira matlamat dasar-dasar kerajaan, terutamanya Dasar Wanita Negara, penekanan kerajaan mengenai peranan wanita dalam pembangunan seperti yang dihuraikan dalam Rancangan Malaysia Keenam dan Rancangan Malaysia Ketujuh serta pelbagai iltizam kerajaan di peringkat antarabangsa. Insya-Allah, pelan tindakan pembangunan ini akan diangkat untuk mendapat pertimbangan dan kelulusan jemaah menteri sebentar lagi.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, beberapa cadangan yang terkandung dalam draf pelan tindakan telah pun banyak dilaksanakan di bawah Rancangan Malaysia Keenam dan Rancangan Malaysia Ketujuh, iaitu bab 20 Wanita Dalam Pembangunan. Dengan tergubalnya Pelan Tindakan Pembangunan Wanita ini, usaha-usaha ke arah

pembangunan wanita di negara ini dapatlah dilaksanakan dengan lebih tersusun dan sistematik berbanding dengan masa-masa yang lalu.

**Puan Hajah Ilani binti Dato' Haji Isahak:** Tuan Yang di-Pertua, suka saya bertanya kepada Yang Berhormat Menteri, oleh sebab pelan tindakan itu belum lagi memperolehi persetujuan kabinet, apakah tempoh pelan tindakan itu? Bilakah ia dijangka mendapat persetujuan kabinet dan apakah tempoh yang ia dijangka dapat mencapai matlamat-matlamat yang terkandung dalam pelan tersebut?

**Datin Paduka Hajah Zaleha binti Ismail:** Tuan Yang di-Pertua, sebenarnya, insya-Allah, pada minggu depan ianya akan dibawa kepada kabinet dan, insya-Allah, akan diluluskan sebab drafnya yang awal pun telah diserahkan kepada Yang Amat Berhormat Timbalan Perdana Menteri pada Hari Wanita 25 Ogos yang lalu.

Pelaksanaanya sebenarnya seperti saya kata tadi telah pun sebahagian besarnya dilaksanakan dalam Rancangan Malaysia Keenam dan juga dalam Rancangan Malaysia Ketujuh. Kita telah merangkumi semua perkara dalam pelan tindakan untuk dilaksanakan. Saya bercadang untuk memberikan peluang kepada Ahli-ahli Yang Berhormat, tak kiralah yang lelaki ataupun wanita untuk mendapat taklimat daripada Kementerian Perpaduan Negara dan Pembangunan Masyarakat mengenai kemajuan setakat ini.

**Tuan Tan Kok Wai:** Tuan Yang di-Pertua, saya hendak bertanya Yang Berhormat Menteri [*Ketawa*] apakah undang-undang yang dianggap diskriminasi terhadap kaum wanita yang dikenal pasti oleh pelan tindakan itu dan apakah undang-undang yang berkenaan dan juga apakah cadangan yang dikemukakan oleh pelan itu bagi menangani masalah yang dihadapi oleh wanita?

**Datin Paduka Hajah Zaleha binti Ismail:** Tuan Yang di-Pertua, sebenarnya kalau mengikut landasan bertindak atau 'platform for action' yang telah dilulus dan

diterima di Beijing ada 12 areas of concern atau bidang yang menjadi perhatian pihak yang menganjurkan seminar dan semua peserta seminar. Kalau ditengok daripada 12 bidang itu kebanyakannya kalau kita tengok keadaan di Malaysia telah sebahagian besar daripadanya dapat kita selesaikan. Misalnya mengenai kemiskinan kepada wanita. Wanita dikatakan memikul beban kemiskinan yang berterusan tetapi di negara kita, kita telah pun berjaya menghapuskan sebahagian besar daripada kemiskinan hingga tinggal 8% sahaja, seluruhnya, kita tidak beza-bezakan pula di antara wanita dengan lelaki.

Mengenai ketidakseimbangan peluang pendidikan dan latihan di negara kita, mudah-mudahan sesiapa sahaja yang ingin masuk ke sekolah dapat masuk ke sekolah, bahkan anak-anak pendatang asing pun dapat masuk ke sekolah-sekolah kita. Ini rasa saya kita tidak langsung boleh dipersalahkan oleh mana-mana pihak.

Mengenai ketidakseimbangan khidmat kesihatan yang diberikan kepada wanita pun rasa saya tak relevan di negara ini sebab kita semua, bukan sahaja wanita atau lelaki, semuanya mendapat khidmat kesihatan yang baik.

Mengenai keganasan terhadap wanita, kita telah berjaya meluluskan satu Akta Keganasan Rumah Tangga, bukan sahaja melindungi wanita dari segi keganasan tetapi melindungi semua ahli keluarga dan telah pun dapat kita kuat kuasakan akta ini walaupun kita terpaksa menunggu beberapa ketika.

Mengenai konflik bersenjata, memang tidaklah terlibat langsung di negara kita Malaysia kerana wanita tidak tertindas atau sesiapa juga tidak tertindas di bawah konflik senjata.

Mengenai ketidakseimbangan dalam struktur dan dasar ekonomi bagi semua bentuk aktiviti yang produktif dan sumber-sumber ekonomi untuk wanita, memang ini kita tidak mengatakan bahawa ianya telah berjaya. Banyak usaha sedang dilaksanakan, Bahagian Hal Ehwal Wanita sendiri bersama-sama dengan Kementerian Pembangunan

Usahawan telah pun merangka dan merancang mengadakan kursus-kursus dan latihan-latihan bagi wanita yang ingin menceburkan diri dalam bidang keusahawanan.

Kabinet juga telah menubuhkan Jawatankuasa Khas Kabinet mengenai tabungan. Di bawah jawatankuasa khas itu telah juga ditubuh satu jawatankuasa wanita khususnya mengenai tabungan di mana kita akan mengadakan kursus-kursus, latihan-latihan dan seminar-seminar serta melatih wanita dari segi belanjawan rumah tangganya dan sebagainya dan menabung atau menyimpan. Kita juga memikirkan saluran-saluran di mana wanita boleh menabung dan dengan mudah dapat pinjaman-pinjaman untuk usaha-usaha ekonomi mereka.

Ketidaksamaan mengenai perkongsian kuasa antara lelaki dan wanita dalam membuat keputusan, ini saya harap Yang Berhormat-Yang Berhormat dari parti pembangkang pun sama-samalah kerja untuk meningkatkan lagi bilangan wanita, bukan sahaja sebagai ahli-ahli parti-parti politik tetapi juga memegang jawatan di semua peringkat supaya kita dapat menyelesaikan masalah ini.

Banyak lagi ini, Tuan Yang di-Pertua, 12 perkara.

**Tuan Yang di-Pertua:** 12. Bolehkah.....

**Tuan Tan Kok Wai:** Undang-undang yang diskriminasi terhadap wanita.

**Datin Paduka Hajah Zaleha binti Ismail:** Saya sebutkanlah semuanya supaya dapat tahu apa yang diskriminasi dan apa yang tidak. Kalau kita hendak kata undang-undang yang diskriminasi, dari segi jagaan.....

**Tuan Tan Kok Wai:** Yang dijawab oleh Yang Berhormat Menteri ialah secara am.

**Datin Paduka Hajah Zaleha binti Ismail:** Saya akan jawab dan saya sudah hendak beritahulah ini. Mungkin undang-undang dari segi jagaan anak misalnya, itu terpaksa Yang Berhormat pun sama-sama tolong usahakan supaya kita dapat

menyelesaikan masalah ini. Jangan bebankan kepada ahli-ahli parlimen wanita sahajalah dan jangan bebankan kepada saya sebagai menteri yang menjaga hal ehwal wanita sahaja, kita kena kerjasama.

Mengapakah setiap kali nilai mata wang Yen naik, harga jualan Proton turut naik? Kadangkala kenaikan berlaku tiga kali setahun, tak payah dalam jangka masa yang lama. Empat bulan sekali, empat bulan sekali, empat bulan sekali, empat bulan sekali! Apakah sebabnya? *[Disampuk]* Soalan saya berkaitan dengan model baru sebab penurunan nilai Yen telah berlaku sebanyak satu tahun kebelakangan ini dan nilai telah turun melebihi 25%. Apakah sebabnya? Soalan sudah ditimbulkan! *[Disampuk]* Mengapa nilai naik tetapi harga jualan Proton turun-naik, tetapi apabila turun, tidak turun! *[Ketawa][Disampuk]*

**Tuan Yang di-Pertua:** Tak apalah Yang Berhormat Cheras. Sila jawab ya.

**Tuan Tan Kok Wai:** Mereka di sana kurang faham! Saya terpaksa menjelaskan dengan lebih lanjut lagi! *[Disampuk]*

**Tuan Yang di-Pertua:** Sila jawab Yang Berhormat ya.

**Dato' Hishamuddin bin Tun Hussein:** Ada jawapannya Tuan Yang di-Pertua, tak payah emosional.

Tuan Yang di-Pertua, seperti yang saya sebutkan tadi, memang jumlah kenaikan harga Proton tertakluk kepada bungkusan Completely Knock-down Package (CKD) yang masih lagi diimport daripada Jepun dan sedikit sebanyak naik turunnya harga Yen membawa kesan kepada harga bungkusan ini.

Dalam jawapan saya tadi, saya telah menyebutkan bahawa permintaan atau orders yang telah dibuat di dalam jangka masa setahun. Maka walaupun naik turun harga Yen, tetapi ianya tertakluk kepada kadar semasa pembelian dibuat. Bermakna penjimatan tidaklah begitu banyak. Tetapi pada masa yang sama, pihak Proton telah mengambil

inisiatif untuk menurunkan harganya melalui perancangan-perancangan jangka masa yang panjang iaitu untuk meningkatkan lagi bekalan yang diimport:

- (i) Proton akan dan sedang menambah bilangan komponen-komponen tempatan;
- (ii) telah mendapatkan sumber komponen daripada negara-negara jiran yang lain;
- (iii) telah menerokai sumber-sumber komponen atau produk yang berdaya saing daripada pasaran antarabangsa atau global sourcing, dengan izin; dan
- (iv) menubuhkan international purchasing office di Osaka, Jepun supaya mendapatkan bekalan komponen kecil dan bahan-bahan mentah secara terus daripada negara Jepun.

Adalah menjadi harapan kerajaan, dengan usaha-usaha ini kita dapat mengurangkan barangan komponen yang diimport dan pada masa yang sama menerokai dan cuba mendapatkan sumber-sumber komponen yang lebih kompetitif daripada negara-negara jiran dan di negara-negara yang lain.

**Tuan Akbarkhan bin Abdul Rahman:** Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Saya ingin tahu dari Yang Berhormat Setiausaha Parlimen sebab-sebab harga kereta Proton yang dieksport lebih rendah daripada harga kereta Proton yang dijual dalam negeri dan apakah usaha-usaha untuk mengatasi masalah ini?

**Dato' Hishamuddin bin Tun Hussein:** Tuan Yang di-Pertua, perbezaan harga jualan kereta Proton di pasaran dalam negeri dengan pasaran seberang laut adalah sebabnya kereta-kereta Proton bagi pasaran tempatan adalah tertakluk kepada beberapa perkara;

- (i) ianya tertakluk kepada duti import sebanyak 13%;

- (ii) ianya juga tertakluk kepada duti eksais dan cukai jualan.

Seperti saya sebutkan tadi, selain daripada bungkusan CKD bagi Proton yang diimport daripada Jepun di mana duti import harus dibayar, sebahagian besar daripada komponen yang dihasilkan di dalam negeri menggunakan input dan bahan-bahan yang kebanyakannya diimport dari negara Jepun. Maka usaha kerajaan adalah untuk memastikan bahawa kebanyakan komponen-komponen adalah komponen yang dibuat secara tempatan dan usaha-usaha yang saya senaraikan tadi - mendapatkan sumber komponen dari negara-negara jiran juga berkaitan untuk mengatasi masalah ini.

### **MS ISO 9000 - PELAKSANAAN PROJEK**

**5. Tuan Haji Abdul Hamid bin Abdul Rahman [Sungai Benut]** minta Perdana Menteri menyatakan:

- (a) bilakah pelaksanaan projek MS ISO 9000 akan dilaksanakan kepada agensi kerajaan dan jangkaan kos yang dijangkakan terlibat; dan
- (b) adakah pelaksanaannya akan dapat mencapai hasrat “paperless” dalam pentadbiran awam.

**Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri [Raja Dato' Ariffin bin Raja**

**Sulaiman:** Tuan Yang di-Pertua,

- (a) Arahan untuk melaksanakan MS ISO 9000 di agensi-agensi kerajaan telah pun dikeluarkan melalui Pekeliling-pekeling Pentadbiran Awam Bil. 2/1996. Agensi-agensi kerajaan telah diberi masa dari sekarang hingga tahun 2000 untuk memantapkan program ini.

Perlaksanaan standard MS ISO 9000 memerlukan agensi-agensi kerajaan menyediakan sumber-sumber kewangan untuk mengadakan latihan kepada personnel yang terlibat, mewujudkan

dokumentasi dan perlantikan perunding swasta bagi agensi yang memerlukannya.

Walau bagaimanapun, kos yang terlibat ini adalah sebahagian daripada kos operasi agensi berkenaan dan tidak akan melibatkan kos yang tinggi. Ini adalah kerana kos seperti latihan boleh diserapkan ke dalam peruntukan latihan yang sedia ada.

Di samping itu, hanya sebahagian kecil agensi kerajaan sahaja yang memerlukan khidmat perunding swasta disebabkan MAMPU dan INTAN juga menyediakan perkhidmatan perundingan.

- (b) Pelaksanaan MS ISO 9000 dalam perkhidmatan awam adalah bertujuan untuk meningkatkan lagi kualiti pemberian perkhidmatan oleh agensi-agensi kerajaan. Perlaksanaannya memerlukan agensi-agensi kerajaan mendokumenkan semua prosedur kerja di agensi berkenaan supaya pegawai-pegawai dan kakitangan agensi jelas dengan apa yang perlu dibuat.

Pada masa ini, telah terdapat perisian komputer yang boleh digunakan untuk tujuan dokumentasi MS ISO 9000. Dengan demikian, perlaksanaannya dengan menggunakan perisian komputer boleh membantu mencapai tahap paperless dalam perkhidmatan awam.

**Dr. Maximus Johnity Ongkili:** Tuan Yang di-Pertua, saya ingin bertanya kepada pihak kementerian, setakat ini berapakah kementerian ataupun jabatan yang telah diberi pengiktirafan dan diberi sijil ISO 9000 ini ataupun di dalam jangka masa yang pendek akan diberi anugerah sijil ini dan seterusnya apakah matlamat tahunan yang diberi

sekarang hingga tahun 2000 dari segi pencapaian tahunan bagi kementerian ataupun jabatan-jabatan tertentu?

**Raja Dato' Ariffin bin Raja Sulaiman:** Tuan Yang di-Pertua, pelaksanaan MS ISO 9000 di seluruh perkhidmatan awam dianggarkan akan mengambil masa sehingga tahun 2000. Pelan pelaksanaan boleh dibahagikan kepada empat peringkat seperti berikut:-

- (i) promosi ISO 9000 yang telah pun dijalankan sejak tahun ini hingga tahun hadapan;
- (ii) untuk mewujudkan dan meningkatkan kemahiran dalam bidang khidmat perundingan dan pengauditan;
- (iii) latihan kepada agensi-agensi kerajaan; dan
- (iv) pelaksanaan di agensi-agensi kerajaan.

Suka dimaklumkan bahawa beberapa bahagian di jabatan-jabatan dan kementerian telah pun memulakan tindakan ini. Saya difahamkan ada dua sekolah di Perlis yang telah pun memulakan ini dan pengauditan akan dijalankan untuk mencapai tahap mendapat pengiktirafan tidak lama lagi.

**Tuan Md. Isa bin Sabu:** Tuan Yang di-Pertua, bagi melaksanakan pengurusan berkualiti ISO 9000 dan juga bagi mendapatkan certification ISO 9000, setakat manakah kesediaan keseluruhan kementerian, jabatan, agensi kerajaan dan juga kakitangan kerajaan bagi melaksanakan program ini dan setakat manakah keyakinan kerajaan bahawa tahun 2000 pengurusan ISO 9000 ini akan berjaya?

Pembahagian harta misalnya, ada bab-bab dalam pembahagian harta yang mungkin - yang tidak ada kaitan dengan agama, yang ada kaitan dengan agama, misalnya Undang-undang Pembahagian Harta Keluarga Islam itu sudah ada, kita tidak boleh hendak

rombak, yang lain-lain itu ada, kita boleh rombak, tetapi ternyata tidaklah semuanya undang-undang dalam negara Malaysia ini mendiskriminasikan wanita, banyak bidang-bidang lain lagi. Dari segi peluang pekerjaan, dari segi peluang untuk menceburi mana sahaja bidang memang tidak ada diskriminasi sama sekali terhadap wanita.

Kekurangan mekanisme di semua peringkat bagi meningkatkan pembangunan dan kemajuan wanita ini telah pun dilaksanakan oleh kerajaan. Kita telah menubuhkan Majlis Integrasi Wanita sejak tahun 1996 dan menubuhkan Unit HAWA kemudian dijadikan pada bahagian dan insya-Allah pada tahun hadapan kita akan dapat meningkatkan Bahagian Hal Ehwal Wanita kepada Jabatan Hal Ehwal Wanita sebagai satu jentera untuk menentukan bahawa pembangunan dan kemajuan wanita dapat dicapai sepenuhnya.

**Tuan Yang di-Pertua:** Panjang lagi Yang Berhormat?

**Datin Paduka Hajah Zaleha binti Ismail:** Ha! itulah saya kata [*Ketawa*] lebih baik saya beri taklimat kepada Ahli-ahli Yang Berhormat ini....

**Tuan Yang di-Pertua:** Ya.

**Beberapa Ahli:** Ya, bagus! bagus!

**Datin Paduka Hajah Zaleha binti Ismail:** Taklimat khas di kementerian saya.

**Tuan Yang di-Pertua:** Ya.

**Datin Paduka Hajah Zaleha binti Ismail:** Boleh, Tuan Yang di-Pertua?

**Tuan Yang di-Pertua:** Ya.

**Seorang Ahli:** Pasti terang!

**Tuan Yang di-Pertua:** Oleh kerana soalnya tadi berkenaan dengan undang-undang Yang Berhormat .....

**Datin Paduka Hajah Zaleha binti Ismail:** Saya sudah cakap tadi, .....

**Tuan Yang di-Pertua:** Ya, sudah cukup, sudah cukup.

**Datin Paduka Hajah Zaleha binti Ismail:** ..... ada dua-tiga undang-undang yang telah saya sebut.

**Tuan Yang di-Pertua:** Saya rasa sudah cukuplah itu.

**Datin Paduka Hajah Zaleha binti Ismail:** Ya, terima kasih. *[Ketawa]*

**Tuan Yang di-Pertua:** Yang Berhormat Tuan Haji Nik Mohd. Amar bin Haji Nik Abdullah.

*[Soalan No. 7 - Y.B. Tuan Haji Nik Mohd. Amar bin Haji Abdullah tidak hadir]*

### **PENDATANG HARAM - TEMPOH TAHANAN**

**8. Tuan Akbarkhan bin Abdul Rahman [Libaran]** minta Menteri Dalam Negeri menyatakan:

- (a) berapa lamakah seseorang pendatang haram itu akan ditahan di pusat tahanan sebelum dia dihantar pulang ke negeri asalnya; dan
- (b) berapa kes yang telah berlaku di mana pendatang haram yang telah dihantar pulang ke negara asal mereka ditangkap semula kerana memasuki negara ini.

**Timbalan Menteri Dalam Negeri [Tuan Ong Ka Ting]:** Tuan Yang di-Pertua,

- (a) tempoh seseorang pendatang tanpa izin akan ditahan di pusat tahanan sebelum dihantar pulang ke negara asal adalah bergantung kepada perkara-perkara berikut:
  - (i) Sekiranya ada dokumen dan tiket penerbangan, penghantaran pulang pendatang tanpa izin akan cepat dilakukan.
  - (ii) Sekiranya pendatang tanpa izin tidak mempunyai dokumen, tetapi mempunyai tiket penerbangan, penghantaran pulang pendatang tanpa izin adalah bergantung kepada berapa cepat atau lambat dokumen diperolehi daripada kedutaan masing-masing.

- (iii) Sekiranya pendatang tanpa izin tidak mempunyai dokumen dan juga tidak mempunyai tiket penerbangan, tempoh penghantaran balik akan mengambil masa yang lama kerana peruntukan kewangan kerajaan perlu diperolehi terlebih dahulu sebelum pendatang tanpa izin dihantar pulang.
- (b) Kementerian Dalam Negeri tidak dapat mengesah sama ada berlaku kes pendatang tanpa izin yang telah dihantar pulang ke negara asal ditangkap sekali lagi kerana memasuki semula negara ini.

Untuk makluman Dewan yang mulia ini, pendatang tanpa izin ini datang tanpa dokumen, oleh yang demikian adalah susah dipastikan identiti sebenar mereka.

**Dato' Haji Abu Zahar bin Dato' Nika Ujang:** Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Oleh kerana kita dapati sekarang ini terlalu ramainya pendatang tanpa izin ke negara kita dan permasalahan dari segi penempatan dan timbulnya masalah-masalah sosial di tempat-tempat penginapan sementara, setelah didapati mereka ini betul-betul pendatang tanpa izin, tidakkah kerajaan bercadang melakukan tindakan sepertimana kita usir pendatang Vietnam yang hanyut ke negara kita dengan menggunakan kerjasama TLDM dan hantar mereka ini pulang tanpa membuang masa?

**Tuan Ong Ka Ting:** Tuan Yang di-Pertua, saya rasa ada perbezaan yang besar kalau kita hendak bandingkan bagaimana kerajaan menghantar pulang pendatang dari Vietnam daripada pendatang tanpa izin yang datang bekerja ini.

Pendatang tanpa izin ini kebanyakan datang daripada negara jiran kita yang rapat atau dekat jaraknya seperti dari Indonesia, Thailand dan sebagainya. Kita hantar balik pada tempat asalnya, tetapi dia datang kembali dengan dikumpulkan oleh sindiket dan sebagainya.

Bagi Vietnam ini, apabila kita hantar pulang dia susah hendak datang sebab jauh dan juga tidak ada sindiket-sindiket untuk menguruskan hal ini kerana tidak ada permintaan pasaran di sini untuk orang Vietnam. Tetapi bagi Indonesia dan Bangladesh ini banyak majikan yang memerlukan, sehingga hari ini masih sanggup menerima mereka, melindungi mereka dan 'mengerjakan' mereka dengan upah yang murah. *[Ketawa]* Itulah masalah pokoknya.

**Dato' Haji Badruddin bin Amiruldin:** Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Memang ramai kita dapat menangkap pendatang-pendatang haram ini, jadi saya ingin tahu berapakah kos untuk menyelenggarakan seorang pendatang haram ini daripada tarikh ditangkap sampailah dia dihantar balik. Tuan Yang di-Pertua, kelmarin mengikut akhbar sebuah negara baru pula datang iaitu dari India, jadi berapa buah negarakah yang sudah datang ke negara kita ini?

**Tuan Ong Ka Ting:** Tuan Yang di-Pertua, adalah susah untuk memberi satu anggaran purata ataupun standard, apabila kita hendak menghantar pulang seseorang pendatang tanpa izin terpulung dari mana mereka itu berasal, dengan cara apa mereka datang dan kemudahan apa kita boleh hantar mereka.

Setakat hari ini terdapat 28 buah negara yang terdapat pendatang tanpa izin ke negara kita. Kita kerap kali tahu iaitu Indonesia, Bangladesh, Myanmar, Nepal, Pakistan, Filipina, Sri Lanka, Thailand, ini semua yang biasa. Tetapi kalau hendak kata negara yang jauh seperti negara Nigeria, Albania, Bahamas, Russia, USA, Ghana, Uzbekistan, Bosnia, Jamaica, Somalia pun ada. Jadi, nampaknya Malaysia ini sudah menjadi sebuah negara yang begitu menarik sampai orang dari seluruh dunia mahu datang. Oleh itu, kita kena berhati-hati apakah consequencenya nanti.

**Datuk Joseph Pairin Kitingan:** Tuan Yang di-Pertua, memandangkan bahawa masalah pendatang tanpa izin ini adalah begitu mustahak sekali untuk diatasi dan

memandangkan bahawa ramai mereka ini yang dihantar kembali balik lagi, jadi apakah langkah-langkah yang diambil oleh kerajaan untuk menentukan supaya mereka yang dihantar balik ini tidak sama sekali kembali lagi tanpa pengurusan rasmi?

**Tuan Ong Ka Ting:** Tuan Yang di-Pertua, saya telah banyak kali menekankan dengan penguatkuasaan sahaja ia tidak akan berkesan kalau orang di sini masih ada lagi yang hendak memberi kerja. Yang paling berkesan sekali iaitu orang Malaysia jangan memberi kerja kepada orang yang tidak sah ini, maka penguatkuasaan itu sekali sahaja - one way, tidak ada two ways.

#### **PERJANJIAN PEMBELIAN TENAGA DI ANTARA TENAGA NASIONAL BERHAD DAN PENGELUAR TENAGA BEBAS**

**9. Tuan Abdul Rahman Haji Sulaiman [Parit Buntar]** minta Menteri Tenaga, Telekom dan Pos menyatakan cadangan untuk mengkaji semula syarat-syarat Perjanjian Pembelian Tenaga di antara Tenaga Nasional Berhad dan Pengeluar Tenaga Bebas (IPP) yang kini terlalu memihak kepada IPP.

#### **Timbalan Menteri Tenaga, Telekom dan Pos [Dato' Chan Kong Choy]:**

Tuan Yang di-Pertua, untuk makluman Ahli Yang Berhormat Pengeluar Tenaga Bebas (IPP) telah diperkenalkan dalam sektor elektrik di Malaysia bagi membekalkan kapasiti yang diperlukan dengan cepat pada masa itu.

Kerajaan telah memberikan peluang kepada sektor swasta untuk melibatkan diri di dalam sektor penjanaan selaras dengan 'Dasar Penswastaan'. Pada ketika itu kerajaan telah mengeluarkan garis panduan untuk memastikan bahawa IPP berdaya maju dalam memenuhi kapasiti tambahan ini dan Perjanjian Pembelian Kuasa atau PPA yang dirangka adalah untuk memenuhi garis panduan ini. Mengkaji semula Perjanjian Pembelian Tenaga bukanlah satu perkara yang mudah kerana perjanjian tersebut telah pun ditandatangani oleh TNB dan IPP. Walau bagaimanapun, kadar elektrik dari IPP boleh dikaji semula dan perkara ini sedang dikaji oleh pihak kerajaan berdasarkan kepada pengalaman PPA yang lain.

Kerajaan sedang juga mengkaji semula syarat-syarat PPA bagi memperkemaskannya untuk IPP yang baru. Kerajaan juga akan meminta pihak IPP memberi sumbangan yang berkesan kepada pembangunan sosial seperti pembangunan bekalan elektrik luar bandar memandangkan buat masa ini tanggungjawab ini hanya dilaksanakan oleh utiliti-utiliti iaitu Tenaga Nasional Berhad, Lembaga Letrik Sabah dan Perbadanan Pembekalan Letrik Sarawak sahaja.

**Tuan Lim Kit Siang:** Tuan Yang di-Pertua, dalam pengkajian syarat-syarat perjanjian pembelian tenaga IPP yang ada disebut oleh Yang Berhormat Timbalan Menteri tadi, bolehkah kerajaan menimbangkan satu cadangan untuk samaratakan harga pembelian kuasa oleh Tenaga Nasional daripada IPP kepada satu tahap yang terendah sekali. Oleh kerana antara harga yang diwajibkan untuk Tenaga Nasional untuk beli daripada IPP ialah antara setinggi 5.5 sen per unit ialah YTL Power Generation Sdn. Bhd. dan minimum Genting Sanyen Power Sdn. Bhd. ialah 11.8 sen per unit sahaja, walhal Tenaga Nasional sendiri apabila menjanakuasa ialah tak sampai 10 sen per unit. Oleh kerana pembelian harga yang tinggi ini merupakan satu beban kepada TNB, operating cost 40% dan apabila menjadi beban kepada TNB ini pun menjadi beban kepada pengguna-pengguna dalam Malaysia. Adakah ini boleh disamaratakan, di mana YTL sebagai contohnya harganya diturunkan kepada 11.8 sen per unit khasnya apabila YTL ada dalam perjanjiannya boleh paksa TNB untuk membayar sampai 70% kapasiti yang dijanakusakan, sungguhpun tidak digunakan oleh Tenaga Nasional sangat tidak adil?

**Dato' Chan Kong Choy:** Tuan Yang di-Pertua, yang dibebankan oleh setiap IPP ini adalah berlainan. Memandangkan beberapa faktor yang akan mempengaruhi kos penjanaan seperti saiz stesen, keupayaan menjana dan jenis bahan api yang digunakan. Walau bagaimanapun, kerajaan dalam proses mengkaji semula tentang kadar kos ataupun

kadar pembelian dari pihak IPP ini kita akan memberikan pertimbangan yang sewajarnya kepada perkara ini.

**Tuan Abdul Rahman bin Haji Sulaiman:** Tuan Yang di-Pertua, dalam jawapan asal Yang Berhormat Timbalan Menteri ada menjelaskan bahawa kerajaan sedang berusaha untuk meminta IPP-IPP ini memenuhi tanggungjawab sosial dengan misalnya membekalkan elektrik ke kawasan-kawasan luar bandar. Memandangkan keuntungan yang begitu besar yang diperolehi oleh IPP ini, sejauh manakah sambutan mereka terhadap gesaan ini?

**Dato' Chan Kong Choy:** Tuan Yang di-Pertua, setakat ini belum ada IPP yang menjalankan ataupun menunaikan saranan dari pihak kerajaan iaitu untuk memberikan ataupun menyertai usaha kerajaan untuk ataupun taraf pembangunan elektrik luar bandar. Walau bagaimanapun, selepas pihak kerajaan mengemukakan permintaan kepada IPP ini, pihak IPP melalui jawatankuasa ataupun persatuan penjana bebas ini, mereka memberikan jaminan kepada pihak kerajaan bahawa mereka sedia memberikan pertimbangan yang serius kepada cadangan dari pihak kerajaan ini.

#### **KONSORTIUM PEMUNGUT SISA-PEPEJAL - KRITERIA PENSWASTAAN**

10. **Tuan Hoo Seong Chang [Kluang]** minta Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan menyatakan difahamkan kerajaan telah melantik 4 konsortium bagi melaksanakan sistem pemungutan sampah yang akan diswastakan:

- (a) bilakah ianya akan dilaksanakan; dan
- (b) bagaimana caj atau kadar pembayaran yang akan dikenakan ke atas orang ramai (pengguna).

**Timbalan Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan [Tuan Tuan Peter Chin Fah Kui]:** Tuan Yang di-Pertua, memandangkan terdapat satu soalan lagi pada hari

ini yang berkaitan dengan tajuk penswastaaan pungutan sisa-sisa pepejal, iaitu soalan nombor 29 daripada Yang Berhormat dari Batu Gajah, saya ingin meminta izin untuk menjawab dua soalan ini sekali gus.

**Tuan Yang di-Pertua:** Baiklah.

**Tuan Peter Chin Fah Kui:** Tuan Yang di-Pertua, kerajaan telah mengenal pasti 4 buah konsortium bagi melaksanakan pengurusan sisa pepejal di seluruh negara. Kerajaan sedang mengadakan perundingan dengan pihak konsortium terlibat bagi menentukan caj atau kadar bayaran yang akan dikenakan ke atas orang ramai serta jadual pelaksanaan perkhidmatan ini. Pelaksanaan projek penswastaaan pengurusan sampah-sampah akan hanya dibuat setelah akta berhubung perkhidmatan tersebut diluluskan oleh Parlimen.

Di antara kriteria utama yang ditentukan oleh kerajaan dalam memilih konsortium untuk penswastaaan pengurusan sisa-sisa pepejal ini, adalah:

- (i) cadangan mengenal pasti skop kerja yang dikehendaki oleh kerajaan;
- dan
- (ii) syarikat mempunyai keupayaan dari segi sumber kewangan dan teknikal menjayakan penswastaaan ini. Sekian.

**Tuan Ahmad Kamaruzaman bin Mohamed Baria:** Tuan Yang di-Pertua, saya ingin bertanya soalan tambahan kepada Yang Berhormat Timbalan Menteri. Adakah Yang Berhormat Timbalan Menteri sedar bahawa pada masa ini kenderaan-kenderaan yang digunakan untuk mengangkut sampah kebanyakannya terdiri dari lori-lori 1 tan, 2 tan yang tidak merupakan lori yang dibuat khas untuk mengangkut sampah, tetapi pick-up truck dan sebagainya? Adakah 4 buah konsortium ini akan mempunyai, pertama dari segi infrastruktur mengangkut sampah itu ada. Yang kedua, dari segi training ataupun latihan yang diberikan. Kerana kalau kita tengok dari sekarang mereka yang mengutip sampah

itu tidaklah merupakan pekerja-pekerja yang dilatih, hinggakan sampah bertaburan di kaki jalan, di tepi rumah dan sebagainya?

**Tuan Peter Chin Fah Kui:** Terima kasih, Yang Berhormat. Jawapan kepada kedua-dua soalan itu ialah semua perkara ini akan diambil kira, dan kita akan menjaminkan semua perkara yang berkaitan dengan penswastaaan akan dibincang dan akhirnya ditetapkan dengan syarat-syarat yang betul dan berkesan.

**Tuan Hoo Seong Chang:** Tuan Yang di-Pertua, mengikut jawapan Yang Berhormat Timbalan Menteri tadi, pelaksanaan projek ataupun penswastaaan pungutan sampah ini dijalankan setelah dibawa kepada Parlimen. Jadi, soalan saya, oleh kerana isu IWK telah menjadi satu pengajaran kepada kementerian, maka adakah kerajaan bersedia terlebih dahulu dengan apa cara pun termasuk menubuhkan satu badan khas di tiap-tiap negeri supaya apabila pelaksanaan dijalankan untuk mengawasi perkhidmatan yang akan dijalankan oleh 4 konsortium tersebut supaya ia tidak akan lagi menimbulkan ketidakpuashatian di kalangan rakyat nanti?

**Tuan Peter Chin Fah Kui:** Tuan Yang di-Pertua, saya rasa cadangan itu adalah tepat, kita akan ambil kira apabila kajian penswastaaan ini diselesaikan dan konsortium-konsortium berkenaan diberi kontrak atau diberi kerja nanti.

### **PASUKAN PENYELAMAT BENCANA ALAM (SMART) - KEPAKARAN**

11. **Dato' Haji Abu Zahar bin Dato' Nika Ujang [Kuala Pilah]** minta Perdana Menteri menyatakan:

- (a) sejauh manakah lengkapnya penubuhan satu pasukan yang dipanggil SMART (Special Malaysia Disaster Assistance Rescue Team) dari segi mutu keupayaan anggota; dan pembekalan alat-alat moden dan canggih sekarang ini; dan
- (b) siapakah yang betul-betul mempunyai kuasa sepenuhnya untuk membuat sesuatu keputusan di atas kegunaan khidmat pasukan ini,

apabila berlaku sesuatu kemalangan besar atau bencana alam yang mengancam keselamatan dan nyawa orang ramai, dan sila nyatakan prosedur yang ada sekarang ini.

**Setiausaha Parlimen di Jabatan Perdana Menteri [Dato' Azmi bin Khalid]:**

Tuan Yang di-Pertua, untuk bahagian;

- (a) Sebagai satu pasukan yang baru ditubuhkan pada 1hb. Ogos, 1995 melengkapkan pasukan SMART ini dari segi keupayaan dan kemahiran anggota serta peralatan dan kelengkapan, adalah merupakan satu proses yang berterusan dan sedang dijalankan. Anggota Pasukan Mencari dan Menyelamat Khas Malaysia (SMART) telah diberikan latihan asas serta latihan-latihan khusus di dalam dan di luar negara bagi meningkatkan kebolehan, keupayaan dan kepakaran yang tinggi. Bagi peralatan dan kelengkapan pula, dalam fasa permulaan ini, pasukan ini telah pun membeli pelbagai jenis peralatan moden yang canggih yang sesuai digunakan untuk mengesan dan menyelamatkan mangsa-mangsa kejadian bencana.

Penghantaran peralatan dan kelengkapan ini dibuat berperingkat-peringkat oleh pembekal-pembekal dan dijangka diterima sepenuhnya pada akhir bulan Oktober, 1996 ini. Walau bagaimanapun, SMART adalah berupaya dan bersedia untuk menjalankan tugas dan tanggungjawabnya. Oleh kerana perkembangan teknologi yang pesat, usaha-usaha untuk menentukan peralatan dan kelengkapan yang bersesuaian dengan keadaan semasa akan terus dijalankan.

- (b) tugas dan tanggungjawab pasukan SMART adalah tertakluk kepada arahan Majlis Keselamatan Negara - Arahan MKN No. (19). Arahan ini menyatakan dengan jelas bahawa selepas mendapat laporan mengenai kejadian bencana besar Ketua Pengarah Bahagian Keselamatan Negara akan mengeluarkan arahan untuk menggerakkan SMART. Bagi penugasan di luar negara pula, arahan

akan dikeluarkan oleh Yang Berhormat Menteri di Jabatan Perdana Menteri yang bertanggungjawab dalam pengurusan SMART selepas menerima perakuan daripada Ketua Pengarah MKN.

**Tuan Chia Kwang Chye:** Tuan Yang di-Pertua, sejak pasukan SMART ini ditubuhkan, berapa kali pasukan SMART ini mengambil bahagian dalam operasi penyelamatan nyawa dan apakah tahap prestasinya khasnya dalam peristiwa bencana di Pos Dipang?

**Dato' Azmi bin Khalid:** Untuk menjawab soalan Yang Berhormat, lebih penting saya memberi penjelasan bahawa SMART tidak ditubuhkan untuk menyelamatkan dalam semua jenis bencana. Hanya bencana-bencana yang memerlukan kepakaran khusus dan memerlukan peralatan yang khusus seperti Highland Towers yang memerlukan kepakaran dan peralatan khusus yang memerlukan khidmat SMART, tetapi bagi kemalangan-kemalangan yang biasa, front linanya ataupun pasukan penyelamat yang depan adalah Pasukan Bomba dan Polis. Kalau didapati pasukan-pasukan ini boleh dan mampu dengan kepakaran dan peralatan yang ada, maka SMART tidak ditugaskan. Jadi, dalam soalan yang disebutkan oleh Yang Berhormat tadi, setakat ini, khidmat SMART secara besar-besaran belum lagi digunakan untuk bencana yang besar-besaran, hanya membantu sedikit sebanyak sahaja, di mana boleh dalam bencana-bencana yang kecil. Dalam masalah Pos Dipang, keupayaan pasukan tempatan yang ada sudah mencukupi.

**Tuan Jacob Dungau Sagan:** Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Oleh kerana sesuatu kemalangan besar atau bencana alam yang mengancam keselamatan dan nyawa orang ramai boleh berlaku di mana-mana tempat dan kawasan, adakah kerajaan mempunyai rancangan untuk menubuhkan cawangan SMART di peringkat negeri seperti di Sarawak dan Sabah supaya pasukan SMART boleh bergerak dengan laju pada bila-bila masa dan di mana-mana tempat sahaja?

**Dato' Azmi bin Khalid:** Tuan Yang di-Pertua, seperti yang dikatakan tadi, SMART tidak ditubuhkan untuk semua bencana. Dalam negara kita sudah ada satu sistem di mana first responder ataupun pasukan yang terdepan sekali dalam masyarakat di tiap daerah ialah pihak Jabatan Polis dan Bomba. Kedua-dua jabatan ini telahpun dilatih dengan cukup untuk menjalankan usaha-usaha menyelamatkan. Cuma, di mana sahaja, kalau berlaku satu bencana yang sukar, yang tidak ada peralatan dan memerlukan satu kepakaran yang khusus, barulah pasukan SMART diminta memberi bantuan. Jadi, sudah ada sistem yang ditetapkan dan sistem ini telah pun berjalan.

Kalau Yang Berhormat melihat akhbar pada hari ini, di Alor Setar petang semalam, seorang pekerja terjatuh dari sebuah menara yang tinggi - kemalangan itu boleh dan mampu diselamatkan oleh pasukan yang ada di tempat itu.

**Tuan Yang di-Pertua:** Masa Pertanyaan-pertanyaan bagi Jalan Mulut selesai.

*[Masa untuk pertanyaan bagi Jawab Mulut telah cukup dan Jawapan bagi Pertanyaan No.7 dan 12 hingga 33 akan dijilid dalam buku berasingan]*

## RANG UNDANG-UNDANG

### RANG UNDANG-UNDANG PENYIARAN (PINDAAN) 1996

#### **Bacaan Kali Yang Kedua dan Ketiga**

Aturan Urusan Mesyuarat dibacakan bagi menyambung semula perbahasan yang ditangguhkan atas masalah, “Bawah Rang Undang-undang ini dibacakan kali yang kedua sekarang.” *[16hb. Oktober, 1996]*

**Tuan Yang di-Pertua:** Yang Berhormat Timbalan Menteri Penerangan, sila sambung jawapan.

**3.35 ptg.**

**Timbalan Menteri Penerangan [Dato’ Drs. Suleiman bin Mohamed]:** Tuan Yang di-Pertua, saya suka memberi response terhadap cadangan Yang Berhormat Parit Buntar berkaitan dengan peningkatan mutu program. Sememangnya menjadi hasrat semua stesen penyiaran untuk meningkatkan mutu program masing-masing bagi mendekatkan jurang perbezaan di antara ekspektasi stesen penyiaran dengan ekspektasi penonton. Walau bagaimanapun, usaha ini dilaksanakan secara berperingkat-peringkat bergantung kepada permintaan dan penawaran serta penaja bagi program-program tersebut. Dalam konteks program-program tempatan, soal kemampuan penerbit-penerbit rancangan tempatan juga merupakan faktor terpenting dalam usaha stesen televisyen meningkatkan mutu siaran masing-masing.

Kementerian Penerangan sedang mengkaji soal iklan jualan langsung yang dibangkitkan dari semua aspek dalam konteks usaha kerajaan untuk mengurangkan pembelian barang-barang import. Bagi menjawab Ahli Yang Berhormat dari Yan, sukalah saya menjelaskan bahawa urusan pemilihan pembekal utama antenna televisyen satelite adalah dikendalikan oleh Measat Broadcast sendiri, iaitu menggunakan Philips sebagai pembekal utama.

Dalam hal ini kerajaan tidak terlibat dalam pemilihan itu, namun begitu menurut Measat Broadcast Philips merupakan pembekal yang paling menepati spesifikasi antena berkenaan. Spesifikasi ini penting bagi memastikan bahan-bahan siaran televisyen satelite itu tidak dicuri oleh pihak yang bertanggungjawab. Penjelasan ke atas cadangan menubuhkan badan khas telah dibuat semasa menjawab cadangan Ahli Yang Berhormat dari Marang.

Ramai ahli-ahli Yang Berhormat telah membangkitkan soal moral yang dikaitkan dengan pengaruh siaran televisyen. Kita semua sedia maklum bahawa pembentukan akhlak merupakan tanggungjawab kita semua sebagai ketua keluarga. Keluarga merupakan sistem paling utama dalam membentuk akhlak ahli sesuatu keluarga, maka sistem-sistem lain seperti pendidikan, pertubuhan media dan sebagainya juga memainkan peranan mereka masing-masing, tidaklah wajar ditumpukan sepenuhnya tanggungjawab ini kepada siaran televisyen yang dikatakan mempengaruhi oleh akhlak.

Ahli Yang Berhormat dari Tanjong dan Kota Melaka telah mempertikaikan kesasihan pengeluaran lesen kepada Measat Broadcast untuk mengendalikan perkhidmatan televisyen dan radio satelite (Astro). Selain daripada itu, ahli-ahli yang berkenaan juga mempertikaikan kesasihan kutipan fee langganan perkhidmatan Astro dan meminta supaya syarikat berkenaan memberhentikan perkhidmatannya dengan serta merta sehingga Rang Undang-undang Penyiaran (Pindaan) 1996 diluluskan.

Pengeluaran lesen penyiaran televisyen satelite kepada Measat Broadcast adalah sah dari segi undang-undang. Terdapat dua akta yang berkaitan dengan pengeluaran lesen ini. Pertama, Akta Penyiaran 1988, yang memberi kuasa kepada Menteri Penerangan untuk mengeluarkan lesen penyiaran kepada Measat Broadcast untuk beroperasi sebagai sebuah stesen penyiaran yang menjalankan aktiviti penyiaran. Kedua ialah Akta Telekomunikasi, 1950 yang memberi kuasa kepada Menteri Tenaga, Telekom

dan Pos untuk mengeluarkan lesen pemasangan dan pengendalian peralatan kepada Measat Broadcast.

Menteri Penerangan telah pun meluluskan dan mengeluarkan lesen penyiaran kepada Measat Broadcast mengikut kuasa di bawah Seksyen 4, Akta Penyiaran 1988, manakala Menteri Tenaga, Telekom dan Pos pula telah melulus dan mengeluarkan lesen peralatan stesen penyiaran kepada syarikat yang sama mengikut kuasa di bawah Seksyen 3 dan Seksyen 37, Akta Telekomunikasi 1950.

Ahli Yang Berhormat dari Tanjong meminta membenarkan ....

**Tuan Lim Kit Siang:** *[Bangun]*

**Tuan Yang di-Pertua:** Ya.

**Tuan Lim Kit Siang:** Bolehkah Yang Berhormat Timbalan Menteri memberi tarikh kedua-dua kelulusan atau lesen, satu di bawah Akta Telekomunikasi dan lagi satu di bawah Akta Penyiaran ada dibuat oleh menteri-menteri yang berkenaan.

Dan kedua, bukankah benar bahawa sehingga pindaan kepada Akta Penyiaran diluluskan dan menjadi undang-undang, semua parabola antena tidak perlu dapat lesen individu mengikut pindaan kepada Akta Telekomunikasi 1993. Semua yang diluluskan oleh Dewan ini, oleh kerana masalah yang dihadapi oleh pemilikan parabola antena di Sabah dan Sarawak ada peruntukan bahawa lesen perlu dikeluarkan di bawah Akta Telekomunikasi dan sehingga rang undang-undang ini menjadi undang-undang dapat digazetkan, bukankah ini bererti bahawa semua yang ada decoder daripada Astro supaya boleh mendapat program-program Astro, setiap orang pun perlu lesen dan kalau tidak inilah tidak sah, inilah illegal.

**Dato' Drs. Suleiman bin Mohamed:** Tuan Yang di-Pertua, barangkali Yang Berhormat Ketua Pembangkang keliru sedikit. Saya sebut tadi memang sudah ada dua akta di kementerian masing-masing, satu Akta Telekomunikasi dan satu Akta Penyiaran.

Akta Penyiaran ini kita ada Akta Ibu. Ahli Yang Berhormat pun sedia maklum menyebutnya dua, tiga kali di dalam perbahasan dan oleh kerana Akta Ibu ini memberi kuasa kepada menteri maka lesen dikeluarkan.

Dalam proses hari ini terdapat penempahan-penempahan. Ini berbeza daripada 'kasus' yang berlaku di Sarawak. 'Kasus' yang berlaku di Sarawak terdapat parabola yang illegal, yang spesifikasinya tidak sama dengan spesifikasi yang telah ditetapkan kepada pihak Measat yang mendapat lesen yang sah daripada Kementerian Penerangan.

Oleh kerana Akta Ibu ini seperti yang saya sebutkan tadi, maka tidak ada percanggahan soal sama ada akta ini diluluskan baru diberi lesen seperti dakwaan Ahli Yang Berhormat Ketua Pembangkang.

**Tuan Lim Kit Siang:** Penjelasan, ini mustahak! Oleh kerana kita perlu mendapat penjelasan sebenarnya. Di bawah Akta Ibu, Akta Penyiaran, Fasal 4 di mana ada menyebut, dengan izin, "No person shall broadcast any broadcast matter in Malaysia except - (b) under and in accordance with the licence granted by the Minister under this Part".

Dan sama ada lesen boleh dikeluarkan oleh broadcast satellite, inilah tidak disebut. Dan oleh kerana ini tidak disebutkan, pindaan ini dikemukakan supaya memberi kuasa yang jelas kepada menteri yang berkenaan untuk memberi lesen satellite broadcasting, yang pertama.

Dan kedua, mengikut pindaan kepada Akta Telekomunikasi 1993 masa itu ada parabola antenna dan oleh kerana undang-undang Akta Telekomunikasi diam dalam perkara ini tidak ada menyebut mengenai parabola antenna sungguhpun kerajaan mahu

mengambil tindakan - tidak boleh! Sebab itu, tahun 1992 ada mengemukakan satu rang undang-undang yang menjadi undang-undang pada tahun 1993 di mana, di sini ada menyebut, perkara yang perlu dilesenkan ialah antara, dengan izin, 'radio communication apparatus which include apparatus used or capable of being used for the purpose of visual and oral reception directly from a space station of any broadcast matter through satellite.' Termasuk, tertangkap sekarang, tetapi oleh kerana masalah-masalah IT tidak boleh dilaksanakan.

Tetapi apa yang sangat jelas ialah oleh kerana kelulusan Akta Telekomunikasi (Pindaan) setiap antena sama ada 6 meter atau 2 meter sekarang decoder, perlu dilesenkan selain daripada lagi satu pindaan yang ada mungkin di dalam yang sekarang ialah Rang Undang-undang Akta Penyiaran (Pindaan) di mana diberi kuasa kepada Yang Berhormat Menteri apabila membenarkan satellite broadcasting mengadakan peraturan-peraturan, membenarkan decoder Astro, tetapi belum buat.

Sebab itu, ada banyak peringkat di mana satellite broadcasting pada saat sekarang tidak diperuntukkan dalam rang undang-undang dan decoder atau antena sekarang Astro pun tidak diperuntukkan dalam undang-undang dan sebab itu illegal selain daripada setiap decoder diberi lesen di bawah Akta Telekomunikasi. Ini pun sangat luar biasa dan oleh kerana itu apa yang lebih tepat ialah Astro hormati apa yang ada dalam undang-undang, sungguhpun ada tax transmission, tetapi tidak boleh kutip bayaran sehingga undang-undang yang di hadapan kita menjadi undang-undang, dapat royal accent dan digazetkan.

**Dato' Drs. Suleiman bin Mohamed:** Tuan Yang di-Pertua, kalau saya boleh baca fikiran Ahli Yang Berhormat Ketua Pembangkang, barangkali Ketua Pembangkang hendak menuju kepada redundansi kedua akta ini.

**Tuan Lim Kit Siang:** Bukan redundansi, oleh kerana tidak ada peruntukan untuk antena digunakan oleh sesiapa tanpa lesen dikeluarkan oleh Menteri Tenaga, Telekom dan Pos, sungguhpun Yang Berhormat Menteri Penerangan sudah memberi lesen untuk satellite broadcasting, tetapi timbul kekeliruan sama ada menteri ada kuasa berbuat begitu, oleh kerana di bawah Akta Ibu tidak ada peruntukan untuk satelit broadcasting. Banyak kekeliruan!

**Dato' Drs. Suleiman bin Mohamed:** Baiklah! Saya akan membersihkan kekeliruan Ahli Yang Berhormat Ketua Pembangkang setelah saya pergi, Ahli Yang Berhormat keliru ya?

**Tuan Lim Kit Siang:** Bukan saya keliru! *[Ketawa]* Saya tidak keliru! Saya sangat jelas bahawa dalam rang undang-undang sekarang bahawa menteri tidak ada kuasa untuk memberi lesen untuk satellite broadcasting dan kalau dia ada beri kuasa untuk satellite broadcasting, tidak ada sesiapa yang boleh menggunakan antena sama decoder Astro selain daripada mendapat lesen masing-masing daripada Menteri Tenaga, Telekom dan Pos di bawah Akta Telekomunikasi selain daripada rang undang-undang ini menjadi undang-undang.

**Dato' Drs. Suleiman bin Mohamed:** Yang Berhormat, sebenarnya memang ada kuasa untuk memberi lesen berkaitan dengan lesen. Kalau boleh saya yakinkan Yang Berhormat bahawa saya ada surat di sini untuk menyatakan bahawa peraturan sekarang meliputi lesen satelit.

**Tuan Lim Kit Siang:** Maksud surat itu apa dia?

**Dato' Drs. Suleiman bin Mohamed:** Saya minta lanjutkan sedikit Tuan Yang di-Pertua.

**Tuan Yang di-Pertua:** Okay, sila.

**Dato' Drs. Suleiman bin Mohamed:** Sesudah itu barulah pergi kepada masalah ini.

**Tuan Yang di-Pertua:** Sila teruskan.

**Tuan Lim Kit Siang:** Kalau boleh kita mahu tahu apa surat itu dan siapa tulis surat itu?

**Dato' Drs. Suleiman bin Mohamed:** Beri saya peluang untuk melanjutkan.....

**Tuan Lim Kit Siang:** Yang Berhormat Timbalan Menteri sendiri sebut surat, bukan saya. Tetapi apabila sebut surat, kita mahu tahu apa surat itu dan siapa yang tulis surat?

**Dato' Drs. Suleiman bin Mohamed:** Apabila saya dapat bawa dan seterusnya saya akan pergi kepada tajuk pokok yang disebut oleh Yang Berhormat Ketua Pembangkang.

Yang Berhormat dari Tanjong juga meminta membenarkan penggunaan parabola di Sabah dan Sarawak. Kita membentangkan rang undang-undang ini kepada orang ramai untuk mendapatkan pandangan mereka termasuk isu menggantikan radio analog kepada digital, bertanyakan sama ada rang undang-undang ini merangkumi kawalan Internet yang sudah saya jawab kelmarin dan meminta Astro membayar kepada RTM, TV1 dan TV2 dimasukkan di dalam Television Satelite Astro. Saya akan pergi kepada perkara itu.

Sukalah saya nyatakan bahawa Kementerian Penerangan merasa takjub dan kita merasa cukup hairan dengan pendirian Yang Berhormat Ketua Pembangkang kerana di satu pihak mempersoalkan kesahihan dan mempertikaikan soal kesahihan lesen ini kepada Measat yang didakwa tidak sah tadi dan perkhidmatannya perlu dihentikan

serta-merta tetapi di sebaliknya menyokong agar parabola yang illegal dibenarkan di Sarawak. Jadi saya keliru. Saya takut keliru saya dapat penyakit daripada Yang Berhormat.

**Tuan Lim Kit Siang:** Tuan Yang di-Pertua, minta penjelasan. Boleh saya bersihkan kekeliruan itu? Yang pertama saya tidak kata bahawa perkhidmatan Astro diberhentikan serta-merta. Saya kata testing transmission, okay, tetapi tidak boleh kutip bayaran atau subscription bulanan oleh kerana kalau berbuat begitu ia adalah illegal. Yang pertama.

Kedua, tidak ada apa-apa percanggahan antara menyeru bahawa kerajaan patutlah mematuhi apa peruntukan yang sedia ada dalam undang-undang dan apa yang sedia ada dalam undang-undang ialah menteri yang berkenaan, Yang Berhormat Menteri Penerangan tidak ada kuasa untuk memberi lesen untuk satellite broadcasting.

Ketiga, bahawa decoder Astro tidak boleh digunakan selain daripada ada licensing masing-masing yang dikeluarkan oleh Menteri Tenaga, Telekom dan Pos di bawah Akta Telekomunikasi.

Keempat, apabila saya mencadangkan bahawa parabolic antenna di Sabah dan Sarawak yang sedia ada, tidak tahulah berapa biji - lebih kurang 40,000, itu tidak bercanggah oleh kerana ini adalah satu realiti di mana ada diakui oleh kerajaan oleh kerana sudah 5 tahun kerajaan berusaha membuat ugutan, kata dua, dismantle, “kalau tidak - ambil tindakan”, tetapi tidak boleh buat apa-apa oleh kerana information technology begitu pesat. Sampai sekarang adalah pizza size disk.

Apa yang saya cadangkan bahawa oleh kerana mahu meneruskan satellite broadcasting bahawa mereka boleh dibenarkan untuk menggunakan parabolic antenna dan mereka tidak menjadi irrelevant, obsolete oleh kerana mungkin satelit Astro akan jammed program untuk parabolic antenna. Ini tidak adil dan bahawa kerajaan patut

mengadakan satu peraturan di mana parabolic antenna yang ada sekarang di Sabah, Sarawak dan Semenanjung Malaysia, Tun Daim pun ada, saya rasa kita semua tahu dia penasihat ekonomi - boleh terus digunakan.

Ada satu pilihan untuk mereka terus boleh menerima transmissions satelit-satelit yang ada atau menggunakan satelite transmissions Astro-Measat. Ada pilihan. Kenapa kerajaan mahu benarkan Astro atau Measat untuk jammed satelit transmissions parabolic antenna?

**Dato' Drs. Suleiman bin Mohamed:** Yang Berhormat, dalam Perenggan 10 enclosure (c) rang undang-undang ini, ada takrif iaitu “alat penerima siaran televisyen”. Jadi oleh kerana apabila ia dikuatkuasakan dan peraturan-peraturan mengenai spesifikasi radas yang menjadi sebahagian daripada alat terima siaran televisyen dibuat dan mula dikuatkuasakan, maka mana-mana orang yang menggunakan antena penerima, termasuk parabola yang didakwa sebanyak 40,000 di Sarawak tidak menepati spesifikasi yang telah diluluskan oleh kerajaan sebagaimana Perenggan 10 enclosure (c) rang undang-undang yang ada ini.

Melainkan jika.....

**Tuan Lim Kit Siang:** Penjelasan dalam perkara ini. Ya, kalau ikut sekarang, apa hasrat kerajaan untuk menghadkan antena parabola itu, apa yang sedia ada di Sabah, Sarawak dan Semenanjung Malaysia tidak sah atau illegal. Tetapi oleh kerana tidak mengikut spesifikasi, kenapa tidak boleh tukar spesifikasi supaya boleh membenarkan parabolic antenna yang ada menjadi terus legal? Itulah masalahnya. Bukan parabolic antenna itu illegal - ia adalah kerana spesifikasi yang membuat ia illegal. Kenapa spesifikasi kerajaan tidak boleh ditukarkan untuk accommodate parabolic antenna supaya ia terus menjadi legal?

**Dato' Drs. Suleiman bin Mohamed:** Yang Berhormat, di bawah 21C. rang undang-undang ini, “menteri mempunyai kuasa”, kita boleh timbang.

**Tuan Lim Kit Siang:** Ya, baik.

**Dato' Drs. Suleiman bin Mohamed:** Timbanglah - di bawah seksyen baru 21C.

Tuan Yang di-Pertua, hasrat untuk meminda Akta Penyiaran 1988 dan juga mengadakan siaran televisyen satelit, ini telah pun dihebahkan melalui media massa, media elektronik dan di Dewan yang mulia ini sejak beberapa tahun yang lalu.

Sehubungan dengan itu, kita telah menerima beberapa maklum balas mengenainya dan telah pun diberi perhatian oleh Kementerian Penerangan. Dengan demikian, rang undang-undang ini tidak perlu diedarkan kepada orang ramai seperti mana yang dituntut oleh Yang Berhormat Ketua Pembangkang kelmarin untuk mendapat ulasan mereka. Sebaliknya, berasaskan kepada peraturan yang sedia ada, rang undang-undang ini dibentangkan di dalam Dewan Rakyat dan Dewan Negara sahaja. Ianya adalah selaras dengan sistem pemerintahan negara ini di mana Ahli-ahli Yang Berhormat di Dewan ini adalah mewakili rakyat bagi membahaskan rang undang-undang ini, tidak seperti Yang Berhormat kelmarin heboh mengatakan kita tidak meminta referendum dari rakyat semata-mata untuk menukar rang undang-undang ini. Bukan referendum ya?

**Tuan Lim Kit Siang:** Penjelasan. Saya tak pernah menggunakan referendum. Tadi Yang Berhormat Timbalan Menteri kata bahawa rang undang-undang ini cukup undi diberikan kepada Ahli-ahli Parlimen sungguhpun hari itu diberikan, hari ini dapat dibahas, tidak payah diberitahu kepada orang ramai. Bukankah ini cara pemerintahan kerajaan sekarang?

Bukankah ini satu cara pre-masyarakat maklumat? Cara yang tidak tepat dan tidak patut - a pre-information society! Bukankah lebih selaras dengan satu masyarakat maklumat, satu information society di mana sungguhpun Ahli-ahli Parlimen mewakili rakyat dan akan ada tanggungjawab tunggal untuk menentukan sama ada meluluskan undang-undang atau tidak bahawa sebelum proses perbahasan dibuat oleh Dewan Rakyat,

semua rang undang-undang, bukan hanya Rang Undang-undang Penyiaran (Pindaan) 1996 sahaja, tetapi semua rang undang-undang sebagai satu rules diberi notis kepada orang ramai supaya mereka boleh participate.

Saya percaya Yang Berhormat Timbalan Menteri faham 'participatory democracy'. Participatory democracy dalam satu masyarakat maklumat. Itulah bererti semangat masyarakat maklumat. Adakah ini boleh dibuat supaya semua rang undang-undang sebelum akan datang ke Dewan yang mulia ini untuk dibahaskan oleh ahli-ahli parlimen, akan diberitahu kepada orang ramai dan bukannya ini satu keputusan dibuat oleh kabinet dalam bulan Januari tahun ini apabila rang undang-undang untuk institut pengajian tinggi (higher education) mahu dibahaskan, tetapi oleh kerana tidak diberi notis, Dewan yang mulia ini terpaksa ditangguhkan dan kabinet buat keputusan bahawa semua rang undang-undang sepatutnya diberi kepada semua ahli parlimen dua minggu sebelum itu. Kenapa ini sudah dicabuli oleh Kementerian Penyiaran?

**Dato' Drs. Suleiman bin Mohamed:** Tuan Yang di-Pertua, akta ini sudah kita sampaikan dua minggu sebelum ini kepada semua Ahli Yang Berhormat menerusi alamat rumah masing-masing. Barangkali Yang Berhormat tak ada di rumah.

[Timbalan Yang di-Pertua *mempengerusikan Mesyuarat*]

**Tuan Lim Kit Siang:** Penjelasan, penjelasan.....

**Dato' Drs. Suleiman bin Mohamed:** Ada empat rumahkah, Yang Berhormat?

[*Ketawa*]

**Tuan Lim Kit Siang:** Penjelasan. Ini 'uncalled for'. Saya harap Yang Berhormat Timbalan Menteri boleh tarik balik dan minta maaf. Tarik balik. Saya tak personal dengan Yang Berhormat Timbalan Menteri. Kalau Yang Berhormat Menteri mahu personal, saya boleh personal. Saya harap kita gentleman.

**Dato' Drs. Suleiman bin Mohamed:** Okay, Yang Berhormat. Maksud saya, kita sudah hantar dua minggu sudah.

**Tuan Lim Kit Siang:** Bukan. Apa ertinya 'empat rumah'?

**Dato' Drs. Suleiman bin Mohamed:** Oh, barangkalilah.....

**Tuan Lim Kit Siang:** Okay, mahu tarik balik?

**Dato' Drs. Suleiman bin Mohamed:** Okay, saya tarik balik.

**Tuan Lim Kit Siang:** Baik, kita tak mahu personal, kita gentleman.

**Dato' Drs. Suleiman bin Mohamed:** Tak ada masalah personal.

**Tuan Lim Kit Siang:** Okay, saya mahu sebutkan. Rang undang-undang ini, boleh check dengan Parlimen, tak sampai ke tangan ahli parlimen.....

**Dato' Dr. Haji Jamaluddin bin Dato' Mohd. Jarjis:** *[Bangun]*

**Timbalan Yang di-Pertua [Tuan Ong Tee Keat]:** Yang Berhormat, Rompin bangun.

**Tuan Lim Kit Siang:** Saya belum habis, apa ini?

**Timbalan Yang di-Pertua [Tuan Ong Tee Keat]:** Belum lagi, Yang Berhormat, sabar.

**Tuan Lim Kit Siang:** Rang undang-undang ini tentulah saya boleh jelaskan di sini, tegaskan di sini, tak sampai di tangan ahli-ahli parlimen dua minggu. Semua ahli parlimen saya mahu tanya, ada? Kalau sesiapa berani kata dia ada terima, dia pembohong. Berdiri siapa terima dua minggu dahulu? Siapa berani kata dia terima, saya kata di sini dia pembohong. Berapa pembohong ada dalam Dewan yang mulia ini? Itu kita jangan main-main, ini serius, jangan putar belit. Kita ada dapat beberapa hari sebelum itu, 5 hari, tetapi bukan 2 minggu. Tetapi apa yang mustahak ialah keputusan kabinet bahawa semua ahli parlimen dapat dua minggu notis.

Kedua, patutlah semua rang undang-undang yang akan dikemukakan kepada Dewan patut diberitahu kepada orang ramai. Kenapa kedua-dua ini selaras dengan satu masyarakat maklumat tidak boleh diikuti?

**Dato' Drs. Suleiman bin Mohamed:** Tuan Yang di-Pertua, saya sendiri monitor khususnya kepada Yang Berhormat sendiri agar ia sampai dua minggu di rumah dan saya tak tahu kalau dalam perjalanan ada hal-hal perkara yang berlaku. Tetapi berkaitan dengan Akta Penyiaran ini, sebelum kita nak bawa kepada pindaan, kita sudah hebahkan melalui media massa jauh lama dahulu agar masyarakat sudah sedia maklum akta ini akan dipinda pada satu hari kelak. Kita hebahkan seperti saya sebut melalui media massa, kita siarkan dengan pelbagai cara agar orang sudah bersedia untuk menerima pindaan ini.

**Tuan Lim Kit Siang:** Penjelasan. Yang pertama, benar dan saya setuju bahawa kerajaan atau Yang Berhormat Menteri Penerangan atau Yang Berhormat Timbalan Menteri Penerangan adalah hebahkan bahawa Akta Penyiaran akan dipinda, bukan sahaja tahun ini tetapi tahun lepas pun. Tetapi apa gunanya kalau isi kandungan pindaan tidak diberitahu kepada orang ramai? Ini langsung tak bererti. Saya tak tahu kenapa Yang Berhormat Timbalan Menteri tak faham bahawa inilah prasyarat untuk satu masyarakat maklumat yang kita mahu membina. Saya tak tahu apa jenis masyarakat maklumat yang kita mahu membina kalau kita pun tak boleh terima prasyarat-prasyarat semacam ini.

Kedua, bila rang undang-undang sampai ke tangan semua ahli parlimen? Tadi saya kata siapa berani berdiri kata dapat dua minggu, dia pembohong, buktikan di sini. Inilah Pos Laju, semua rang undang-undang, bila? Tarikh cop - 7hb. Oktober keluar daripada Dewan. Boleh sampai di tangan ahli parlimen 1hb. Oktober? Terbalik. Oh, this is a fantastic! Saya menegaskan di sini, siapa berani berdiri kata dia dapat bil dalam masa dua minggu, pembohong sekali.

**Dato' Drs. Suleiman bin Mohamed:** Tadi Yang Berhormat salahkan saya, sekarang ini Yang Berhormat hendak salahkan Pos pula.

**Tuan Lim Kit Siang:** Tak salah, saya tak salahkan Pos Laju. Cop di sini tak diakui. Mahu tengok, boleh tengok. Mahu tengok? *[sambil menunjukkan sampul surat]*

**Dato' Drs. Suleiman bin Mohamed:** Tak apa.

**Timbalan Yang di-Pertua [Tuan Ong Tee Keat]:** Yang Berhormat, tak payahlah.

**Tuan Lim Kit Siang:** Oh, tak payah, terima? Okay. Saya tak salahkan Pos Laju, ini saya terima.

**Dato' Drs. Suleiman bin Mohamed:** Oh, saya ingat Yang Berhormat marahkan Pos Laju. Tuan Yang di-Pertua, saya minta kebenaran untuk meneruskan.

Yang Berhormat ada membangkitkan soal TV1 dan TV2 yang pemancaran akan dilakukan menerusi Astro. Ia merupakan khidmat awam di mana kos penyiaran dan penyewaan transponder, dengan izin, yang dianggarkan sebanyak RM 7 juta hingga RM 10 juta setahun yang akan dibiayai oleh Astro. Ini komitmen dia. RTM masih mempunyai hak penuh ke atas segala pendapatan iklan perdagangan, tajaan dan sebagainya daripada TV1 dan TV2 tetapi khidmat awam kos penyiaran akan dibuat oleh Astro sebagai khidmat mereka kepada TV1 dan TV2. Ini dibangkikan oleh Yang Berhormat dari.....

**Tuan Lim Kit Siang:** Penjelasan. Adakah ini bererti percuma? Astro gunakan RTM1 dan RTM2 percuma? Bukankah ini sangat aneh dan luar biasa? Kenapa Astro boleh dapat percuma dua channel untuk siarkan dan kutip wang daripada mereka yang mahu menonton itu? Sebab itu, bukankah ini satu sebab yang justifikasikan bahawa television licence fee patut dibatalkan, dimansuhkan?

**Dato' Drs. Suleiman bin Mohamed:** Saya ingat belum habis lagi. Oleh kerana itu RTM masih mempunyai hak, seperti saya sebut, untuk mengutip iklan perdagangan atau tajaan walaupun khidmat awam dibuat, kos penyiaran dan penyewaan transponder dianggarkan RM 7 juta hingga RM 10 juta sepertimana saya sebutkan.

Ahli Yang Berhormat dari Kota Melaka juga telah meminta supaya masa siaran berbahasa Cina ditambah.....

**Dato' Dr. Haji Jamaluddin bin Dato' Mohd. Jarjis:** *[Bangun]*

**Dr. Tan Seng Giaw:** *[Bangun]*

**Timbalan Yang di-Pertua [Tuan Ong Tee Keat]:** Yang Berhormat, Rompin bangun.

**Dr. Tan Seng Giaw:** Beri saya dahulu, ya?

**Timbalan Yang di-Pertua [Tuan Ong Tee Keat]:** Ada dua orang bangun di sini.....

**Dato' Drs. Suleiman bin Mohamed:** Beri saya selesaikan dahulu.

**Timbalan Yang di-Pertua [Tuan Ong Tee Keat]:** Tetapi saya nampak Rompin bangun dahulu tadi.

**Dato' Dr. Haji Jamaluddin bin Dato' Mohd. Jarjis:** Nak terikut bos dia hari ini. Saya hendak bertanya kepada timbalan menteri, dahulu kita mendengar tentang keluhan masyarakat di negara kita bahawa pemancaran daripada TV1 dan TV2 kualiti dari segi gambar, dari segi suara kurang baik dari segi mutu dan kualitinya. Adakah dengan membenarkan pemancaran TV1 dan TV2 dengan melalui satelit ini akan meningkatkan lagi mutu dan kualiti? Adakah ini salah satu sebab mengapa kerajaan membenarkan TV1 dan TV2 ini dipancarkan melalui satelit? Saya minta penjelasan sedikit daripada timbalan menteri.

Saya akan mengumumkan keanggotaan panel ini tidak lama lagi. Sebelum saya mengakhiri ucapan ini, saya berharap tidak ada sebarang pertikaian lagi. Soalan telah saya jawab berkaitan dengan yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat Ketua Pembangkang. Soal percanggahan lesen sudah pun saya jawab. Saya rasa tidak perlu untuk saya bangkitkan di sini. Sekian, terima kasih.

**Tuan Lim Kit Siang:** Tuan Yang di-Pertua, soal korporat, digital, analog, jamin mahu jawab, sekarang tak jawab, apa ini?

**Timbalan Yang di-Pertua [Tuan Ong Tee Keat]:** Yang Berhormat,.....

**Tuan Lim Kit Siang:** Yang Berhormat Timbalan Menteri sendiri kata dia akan jawab.

**Timbalan Yang di-Pertua [Tuan Ong Tee Keat]:** ....Timbalan Menteri sudah akhirkkan, dia sudah habis jawab.

**Tuan Lim Kit Siang:** Saya tak tahu. Dia sendiri kata dia jamin di sini dia mahu jawab, kita tunggu, mungkin dia lupa. Bolehkah Yang Berhormat Timbalan Menteri jawab perkara-perkara yang dia janji dalam Dewan ini di depan semua orang, di depan Tuan Yang di-Pertua, bahawa dia akan jawab? Dia sudah lupa. Bolehkah kita bantu dia? Ini serius. Apabila bangkit di sini, kita bangkit perkara yang serius, kita tunggu jawapan untuk bukan sahaja kita, tetapi juga rakyat.

**Dato' Drs. Suleiman bin Mohamed:** Tuan Yang di-Pertua, saya rasa saya sudah jawab mengenai radio lebuhraya yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat. Yang Berhormat telah menanyakan sama ada sudah mula menggunakan sistem radio digital sejak dilancarkan. Saya mengatakan, kalau saya tak silap bahawa RTM telah menukar sistem radionya kepada digital berperingkat-peringkat. Banyak persoalan yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat Ketua Pembangkang telah saya layan dengan secukupnya.

**Tuan Lim Kit Siang:** Surat-surat, siapa tulis surat itu, apa bentuk surat, apa authority surat?

**Dato' Drs. Suleiman bin Mohamed:** Apakah saya perlu membaca sekeping surat?

**Tuan Lim Kit Siang:** Ya baca, oleh kerana Yang Berhormat Timbalan Menteri sebut surat, bukan saya sebut surat, ya baca.

**Dato' Drs. Suleiman bin Mohamed:** Saya bagi dialah.

**Tuan Lim Kit Siang:** Bagi kepada saya, okay boleh, saya terima.

**Dato' Drs. Suleiman bin Mohamed:** Terima kasih.

**Timbalan Yang di-Pertua [Tuan Ong Tee Keat]:** Jadi, kalau hendak beri nantilah. Bukannya hendak baca.

**Tuan Lim Kit Siang:** Boleh pass over.

**Timbalan Yang di-Pertua [Tuan Ong Tee Keat]:** Baiklah.

**Timbalan Yang di-Pertua [Tuan Ong Tee Keat]:** Ahli-ahli Yang Berhormat, sekarang saya kemukakan masalah kepada Majlis bagi diputuskan. Masalahnya ialah bahawa Rang Undang-undang ini dibacakan kali yang kedua sekarang.

Masalah dikemuka bagi diputuskan, dan disetujukan.

Rang Undang-undang dibacakan kali yang kedua dan diserahkan kepada Dewan sebagai Jawatankuasa.

Dewan bersidang sebagai Jawatankuasa.

[Timbalan Yang di-Pertua *mempengerusikan Jawatankuasa*]

**Fasal 1 hingga 24 -**

**Dato' Othman bin Abdul:** [*Bangun*]

**Tuan Pengerusi [Tuan Ong Tee Keat]:** Ya, ada yang bangun, Pendang.

**Dato' Othman bin Abdul:** Tuan Pengerusi, Perkara 23, Seksyen 23 pindaan. Saya hendak bertanya Yang Berhormat Timbalan Menteri tentang pemakaian bahasa. Seksyen 23 mengatakan “memasang”, “dipasangkan”. Dalam huraian yang disebutkan atau mengatakan ialah dengan menggantikan perkataan “memasang” dengan perkataan “menempatkan” untuk sama ertikan dengan perkataan “install”. Pemahaman saya dalam Bahasa Kebangsaan, “install” ialah “memasang”, bukan “menempatkan”. Contoh kata, saya menempatkan anak saya di Universiti Malaya - “menempatkan anak saya”. Saya tidak kata “menempatkan parabola di rumah saya.” Tetapi “saya memasang parabola di rumah saya”. Jadi, saya rasa oleh kerana kita perlu memberi penjelasan tentang pengguna bahasa yang tidak tepat, yang hendak disesuaikan dengan pengertian bahasa Inggeris, “to install”. Saya rasa ini perlu dibetulkan tentang makna sebenar perkataan dalam Seksyen 23 ini. Terima kasih.

**Tuan Pengerusi [Tuan Ong Tee Keat]:** Ya, Yang Berhormat Timbalan Menteri.

**Dato' Drs. Suleiman bin Mohamed:** Terima kasih Yang Berhormat. Kita akan mengambil perhatian perkara ini. *[Ketawa]*

**Fasal 1 hingga 24** diperintahkan jadi sebahagian daripada Rang Undang-undang.

Rang Undang-undang dilaporkan dengan tidak ada pindaan: dibacakan kali yang ketiga dan diluluskan.

**RANG UNDANG-UNDANG AHLI PARLIMEN  
(SARAAN) (PINDAAN) 1996**

**Bacaan Kali Yang Kedua dan Ketiga**

**4.28 ptg.**

**Menteri di Jabatan Perdana Menteri [Dato' Abang Abu Bakar bin Datu Bandar Abang Haji Mustapha]:** Tuan Yang di-Pertua, saya mohon mencadangkan

iaitu Rang undang-undang Ahli Parlimen (Saraan) (Pindaan)1996 dibacakakan kali kedua sekarang.

Tuan Yang di-Pertua, sepertimana kita sama-sama sedia maklum bahawa pada bulan Mac tahun ini, kerajaan telah pun meluluskan pelarasan saraan gaji anggota sektor awam berdasar kadar peningkatan atau 'topping up' dengan izin, mengikut kumpulan perkhidmatan. Kadar peningkatan gaji yang diberikan ialah seperti berikut, iaitu Kumpulan Pengurusan Tertinggi sebanyak RM150.00 dan Kumpulan Pengurusan dan Profesional RM90.00. Sementara Kumpulan Sokongan, kadar yang diberikan minimum sebanyak RM60.00. Tambahan pula buat pertama kalinya anggota Kumpulan Pengurusan dan Profesional Gred III dan Kumpulan Sokongan telah diberikan Imbuhan Tetap Perumahan atau ITP sebanyak masing-masing RM110.00 dan RM90.00 sebulan.

Susulan daripada pelarasan saraan anggota sektor awam, kerajaan juga telah meluluskan pelarasan saraan anggota Suruhanjaya dan Anggota Perkhidmatan Kehakiman juga berasaskan kadar peningkatan atau dengan izin, topping up yang diberi kepada Kumpulan Pengurusan Tertinggi iaitu sebanyak RM150.00.

Oleh itu, Tuan Yang di-Pertua, kerajaan merasakan bahawa pelarasan saraan yang sama adalah adil dan sewajarnya dipanjangkan atau dengan izin, extended juga kepada anggota pentadbiran, Tuan Yang di-Pertua Dewan Negara, Tuan Yang di-Pertua Dewan Rakyat, setiausaha parlimen, Ahli Dewan Negara, Ahli Dewan Rakyat, Anggota Pentadbiran Negeri, Speaker, Ahli Dewan Undangan Negeri, Setiausaha Politik, Timbalan Yang di-Pertua Dewan Rakyat, Ketua Dewan Rakyat, Ketua Pembangkang dan Timbalan Ketua Dewan Rakyat.

Tuan Yang di-Pertua, cadangan pelarasan saraan anggota pentadbiran dan Ahli Parlimen adalah diasaskan kepada jumlah gaji yang disandarkan kepada jawatan berkaitan dan telah dibandingkan dengan jawatan yang setaraf dengan sektor awam.

Oleh yang demikian, kadar peningkatan yang dicadangkan mengikut jawatan adalah seperti berikut:

**Kadar peningkatan RM150 -**

**(a) Persekutuan -**

Perdana Menteri, Timbalan Perdana Menteri, Timbalan Menteri,  
Yang di-Pertua Dewan Negara, Yang di-Pertua Dewan Rakyat dan  
Setiausaha Parlimen.

(b) **Negeri -**

Menteri Besar, Ketua Menteri.

**Kadar peningkatan RM90 -**

(a) **Persekutuan** - Setiausaha Politik, Timbalan Yang di-Pertua Dewan  
Negara, Timbalan Yang di-Pertua Dewan Rakyat, Ahli Dewan  
Rakyat, Ketua Dewan Rakyat, Ketua Pembangkang dan Timbalan  
Ketua Dewan Rakyat.

(b) **Negeri -**

Speaker, Anggota Pentadbiran Negeri dan Ahli Dewan Undangan  
Negeri.

Tuan Yang di-Pertua, saraan bagi anggota pentadbiran persekutuan, Yang di-  
Pertua dan Timbalan Yang di-Pertua Dewan Negara/Dewan Rakyat dan Ahli-ahli  
Parlimen, kecuali Setiausaha Politik adalah diperuntukkan di bawah Akta Ahli Parlimen  
(Saraan) 1980. Sebarang perubahan kepada elaun bulanan gaji Ahli-ahli Parlimen, Yang  
di-Pertua Dewan Negara dan Dewan Rakyat dan Anggota Pentadbiran boleh dibuat  
dengan pindaan undang-undang ke atas seksyen-seksyen 3, 4 dan 6, Akta Ahli Parlimen  
(Saraan) 1980 yang sudah diluluskan oleh Dewan yang mulia ini.

Tuan Yang di-Pertua, saya ingin menjelaskan di sini bahawa rang undang-undang  
yang dibawa ini hanyalah untuk tujuan memaklumkan kepada Dewan yang mulia  
mengenai kadar peningkatan atau topping up, dengan izin, pelarasan saraan anggota  
pentadbiran dan Ahli Parlimen sebanyak RM150 dan RM90 sahaja. Penyelarasan saraan  
gaji ini akan mula berkuatkuasa pada 1hb. Januari 1995. Ianya adalah semata-mata

pelarasan gaji, dengan izin, salary adjustment dan bukannya semakan gaji, atau salary revision, dengan izin, dan tidak melibatkan elaun-elaun lain.

Dengan keterangan-keterangan yang saya berikan, saya percaya Ahli-ahli Yang Berhormat sekalian akan memberi sokongan yang sepenuhnya atas cadangan Rang Undang-undang Ahli Parlimen Saraan (Pindaan) 1996 ini.

Tuan Yang di-Pertua, saya mohon mencadangkan.

**Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri [Datuk Haji Mohamed Nazri bin Abdul Aziz]:** Tuan Yang di-Pertua, saya mohon menyokong.

**Timbalan Yang di-Pertua [Tuan Ong Tee Keat]:** Ahli-ahli Yang Berhormat, masalah di hadapan Majlis ialah rang undang-undang bernama suatu Akta untuk meminda Akta Ahli Parlimen (Saraan) 1980 dibacakan kali kedua sekarang dan terbuka untuk dibahas. Cheras.

**4.35 ptg.**

**Tuan Tan Kok Wai [Cheras] :** Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua. Bagi kami dari DAP, cadangan pindaan yang dibentangkan pada hari ini, menerusi Akta Ahli Parlimen (Saraan) 1980 yang mencadangkan kenaikan elaun, tidak memberi apa-apa makna kepada kami kerana kami bukanlah wakil-wakil rakyat yang hidup mewah. Kami tidak berbelanja besar, tiada kereta dan rumah besar, tidak ada politik wang dan tidak melanggni restoran-restoran mahal. Berbeza pula dengan wakil-wakil rakyat Barisan Nasional, barangkali mereka yang lebih kecewa kerana kenaikan ini tidak besar, tidak tinggi, sebab matlamat mereka menjadi wakil rakyat ialah untuk mendapat return yang besar.

Tuan Yang di-Pertua, sekarang kos sara hidup sangat tinggi kerana kerajaan gagal menunaikan janjinya untuk mewujudkan Inflasi Sifar, sedangkan kos sara hidup semakin menekan. Wakil-wakil rakyat dalam mana-mana bandar pun, mereka memerlukan wang

untuk berbelanja, kerana bergerak sahaja memerlukan wang. Keadaan tertekan yang sama dihadapi oleh majoriti rakyat adalah hal yang sudah biasa dihadapi. Walau bagaimanapun, tambahan kenaikan RM90 bagi Ahli Dewan Rakyat boleh juga membantu sedikit sebanyak bagi meringankan bebanan, tetapi jika tidak dinaikkan pun tidak mengapa, kerana kami masih boleh hidup, sebab kami bukan jenis manusia yang berbelanja boros atau hidup mewah.

Tuan Yang di-Pertua, saya rasa bukan kenaikan elaun yang menjadi persoalan, termasuk juga barangkali Backbencher, mereka pun tidak gembira dengan kenaikan kecil ini sebab bagi mereka tidak begitu perlu. Mereka boleh mendapat gaji yang lebih tinggi dengan menjadi pengarah, peniaga dan tokoh korporat - lebih tinggi daripada elaun mereka sebagai wakil rakyat. Tetapi ia lebih bermakna jika kerajaan menyediakan lebih banyak faedah menerusi kemudahan-kemudahan sokongan kepada Ahli-ahli Parlimen, dalam menyampaikan perkhidmaan mereka kepada rakyat dan para pengundi dalam kawasan mereka. Untuk mencapai hasrat ini, saya sedia menyokong jika kerajaan menimbang untuk meningkatkan kemudahan perkhidmatan untuk wakil-wakil rakyat supaya mereka boleh membawa lebih banyak kebaikan untuk rakyat dalam kawasan. Dengan ini mereka lebih berkesan dalam memberi perkhidmatan.

Tuan Yang di-Pertua, dalam saat sekarang bukan kenaikan elaun yang menjadi persoalan, tetapi yang lebih penting ialah bagaimanakah mutu perkhidmatan wakil rakyat dalam sesuatu kawasan dan prestasinya dalam Dewan ini dapat dipertingkatkan. Perkara ini saya terpaksa bangkitkan kerana dalam tempoh negara kita kian membangun, baik dalam pelaksanaan projek nasional mahupun tempatan, dalam bandar dan luar bandar, pada setiap hari, kerja-kerja pembangunan telah mengakibatkan kesusahan ramai orang. Bukan kesemua rakyat mendapat faedah daripada sesuatu pembangunan, tetapi terdapat ramai lagi yang menjadi mangsa pembangunan. Dan untuk menyelesaikan masalah

mereka, tidak ada jalan lain, kecuali mereka pergi mendapatkan bantuan wakil-wakil rakyat yang mereka percaya boleh membantu mereka ataupun mencari wakil rakyat yang sudah terkenal dalam perkhidmatan kepada rakyat untuk membantu mereka.

Amalan mencari wakil rakyat adalah bertitik-tolak daripada kelemahan ketidakcekapan, red tape dan amalan birokrasi dalam pentadbiran jabatan-jabatan kerajaan itu sendiri. Oleh sebab itu, wakil-wakil rakyat seperti Ahli Parlimen berdepan dengan kerja perkhidmatan kawasan yang banyak. Saya ingin menyebut contoh di kawasan saya - Cheras. Sungguhpun terdapat 80,000 pengundi berdaftar tetapi jumlah penduduk dalam kawasan saya ialah lebih kurang 150,000 orang. Sebagai wakil rakyat pembangkang yang tidak berkemampuan, saya hanya berupaya membuka satu pusat perkhidmatan sahaja dalam kawasan saya. Untuk menguruskan perkhidmatan, saya hanya terdaya mengambil kerja dan menggajikan seorang pembantu sepenuh masa yang sebenarnya seorang pembantu tidak cukup kerana ramai orang yang datang termasuk dari kawasan luar dan kawasan-kawasan yang diwakili oleh BN, para penduduk datang mengadu ke pejabat saya dan pejabat rakan-rakan saya, misalnya di Kepong dan Seputeh dan Kota Melaka. Para penduduk datang mengadu dan ramainya mereka sentiasa datang membuktikan perkhidmatan wakil rakyat DAP adalah cemerlang - ini benar.

Tuan Yang di-Pertua, setiap bulan beratus kes aduan perlu diselesaikan oleh seseorang wakil rakyat. Untuk membereskan beban kerja, tiap kali saya terpaksa bekerja hingga larut malam - ini benar. Kalau hendak cari bukti boleh ikut saya.

**Seorang Ahli:** Masuk bakullah.

**Tuan Noh bin Omar:** *[Bangun]*

**Timbalan Yang di-Pertua [Tuan Ong Tee Keat]:** Yang Berhormat, Tanjong Karang bangun.

**Tuan Noh bin Omar:** Hendak minta penjelasan sedikit. Tuan Yang di-Pertua, tadi Yang Berhormat dari Cheras kata dia sibuk. Boleh beritahu atau tidak, dalam satu

hari berapa ramai pengundi yang datang dan berapa banyak kes yang telah dia berjaya selesaikan. Dahulu dia ini hero lawan tol, tetapi nampaknya tidak berjaya. Kita hendak tanya mengenai tol yang dia lawan itu, fasal di Sungai Besi dahulu, kita lihat Ahli Yang Berhormat pun, hari itu saya nampak menggunakan tol yang sama juga, jadi, di mana prinsip perjuangannya?

**Tuan Tan Kok Wai:** Ahli Yang Berhormat dari Tanjong Karang akan terkejut kalau dia sudi melawat kepada pusat perkhidmatan saya kerana dia akan nampak dengan sendirinya berapa ratus kali ganda lebih banyak kes pengaduan yang saya terima.

**Tuan Noh bin Omar:** *[Bangun]*

**Tuan Tan Kok Wai:** Daripada Tanjong Karang, cukuplah! *[Ketawa]*

Tuan Yang di-Pertua, saya yakin Dewan yang mulia ini gemar melihat wakil-wakil rakyat yang dipilih meningkatkan prestasi kerja dan tugas mereka untuk membantu orang ramai menyelesaikan masalah mereka.

Wakil-wakil Rakyat Barisan Nasional, sebagaimana yang saya sebut pada awal tadi bahawa mereka tidak memerlukan kenaikan elaun wakil rakyat, sebabnya di samping menjadi wakil rakyat, mereka memegang banyak jawatan dalam bidang perniagaan yang memungkinan mereka membuka lebih banyak pusat perkhidmatan dan menggajikan ramai pembantu.

Bukan itu sahaja, mereka juga boleh mendapat sumber kewangan dengan melakukan politik wang. Bagaimana saya boleh berkata demikian, kerana Yang Amat Berhormat Perdana Menteri sendiri mengakui kewujudan politik wang dalam UMNO seperti yang beliau bangkitkan dalam Perhimpunan Agung UMNO baru-baru ini. Ramai ahli-ahli UMNO dan parti-parti komponen BN mengidam hendak menjadi wakil rakyat, sebab dengan menjadi wakil rakyat ia merupakan landasan bagi mereka mendapatkan 'returns' lebih banyak dan berguni-guni. *[Ketawa]*

**Timbalan Yang di-Pertua [Tuan Ong Tee Keat]:** Berguni-guni ya Yang Berhormat? Okay, itu lagikah

**Tuan Tan Kok Wai:** Ya, 'gunny sack'lah, ringgit dalam 'gunny sack'. *[Ketawa]*  
Mengapa ahli-ahli UMNO beria-ia benar hendak menjadi ketua bahagian dengan membelanjakan berjuta-juta ringgit, seperti yang berlaku tahun lalu dalam perebutan ketua bahagian di Perak semata-mata untuk memenangi jawatan tinggi dalam UMNO baik di peringkat bahagian, negeri atau kebangsaan? Kerana sesudah memegang jawatan tersebut mereka mempunyai peluang cerah untuk dipilih menjadi calon pilihan raya dan boleh menjadi wakil rakyat. Dari situlah mereka sudah hampir ke 'lombong emas'.

Tuan Yang di-Pertua, kita dalam DAP tidak ada rasuah-merasuah perwakilan. Kita bersih dari amalan rasuah dalam pilihan raya, jika tidak Perdana Menteri menyatakan parti pembangkang seperti DAP turut merasuah pengundi. Sejarah pilihan raya negara menyaksikan BN sahajalah yang melakukan rasuah politik dalam parti dan pilihan raya.

Sekarang penyakit ini sudah menular dan membahayakan mereka dan parti mereka sendiri, baru mereka hendak heboh-hebohkan untuk mencegah politik wang dalam pilihan raya.

Tuan Yang di-Pertua, para pengundi dan rakyat lebih gemar mengadu dengan wakil rakyat pembangkang, seperti sayalah kerana tiga alasan.

Yang pertama, ramai wakil rakyat BN selepas menang pilihan raya melupakan janji mereka dan terus menghilangkan diri.

Kedua, para pengundi sukar menemui mereka walaupun pejabat mereka besar dan indah. Para pengundi dalam kawasan BN adalah penyokong parti kami dan mereka yang kurang percaya kepada wakil rakyat BN juga mencari kami.

Ketiga, wakil-wakil rakyat gemar membuat kerja sekerat jalan, tidak mahu membantu rakyat dan para pengundi menyelesaikan masalah sehingga selesai.

Tuan Yang di-Pertua, saya ingin menyeru kerajaan supaya kita patut belajar dari negara-negara lain yang mana wakil rakyat mereka dibekalkan dengan kemudahan sokongan yang serba lengkap. Parlimen patut menyediakan peruntukan bagi pejabat-pejabat wakil rakyat juga.

Peruntukan itu digunakan untuk membayar sewa pejabat wakil rakyat yang tinggi khususnya dalam kawasan bandar. Pejabat wakil rakyat bukan premis perniagaan di mana kita boleh mengenakan bayaran atau membuat keuntungan. Dengan adanya peruntukan ini, wakil rakyat seperti kami boleh membuka lebih banyak pusat perkhidmatan tetapi bagi ahli-ahli pembangkang seperti kami ini mustahil dilakukan tanpa disediakan peruntukan.

Di samping itu, peruntukan hendaklah disediakan bagi membolehkan wakil rakyat mengambil pekerja dan menggajikan lebih banyak pembantu. Ini kerana gaji seorang pembantu wakil rakyat sangat mahal dan tinggi. Cuba lihat iklan dalam akhbar-akhbar, banyak syarikat mencari pekerja, sedangkan pekerja kurang.

Oleh kerana tahap sumber manusia di negara kita mencapai tahap permintaan melebihi bekalan, maka kadar gaji untuk pembantu terpaksa ditinggikan. Tidak mungkin bagi saya seorang wakil rakyat menggajikan pekerja asing, sebab gaji mereka lebih murah dari pekerja tempatan.

Pembantu wakil rakyat pula bukanlah orang sembarangan. Mereka haruslah berkelayakan, berkemampuan, berpengetahuan dan kemahiran, berpengalaman bukan macam pembantu rumah. Oleh kerana itu, adalah sukar bagi kami membayar gaji yang tinggi dan mengambil ramai pembantu.

Pembantu juga mestilah berkemahiran banyak bahasa kerana mereka akan berdepan dengan pelbagai masalah orang ramai yang datang dari pelbagai lapisan rakyat dan kaum. Tanpa syarat ini perkhidmatan yang bermutu dan memuaskan tidak mungkin

dapat diberikan. Untuk mencari mereka yang layak pun bukan sukar, asalkan kita dapat membayar gaji yang lebih tinggi. Lulusan Ph.D pun boleh diambil menjadi pembantu. Tetapi kita tidak mampu kerana elaun yang diterima sekarang hanya cukup membayar sewa pejabat gaji seorang pembantu dan bakinya untuk sara hidup sendiri.

Tuan Yang di-Pertua, pejabat wakil rakyat dan pusat perkhidmatannya patutlah dilengkapi dengan kemudahan yang terkini, seperti peralatan pejabat. Tetapi dalam era teknologi maklumat sekarang, kemudahan seperti mesin fax, komputer, mesin fotostate amat diperlukan. Dengan elaun yang ada tidak mungkin ini dapat dibuat.

Parlimen sebagai badan pembuat undang-undang tertinggi yang mana dasar negara digubal dan dibahas oleh ahli-ahli Dewan, memanglah penting mutu perbahasan ahli-ahli bertahap tinggi dan perbahasan kami dari Pembangkang pun bernas dan bermutu tinggi, tidak seperti mutu perbahasan di Backbenchers, .....

**Tuan Ruhanie bin Haji Ahmad:** Masuk bakul.

**Tuan Tan Kok Wai:** Apa itu? *[Ketawa]* Kami sering mengutarakan idea yang bernas, bagus, tetapi di sana terdapat ahli-ahli yang membahaskan perkara remeh-temeh sahaja, main-main sahaja. *[Ketawa]*

Untuk meninggikan mutu perbahasan, Parlimen haruslah menyediakan peruntukan bagi mengkaji para penyelidik atau researcher yang akan bertugas dengan ahli-ahli parlimen.

Sebagai wakil rakyat, kami bukanlah baik dan cemerlang di semua bidang terutama ahli-ahli baru. Mereka kurang faham rang undang-undang yang terlalu teknikal di luar dan kurang pengetahuan tentang sesuatu subjek. Perbahasan mereka tidak mendalam dan menyeluruh.

Dengan adanya penyelidik, mereka dapat membantu ahli-ahli parlimen mendapatkan maklumat perangkaan yang tepat dan membina. Ini menjadi penting kerana

kerajaan kerap menyerahkan rang undang-undang penting dalam tempoh sehari, dua, sebelum perbahasan kepada ahli-ahli dewan untuk meminta mereka melakukan ‘bulldoze’ ke atas sesuatu rang undang-undang.

Dalam tempoh yang singkat tidak ada masa untuk mengkaji dan menyelidik serta mencari bahan untuk perbahasan. Ini akan menyusahkan wakil-wakil rakyat. Jika mempunyai penyelidik sepenuh masa, beliau bukan sahaja akan membantu meningkatkan prestasi ahli-ahli dewan tetapi membantu negara dan kerajaan untuk mendapatkan maklum balas yang bernas dan baik yang boleh digunakan bagi menjadi dasar pembinaan bangsa dan negara secara lebih baik, kerana hasil penyelidikan ini pada akhirnya amat berguna untuk rakyat dan negara.

Tuan Yang di-Pertua, sekarang zaman Internet. Kerajaan menyeru semua rakyat merebut peluang ini, bagaimana dengan wakil rakyat? Apakah mereka akan terpinggir dari kemajuan ini sedangkan kerajaan berhasrat memasyarakatkan teknologi maklumat yang sebaiknya untuk negara ini?

Tidak dapat tidak, ahli-ahli parlimen patut juga dibekalkan dengan kemudahan Internet, sebagaimana yang telah dilakukan oleh Kerajaan Negeri Selangor menyediakan kemudahan Internet untuk ahli-ahli dewan undangan negeri.

Jika negara ingin mencapai tahap kemajuan lebih cepat dan pesat, kita mesti memandang jauh, maka adalah menjadi tanggungjawab kerajaan memastikan rakyat akan kaya dengan maklumat dan dalam perkara ini, wakil rakyat harus menjadi pemimpin yang menerajui kemudahan ini untuk orang ramai.

Inilah di antara perkara-perkara yang saya harap mendapat pertimbangan dewan dan kerajaan bagi meninggikan prestasi wakil rakyat. Okay, terima kasih.

**Timbalan Yang di-Pertua [Tuan Ong Tee Keat]:** Parit Sulong.

**Tuan Ruhanie bin Haji Ahmad [Parit Sulong]:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, pertamanya saya tidak bersikap masuk bakul angkat sendiri, seperti pembangkang yang baru membaca ucapan seperti burung kakak tua sebentar tadi.

Yang kedua, tidak benar bahawa Ahli-ahli Parlimen Barisan Nasional, tidak berfikiran dalam, dan seterusnya kami adalah dari golongan yang paling prihatin kalau dibandingkan oleh semua pihak, kerana dari sehari ke sehari di dalam sesi Parlimen penggal ini, nampaknya pihak pembangkang jumlahnya semakin kecil dan terlalu kecil.

Tuan Yang di-Pertua, saya bangun untuk menyokong rang undang-undang ini, sebagai pihak yang senantiasa dididik untuk bersyukur, kami bersyukur kepada Allah SWT kerana adanya pelarasan gaji ini.

Tetapi apabila membincangkan masalah pelarasan, saya harap, sahabat-sahabat saya dari media janganlah disensasikan perkara ini. Kerana baru-baru ini, apabila timbul dalam surat khabar masalah wakil rakyat naik gaji, ini memberi satu gambaran dan implikasi minda yang amat besar kepada rakyat ataupun the masses. Sebenarnya ini adalah pelarasan dalam bahasa Inggeris 'hanya adjustment'. Oleh kerana ada satu perubahan di peringkat induk, maka diselarasakanlah elaun wakil rakyat dan bukannya naik gaji atau naik elaun wakil rakyat. Ini perkara saya mahu emphasiskan supaya dapat satu kefahaman yang amat mendalam dari sahabat-sahabat saya dari media.

Tuan Yang di-Pertua, memang menjadi satu perkara yang difokus apabila terdapat pertambahan ganjaran wakil rakyat. Sebenarnya Wakil Rakyat Malaysia ini adalah golongan yang mungkin, terendah elaun dari elaun-elaun wakil rakyat dari negara lain. Dua tiga hari yang lalu pun ada akhbar Inggeris yang membuat perbandingan dengan sahabat-sahabat seperjuangan kita di Selatan - negara di Selatan. Bagaimanakah elaun wakil rakyat di sana dan bagaimanakah elaun wakil rakyat di sini.

Tetapi sekiranya ada langkah-langkah untuk kerajaan menambah elaun di sini, maka setiap pihak akan memfokuskan perkara ini akan mengatakan itulah perjuangan wakil rakyat. Hanya hendak meningkatkan gaji mereka sendiri. Jadi harap persepsi yang salah seperti ini tidak akan ditanamkan kepada rakyat 'massa' seluruhnya.

Tuan Yang di-Pertua, saya amat malang, oleh kerana saya bercakap selepas pembangkang tetapi sebenarnya pihak kami telah banyak menyuarakan hal-hal kebajikan wakil rakyat. Kita tahu wakil rakyat hari ini adalah wakil rakyat yang akan menjulang dan menjunjung perjuangan ke abad yang datang. Kita akan membawa perjuangan ke alaf yang akan datang atau milinium yang akan datang, ke abad yang akan datang. Kita akan membawa perjuangan ke abad menuju kecemerlangan di abad yang akan datang juga. Jadi tuntutan ini, untuk perjuangan ini adalah berat. Tanggungjawab ini berat dan memerlukan substance dan input yang besar juga. Kita memerlukan ilmu, kita memerlukan knowledge, kita memerlukan bahan-bahan percakapan yang menunjukkan tahap wakil rakyat, martabatnya pada masa akan datang.

Kita bukan membincangkan wakil rakyat, pada zaman pra merdeka ataupun pasca merdeka - minta maaf, selepas merdeka. Pada ketika itu skop perbincangan masih lagi kecil, tuntutan daripada rakyat massa masih lagi kecil, paradigma masyarakat pun masih lagi kecil. Sekarang ini segala-galanya telah menjulang dan meningkat tetapi kalau diperkirakan kebajikan wakil rakyat mungkin pada takuk yang 20 ke 30 tahun kebelakangan.

Cuba kita perhatikan berapa banyakkah, pinjaman perumahan yang diperuntukkan pada seorang wakil rakyat. RM70,000 . Mana ada rumah RM70,000. Wakil rakyat tidak berhak dan tidak bermartabat untuk tidak mempunyai hak untuk membeli rumah kos rendah. Berapa banyakkah pinjaman kereta untuk wakil rakyat, RM20,000. Harga Kancil pun lebih daripada RM20,000. Cuba kita pertimbangkan. Bukan semua wakil rakyat di

sini adalah dari korporat, kami semua dari golongan marhaen... *[Ketawa]* Wakil Rakyat Barisan Nasional adalah golongan yang mewakili rakyat kampung yang berasal dari kampung, berjiwa kampung, bukan macam orang-orang yang datangnya dari golongan korporat cuba mencelupkan dirinya, supaya menjadi masyarakat kampung-kampung baru untuk mengaut sokongan dari DAP. Kami genuine tulen anak kampung berjiwa kampung.

**Tuan Tan Kok Wai:** *[Sampuk]*

**Tuan Ruhanie bin Haji Ahmad :** Shut up!

**Tuan Tan Kok Wai:** *[Sampuk]*

**Timbalan Yang di-Pertua [Tuan Ong Tee Keat]:** Yang Berhormat. Cheras, jangan mencelah macam itu.

**Tuan Ruhanie bin Haji Ahmad:** Kepada sahabat-sahabat di belakang, inilah contoh kebiadapan atau kekurangsopanan. Tadi dia kata semua Wakil Rakyat Barisan Nasional nak yang besar, tapi satu perkara yang lupa diperkatakan, Wakil Rakyat DAP, adalah pembelit yang besar. Kalau you tidak tahu erti pembelit, you cari ertinya di dalam kamus Dewan Bahasa.

Dan saya tidak mahu mengatakan mereka pembohong oleh kerana perkataan pembohong unparliamentary. Tapi carilah perkataan-perkataan yang related kepada perkataan itu.

**Timbalan Yang di-Pertua:** Ya. Kota Melaka bangun.

**Tuan Ruhanie bin Haji Ahmad:** Saya tidak menyebut perkataan itu. I am not going to level you as liar, you know, dengan izin. Saya tidak mahu diganggu, Tuan Yang di-Pertua.

**Seorang ahli:** Takut

**Tuan Ruhanie bin Haji Ahmad:** Bukan takut, jadi saya minta sekiranya dapat diadakan lagi satu revision, perjuangkanlah perkara-perkara pokok itu tadi. Dan ini hari ini juga dia kata memang perkara biasa. Elaun Ketua Pembangkang pun naik kalau benar-benar wakil DAP ini hendak menunjukkan ke marhaenan, tolak elaun Ketua Pembangkang. Tak payah ada Ketua Pembangkang ada elaun. Ini dia tidak mengakui Ketua Pembangkang hanya dari DAP. Elaun dia turun naik, tapi dalam hal ini dia tidak

mahu berterima kasih oleh kerana DAP adalah golongan orang yang tidak tahu dan tidak mahu berterima kasih.

Tuan Yang di-Pertua, itulah tadi masalah-masalah asasnya. Sekarang kita memperkatakan, perubahan paradigma masyarakat terhadap wakil rakyat. Pernah satu hari, Tuan Yang di-Pertua, di dalam satu dialog dengan kami, dia kata, 'cuba kita fikir sejenak, adakah wakil rakyat hari ini welfare officer ataupun wakil rakyat dalam erti kata yang sesuai dengan zaman'. Perkataan ini amat menjolok, very provocative dengan izin. Adakah kita pegawai kebajikan, ataupun wakil rakyat dalam erti kata negara dan zaman yang sedang melonjok ke milinium yang akan datang.

Di sini kami rasa tersesat, we feel lost. Apakah fungsi definisi kita. Adakah kita memainkan peranan welfare officer, pegawai kebajikan di mana kami tempat orang mencari tandatangan, untuk menelefon doktor sekiranya mahu sesuatu jenazah yang kemalangan disimpan di hospital supaya dipost-mortem dengan segera. Adakah kami menjadi pegawai yang untuk mencarikan borang untuk anak-anak mendapatkan biasiswa, adakah kami menjadi pegawai yang menyalurkan permohonan orang kampung meminta bantuan-bantuan kebajikan masyarakat. Adakah kami akan menjadi pegawai industrial relation, memandang kepada Menteri Buruh, Sumber Manusia di sini. Untuk cuba menyelesaikan masalah-masalah dan ketidaksenangan hati para pekerja.

Siapakah kami? Atau adakah kami ini adalah penggubal-penggubal dasar dan juga pembawa dan penterjemah dasar supaya negara maju selaras dengan zamannya. Siapakah kami?

Persoalan-persoalan ini akan membawa saya kepada tuntutan zaman. Wakil rakyat diminta berfikiran dalam. Wakil rakyat dituntut untuk memberi ucapan yang bernas. Wakil rakyat terpaksa membaca. Wakil rakyat terpaksa menjajarkan diri dengan perkembangan sekelilingnya.

Kalau diambil hitung panjang, saya sendirilah, setiap bulan tidak kurang daripada RM300 dibelanjakan untuk buku - tolak elaun wakil rakyat. Selepas itu kita subscribe kepada Jaring, hendak bayar fee, mendaftar kepada Jaring - tolak elaun wakil rakyat. Selepas itu kita kena beli computer note book - tolak elaun wakil rakyat.

Bolehlah difikirkan supaya kemudahan-kemudahan ini diberikan kepada kami walaupun pada peringkat yang minimum sebagai simbol komitmen kerajaan untuk menjajarkan martabat wakil rakyat kepada zamannya di masa akan datang.

Mungkin kita boleh reimburse pembelian-pembelian buku untuk enhance the knowledge, untuk memperkayakan ilmu wakil-wakil rakyat supaya bila ditolak ke tengah, dia boleh ke tengah; tolak ke tepi, dia boleh ke tepi. Bolehkah atau tidak mungkin diberikan satu subsidi kepada wakil rakyat atau pun diizinkan peruntukan kepada Wakil Rakyat Barisan Nasional sahaja yang diberikan setiap tahun supaya pada once in the life time ditolak sekian banyak untuk kita membeli computer note book, siap dengan segala-galanya. Bolehkah difikirkan? Kalau tidak secara peribadinya, mungkin hanya sedikit sahaja yang terdorong untuk berbuat demikian. Tetapi apabila disediakan facilitiesnya, seluruhnya akan berbuat demikian. Ini harapan kami.

Tadi disebut oleh pihak Pembangkang, Kerajaan Negeri Selangor. Saya mahu mengingatkan kepada Ahli yang bercakap lebih awal, Kerajaan Negeri Selangor adalah Kerajaan Barisan Nasional, kerajaan yang sensitif kepada zaman. Saya harap Kerajaan Barisan Nasional di peringkat Pusat juga sensitif kepada zaman dan memberi kepada wakil rakyat kemudahan-kemudahan untuk mereka menjajarkan diri mereka kepada zaman dan juga supaya mereka mendapat bekalan ilmu untuk memperjuangkan hari ini untuk zaman di masa akan datang.

Tuan Yang di-Pertua, kami di dalam Barisan Nasional, apabila kita dipilih sebagai wakil rakyat, asas kita adalah untuk berjuang kepada rakyat. Kami bukan seperti pihak yang sekarang ini hanya 'the depleting species', bermakna kumpulan yang semakin mengecil di dalam Dewan Rakyat iaitu pihak Pembangkang. Di dalam Dewan dia berdrama, bila dia keluar, dia tidak ada tanggungjawab! Tidak ada tanggungjawab!

Kalau satu hari kerajaan mahu memikirkan perkembangan kebijakan wakil rakyat, saya minta khususkan sahaja kepada wakil rakyat Barisan Nasional. *[Disampuk]* No, I don't sound chauvinistic, minta maaf. Oleh kerana kalau kita beri perkhidmatan kepada dia, dia akan mengembangkan pengaruh kepada rakyat, selepas itu lebih ramai rakyat yang akan mereka rasuk dan hasut untuk menentang kerajaan. Because the bottom line, dengan izin, atau sokongan kepada kerajaan harus diperkukuhkan.

Kalau dia hendak facilities, masuk Barisan Nasional, macam Semangat 46!

**Seorang Ahli:** Politik wang lagilah!

**Tuan Ruhanie bin Haji Ahmad:** Tetapi saya rasa kalau DAP pun hendak melompat, MCA pun tak mahu, Gerakan pun tak mahu! *[Disampuk]* “Pu yau”lah? *[Ketawa]* Dan adalah satu konsepsi yang salah bahawa apabila seorang calon Barisan Nasional menjadi wakil rakyat, maka akan dikaitkan dengan hidup kemewahan dan segala-galanya. Ini adalah satu pandangan yang tidak betul, satu pandangan yang sengaja dipolitikkan, satu pandangan yang sengaja ditonjolkan untuk mengelirukan persepsi rakyat kepada wakil rakyat.

Tuan Yang di-Pertua, seterusnya saya mengharapkan supaya di dalam Dewan Rakyat ini juga diadakan satu facility kedai buku oleh kerana yang ada sekarang ini hanya dipamerkan showcases atau almari-almari untuk mempamerkan buku-buku yang baru. Bolehkah diadakan satu facility - mungkin oleh pihak Dewan Bahasa dan sebagainya yang related kepada agensi-agensi kerajaan supaya diadakan kedai buku bergerak sewaktu kami on session atau sewaktu kami bersidang?

Ini akan memudahkan kami untuk membeli buku-buku. Oleh kerana kita sebagai wakil rakyat adalah orang yang sibuk. Kadang-kadang hanya terjumpa buku-buku di airport. Apabila di airport atau di lapangan terbang, harganya amat melambung. Tetapi sekiranya Dewan Bahasa sanggup memberi khidmat ini kepada kita di Dewan ini sewaktu

kami bersidang, itu adalah satu usaha dari pihak Dewan Bahasa untuk menambahkan ilmu pengetahuan di kalangan kami semua.

Seterusnya saya berharap pertimbangkanlah masalah researcher atau pembantu kepada setiap wakil rakyat. Malaysia akan melangkah atau pun merangkul martabat negara maju tidak lama lagi.....

**Tuan Tan Kok Wai:** *[Bangun]*

**Timbalan Yang di-Pertua [Tuan Ong Tee Keat]:** Yang Berhormat, Cheras bangun.

**Tuan Ruhanie bin Haji Ahmad:** Dia baru lepas bercakap.

**Tuan Tan Kok Wai:** Saya ingin menyampaikan ucapan terima kasih.....

**Tuan Ruhanie bin Haji Ahmad:** Tidak, dia baru lepas bercakap.

**Tuan Tan Kok Wai:** ..... kerana terima cadangan yang berguna itu!

**Tuan Ruhanie bin Haji Ahmad:** Baru lepas bercakap, duduklah! Baru lepas bercakap!

**Tuan Tan Kok Wai:** Cadangan membina saya yang diterima!

**Tuan Ruhanie bin Haji Ahmad:** Saya telah membangkitkan perkara researcher ini dalam Dewan Rakyat lebih kurang 2 tahun yang lalu. Don't try to claim to be the first, dengan izin. Saya sekadar mahu mengulangi rayuan sahabat-sahabat saya semua ini - sahabat-sahabat dari Barisan Nasional sahaja *[Disampuk]* mengulangi agar dengarlah rayuan kami supaya kami diberikan seorang pembantu yang dibayar oleh pihak kerajaan.

Insyallah, ini saya yakin oleh kerana Bachbenchers pernah experiment, tetapi kami tidak termampu. Kami pernah mengambil tiga pegawai penyelidik dengan gaji RM1,500 sebulan, tetapi kami hanya mampu untuk menggaji mereka selama tiga tahun

sahaja. Oleh kerana squeeze daripada poket kami masing-masing, kita adakan tiga researchers untuk lebih kurang 100 wakil rakyat Barisan Nasional. Tidak cukup!

Kita nampak kesannya baik. Kesan daripada Pegawai Penyelidik yang kami gaji, baik oleh kerana dapat membantu wakil rakyat untuk membuat research atau penyelidikan di mana-mana topik yang mahu diperbahaskan dalam Dewan Rakyat. Tetapi oleh kerana constrain kewangan, kami tidak mampu meneruskan penggajian mereka. Ini amat kami kesali.

Tetapi dengan itu saya merayu supaya pihak kerajaan memikirkan hal ini dan memangnya telah wujud pun di mana-mana. Kita ambil negara-negara di selatan Pasifik umpamanya. Baik di New Zealand, baik di Australia. Kita bawa ke kongres umpamanya. Kita bawa ke House of Commons umpamanya. Mereka mempunyai facilities ini oleh kerana mereka mengetahui bahawa tugas wakil rakyat, sebagaimana saya kata tadi, multi functional. Welfare officer - dia, penggubal dasar - dia, researcher - dia, segala-galanya - dia.

Jadi, mengetahui dan menyedari hakikat bahawa wakil rakyat bukan superhuman, saya harap tolonglah bantu kami dengan brains yang kami perlukan. Ini akan meningkatkan martabat kita dan ini akan membantu kerajaan menggubal dasar-dasar yang sesuai dan sejajar dengan tuntutan rakyat dan tuntutan zaman. Diharapkan perkara ini kalau boleh dipertimbangkanlah dengan segera oleh kerana perkara ini amat mendesak kemahuannya di pihak kami.

Akhir sekali, Tuan Yang di-Pertua, walaupun mungkin saya sama untuk melaungkan suara DAP, tetapi telah pun kami bangkitkan dalam Dewan yang mulia ini berulang kali. Tolonglah dengar rayuan kami. Berilah kami facility untuk menggaji seorang pembantu di peringkat kawasan juga.

Sekarang ini secara tidak rasmi seluruh Wakil Rakyat Barisan Nasional, oleh kerana mereka orang yang memang accountable kepada rakyat, menggaji seorang pembantu di peringkat kawasan. Elaun mereka berbeza. Kalau umpamanya di Batu Pahat itu, RM750. Pembantu saya RM750, tolak daripada elaun wakil rakyat. Kalau di Pulau Pinang, elaunnya naik. Mungkin RM1,500. Kalau di Johor Bahru, pun lebih kurang juga.

Jadi, tolonglah pertimbangkan rayuan ini dengan quantum yang pihak kerajaan fikirkan perlu. Bukan bermakna kita mahu dimanjakan tetapi ini realiti hari ini. Realitinya bahawa perkara ini diperlukan, realitinya bahawa perkara ini penting dan realitinya bahawa perkara ini adalah praktikal.

Oleh itu, kami mengharapkan supaya suara yang kami suarakan di dalam Dewan yang mulia ini akan mendapat suatu respon yang amat positif dari pihak pemimpin. Oleh kerana kita yakin rakyat di seluruh kawasan yang kita wakili mendoakan supaya kerajaan ini lebih sejahtera, supaya kerajaan ini lebih efektif, supaya kerajaan ini lebih disegani di mata dunia. Sekarang ini kita telah melihat bahawa kerajaan semakin sejahtera, jentera kerajaan semakin efektif dan martabat negara Malaysia semakin meningkat di mata dunia.

Jadi, saya harap dengarlah rayuan kami dan dengarlah harapan kami dengan harapan perkara ini akan dapat menjadi suatu realiti dalam satu tempoh yang tidak lama lagi ataupun dengan izin, end in the nearest future.

Tuan Yang di-Pertua, itulah di antara perkara-perkara yang saya bangkitkan di dalam saya bangun untuk menyokong rang undang-undang yang diketengahkan pada kali ini. Terima kasih.

**Timbalan Yang di-Pertua [Tuan Ong Tee Keat]:** Kubang Kerian.

## 5.12 ptg.

**Tuan Haji Mohamad bin Sabu [Kubang Kerian]:** Tuan Yang di-Pertua, saya menyokong pandangan Yang Berhormat dari Cheras dan Parit Sulong. [*Tepuk*] Memangnya cara disiarkan berita tentang Rang Undang-undang Ahli Parlimen (Saraan) cara itu memang menarik perhatian masyarakat. ‘Gaji Wakil Rakyat Naik’, itu muka depan surat khabar. Saya sampai sahaja di Lapangan Terbang Pengkalan Chepa sudah mereka kerumun saya, dia kata minta belanja malam ini. Saya pun belanjalah, habislah RM30-RM40. Balik ke Kuala Lumpur pula, sampai di Subang Airport, ‘Yang Berhormat, gaji naik, belanja’. Saya pun belanja, habis RM50-RM60. Elaun bulan ini kenaikan RM90 sudah habis. Ini cara berita yang disiarkan pada hal seperti yang dikatakan oleh Parit Sulong, ia hanyalah satu adjustment yang dibuat kerana berlaku kenaikan gaji kepada semua pegawai kerajaan pada tahun yang lepas, tetapi cara disiarkan berita itu rakyat nampak bahawa kita sekarang ini kaya dan mewah.

Tuan Yang di-Pertua, bagi kami wakil rakyat yang seratus peratus tak ada perniagaan, yang ada perniagaan itu baguslah. Kita memang hidup di atas elaun ini untuk bergerak ke sana ke mari dengan menyokong pandangan yang diberi oleh Cheras dan Parit Sulong tadi. Memang kita pergi ke mana-mana negeri kita lihat ahli-ahli parlimen di tempat lain mendapat kerjasama daripada pihak kerajaan, terutama sekali dalam membekal, membantu, menggajikan paling kurang dua orang di peringkat kawasan dan di peringkat Kuala Lumpur. Misalnya kalau kita ahli parlimen yang jauh daripada Kuala Lumpur memang kita memerlukan seorang pembantu di kawasan. Bagi kita hendak bercakap yang bermutu, kajian yang terkini, mesti ada pegawai kita di peringkat ibu negara kerana di sini maklumat awal datang dan perkembangan-perkembangan yang terbaru berlaku di ibu negara, kita juga perlu ada pegawai yang bertugas di sini.

Oleh itu, kerajaan yang telah pun mengaku setiap tahun Menteri Kewangan mengatakan kenaikan ekonomi negara kita tiap-tiap tahun mencapai 9%, apa salahnya beri dua orang pembantu kepada wakil rakyat. Bila kita bercakap wakil rakyat, tak usah kiralah sama ada kerajaan atau pembangkang, sebab hari ini boleh jadi kerajaan, besok jadi pembangkang macam S46 dia boleh berubah-ubah. Kami pun hari ini pembangkang, mungkin satu hari duduk di sebelah sana. Jadi, janganlah kita bercakap sebab benda ini impossible, boleh berlaku. Tadi Parit Sulong dia 'mercy' sedikit sebab bosnya kalah teruk, sebab itulah dia bercakap emosi sedikit tadi. *[Ketawa]*

Tuan Yang di-Pertua, kita juga bila pergi ke luar negeri, lawatan CPA dan sebagainya ditanya, 'apa kemudahan yang kamu peroleh?' Mereka pun terangkanlah kepada kita tentang kelengkapan, dua orang pembantu, pejabat dan sebagainya. Kita harap juga kerajaan boleh membekalkan peralatan pejabat yang minimum. Kita tidak mahulah yang mahal-mahal, cukup ada typewriter, satu mesin faks dan komputer yang termurah pun sudah cukup kalau dapat dibekalkan supaya kita dapat menjadi ahli parlimen yang bermutu pada masa yang akan datang.

Saya juga bersetuju bahawa sekarang ini ahli parlimen seolah-olah sudah menjadi pegawai kebajikan. Ini salah kita juga iaitu bila kita pembangkang misalnya hentam ahli parlimen kerajaan kerana tidak turun cepat bila satu-satu perkara berlaku, pihak kerajaan pula hentam pembangkang, akhirnya rakyat menuntut kita berbuat demikian. Maka, kita bukan lagi menjadi ahli parlimen bahkan sudah menjadi pegawai kebajikan di kawasan masing-masing. Memang kita tahu ahli-ahli parlimen teruk melainkan di Kelantan rakyatnya lebih bijak berpolitik, dia lain sedikit, Larut teruk sebab rakyat di Larut ini kurang cerdik macam rakyat Kelantan. *[Ketawa]* Saya sebut begitu sebab rakyat Kelantan lebih menilai perjuangan, dia boleh tukar kerajaan. Dia boleh tukar misalnya kalau Pas tak betul, dia boleh hukum kerajaan Pas dapat dua kerusi, BN tak betul dia

boleh hukum sehingga kosong kerusi [*Ketawa*], rakyatnya lebih berpolitik. Betul saya cakap ini, tetapi di lain-lain negeri kadang kalanya kita lihat wakil-wakil rakyat itu sudah menjadi seperti pegawai kebajikan dan tidak ada masa untuk membaca, tidak ada masa untuk masuk library, tidak ada masa untuk melanggan majalah dan tidak ada masa berdepan dengan komputer semata-mata wakil rakyat itulah menjadi pegawai kebajikan.

[Timbalan Yang di-Pertua *mempengerusikan Mesyuarat*]

Di sini kita sama-sama kena perbetulkan balik supaya wakil rakyat adalah orang yang membuat dasar, menggubal dasar dan masa kita lebih banyak kita habiskan misalnya melawat orang mati, kenduri, perkara itu kita tahu perlu dan penting. Tetapi kalau itu yang ditumpukan kerana serangan pihak musuh dan kita hendak mempertahankan kerusi kita kerana buat apa yang musuh serang, akhirnya kita terjebak menjadi wakil rakyat yang kita kata tadi pegawai kebajikan masuk dalam Parlimen, maka dipersembahkanlah ucapan-ucapan yang tidak bermutu. Hanya beberapa orang sahaja yang kita lihat ucapannya penuh dengan kajian, penuh dengan fakta-fakta yang dikemukakan. Nasib baik juga bagi saya sendiri, saya dapat sedikit-sedikit maklumat daripada kawan-kawan di universiti yang memberi khidmat percuma kalau kita berjumpa dengan Profesor Syed Najib, Syed Husin Ali, Dr. Syed Azman, Dr. Noraini, Dr. Saedah Sirat, Dr. Jomo Sundram, Profesor Shahnnon, Dr. Nasir Hashim, Dr. Shaari Endut, Dr. Yaakob. Mereka ini sedia memberi khidmat itu free kepada kita sama ada dalam bentuk artikel ataupun apa-apa bahan yang ada pada mereka. Bagaimana kalau mereka caj sedikit duit ataupun kita hendak bertemu dengan mereka hendak membawa mereka minum di satu tempat yang memakan belanja RM30-RM40. Sudah tentulah kita yang hidup seratus peratus di atas elaun ini tidak mampu berbuat demikian. Akhirnya kita masuk dalam Parlimen, buat ucapan, puji Perdana Menteri, cukuplah, itu sahaja yang kita mampu buat. Sebab itu kita

harap perkara ini serius sungguh-sungguh untuk melengkapkan peralatan kepada ahli-ahli parlimen ini.

Kemudian begitulah juga sekarang ini pemandu (driver) masih lagi kita diberi RM350. Jadi, kita dok bercakap soal keadilan tetapi ahli parlimen yang menzalimi pekerja. Mana orang hendak terima kerja pemandu dengan gaji RM350? Paling kurang RM700. Kalau di Kuala Lumpur barangkali RM1,000 yang berpatutan untuk mereka hidup. Kalau di Kelantan barangkali bolehlah RM600, RM700. Jadi, masih lagi kita kekal misalnya elaun pemandu RM350. Jadi, kita yang tidak ada perniagaan ini rasa sangat, sebab itu saya sendiri masih pakai kereta Toyota Crown teksi yang dibeli daripada Johor kerana itu yang saya mampu. Bukan tidak teringin hendak pakai kereta macam Larut pakai, tetapi tak mampu kerana dia duduk dalam TNB dan lain-lain tempat lagi seperti UDA, jadi kami ini tak adalah lembaga-lembaga itu. Kita harap supaya semualah, BN, Pas, pembangkangkah, tidak usah kiralah, iaitu kualiti ahli-ahli parlimen supaya kita pergi ke luar negeri bila ada bertemu dengan ahli-ahli parlimen lain negeri, ucapan-ucapan di Parlimen kita ada standard. Kadang-kadang kita lihat tak ada standard, terutama sekali knowledge daripada luar ataupun bahan-bahan yang terbaru yang perlu kita ketahui tidak dapat kerana kita tidak berupaya mendapatkannya.

Sekian pandangan saya.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Haji Juhar bin Haji Mahiruddin]:** Kota Melaka.

**5.20 ptg.**

**Tuan Lim Guan Eng [Kota Melaka]:** Tuan Yang di-Pertua, saya turut mengambil bahagian dalam Rang Undang-undang Ahli Parlimen (Saraan) (Pindaan) 1996.

Tuan Yang di-Pertua, sungguhpun Yang Berhormat Menteri tadi menyatakan bahawa rang undang-undang ini adalah satu pelarasan, tetapi tidak boleh dinafikan bahawa sungguhpun ia merupakan satu pelarasan, rang undang-undang ini juga memberikan peluang kepada rakyat untuk mengukur dan menilai prestasi yang ditonjolkan oleh ahli-ahli Parlimen.

Saya tertarik tadi dengan beberapa hujah yang dikeluarkan oleh Yang Berhormat dari Parit Sulong bahawa adalah tidak benar ahli-ahli Parlimen Barisan Nasional selepas menjadi wakil rakyat menjadi kaya kerana mereka datang dari golongan 'marhaen'. Apabila perkara ini diutarakan oleh rakan saya dari Cheras, beliau dengan begitu emosi dan marah sekali menyatakan Yang Berhormat dari Cheras tukang 'pembelit'.

Di sini Tuan Yang di-Pertua, kita boleh melihat siapa 'pembelit' sebenar, siapa yang cakap benar, sungguhpun Yang Berhormat dari Parit Sulong menyatakan dia datang dari golongan 'marhaen' tetapi selepas menjadi wakil rakyat sudah tukar, dia bukan daripada golongan 'marhaen' lagi. Dia sudah tukar kepada golongan korporat, Pengerusi Bernas - itu bukan korporat? Itu adalah sebuah badan yang amat besar di mana nilai asetnya beratus-ratus juta ringgit, dia juga Ahli Lembaga Pengarah KUB yang dinyatakan oleh Yang Amat Berhormat Perdana Menteri akan disenaraikan dalam BSKL, di mana 54 orang akan menjadi jutawan, tidak tahulah Yang Berhormat dari Parit Sulong akan menjadi jutawan atau tidak? Dan lagi *[kepada Yang Berhormat Tuan Ruhanie bin Haji Ahmad]* sudah lari, tengok saya berucap beliau sudah lari. *[Ketawa]*.

Tadi, saya minta jalan beliau pun tidak berani berikan kerana tahu saya akan bertanya tentang dia menjadi Ahli Lembaga Pengarah KUB, MARA Holdings Bas dan lain-lain syarikat. Itu yang saya tahu! Kita pun ada membuat penyelidikan tentang siapa yang menjadi ahli lembaga pengarah, siapa yang memegang saham di syarikat mana, kita semua tahu.

Tuan Yang di-Pertua, di sini saya bukan hendak mendakwa sesiapa, tetapi jangan cabar kita. Apabila kita bercakap bahawa memang satu kelaziman, memang menjadi lumrah untuk seorang yang menjadi wakil rakyat dari Barisan Nasional, selepas beliau menjadi wakil rakyat, dia punya kekayaan menimbun tinggi. Itu satu hakikat, kalau tidak benar saya boleh mencabar sesiapa mengumumkan harta benda mereka, isytiharkan harta

benda mereka, selepas dan sebelum menjadi wakil rakyat; kita boleh membuat perbandingan. Adakah kekayaan mereka menimbun-nimbun tinggi? Adakah harta benda mereka bertambah berlipat ganda? Saya percaya tidak ada seorang pun wakil rakyat daripada Barisan Nasional yang berani menerima cabaran saya!

Tuan Yang di-Pertua, saya tidak bercadang untuk menyatakan secara terperinci wakil rakyat mana yang memiliki kekayaan apa atau memiliki harta benda apa, sungguhpun saya ada maklumat ini - kerana itu bukan tujuan saya. Itu tengok kemampuan Wakil Rakyat Barisan Nasional untuk menjadi kaya, itu terpulang kepada mereka, tetapi.....

**Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri [Datuk Haji Mohamed Nazri bin Abdul Aziz]:** *[Bangun]*

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Haji Juhar bin Haji Mahiruddin]:** Ya, timbalan menteri bangun.

**Tuan Lim Guan Eng:** Sila.

**Datuk Haji Mohamed Nazri bin Abdul Aziz:** Saya hendak sambut cabaran daripada Yang Berhormat dari Kota Melaka, yang mengatakan bahawa semua Wakil Rakyat Barisan Nasional bila menjadi wakil rakyat sahaja dia kaya. Saya hendak memberitahu Yang Berhormat, saya lebih selesa sebelum menjadi Timbalan Menteri lagi, Yang Berhormat boleh check, jangan cabar tidak tentu arah macam ini, check betul-betul sebab ada ahli Barisan Nasional sebelum menjadi wakil rakyat, menjadi menteri, kemudian miskin balik - cakap baik-baik sedikit! *[sambil menuding jari ke arah Yang Berhormat Tuan Lim Guan Eng]*.

**Tuan Lim Guan Eng:** Tuan Yang di-Pertua, saya merujuk kepada wakil rakyat yang dikatakan tadi oleh Yang Berhormat dari Parit Sulong, tetapi kalau Yang Berhormat timbalan menteri agak sensitif sedikit tentang kekayaannya atau.....

**Datuk Haji Mohamed Nazri bin Abdul Aziz:** *[Bangun]*

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Haji Juhar bin Haji Mahiruddin]:** Dia bangun lagi, Yang Berhormat.

**Tuan Lim Guan Eng:** Saya belum jawab lagi - boleh dipersilakan.

**Datuk Haji Mohamed Nazri bin Abdul Aziz:** Saya hendak tanya dengan tepat, cabaran itu dibuat kepada ahli Barisan Nasional, dari Parit Sulong sahaja ataupun Yang Berhormat cabar seluruh ahli Barisan Nasional sendiri, kalau seluruh termasuk saya, saya terima cabaran.

**Tuan Lim Guan Eng:** Tuan Yang di-Pertua, saya membuat cabaran secara spesifik kepada Yang Berhormat dari Parit Sulong, tetapi saya bercakap secara am bahawa untuk semua wakil rakyat iaitu biasanya selepas menjadi wakil rakyat kekayaan mereka bertambah, kedudukan mereka meningkat. Kalau ini tidak benar berlaku saya harap Yang Berhormat Timbalan Menteri boleh isytiharkan harta benda, isytiharkan kekayaan kepada orang ramai, kita boleh membuat perbandingan, selepas atau sebelum.

**Datuk Haji Mohamed Nazri bin Abdul Aziz:** *[Bangun]*

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Haji Juhar bin Haji Mahiruddin]:** Ya, Timbalan Menteri bangun lagi, Yang Berhormat.

**Datuk Haji Mohamed Nazri bin Abdul Aziz:** Yang Berhormat, mungkin tidak menjadi timbalan menteri, tidak faham prosedur kerajaan. Kami kena isytihar harta apabila menjadi timbalan menteri atau menteri, kita kena isytihar harta. Sebab itu, saya sanggup terima cabaran Yang Berhormat untuk tahu iaitu sama ada Yang Berhormat sebut tadi untuk semua tiap-tiap ahli Barisan Nasional menjadi ahli Parlimen mendapat kekayaan. Saya terima cabaran itu, sebab saya boleh buktikan kepada Yang Berhormat

bahawa kami ahli Barisan Nasional, yang menjadi timbalan menteri, menteri semua terpaksa isytihar pada tiap-tiap kali kami menjadi timbalan menteri ataupun menteri.

**Tuan Lim Guan Eng:** Baik, kalau begitu saya tunggu. Saya berterima kasih dan saya amat gembira bahawa Yang Berhormat Timbalan Menteri menerima cabaran saya harap beliau boleh mengisytiharkan harta bendanya secara umum selepas dan sebelum beliau menjadi wakil rakyat, tetapi hanya dia seorang sahaja dan saya rasa itu perlu dijadikan tanda tanya. Mengapa hanya satu sahaja dan saya tidak tahulah bilakah Yang Berhormat Timbalan Menteri.....

**Tuan Noh bin Omar:** *[Bangun]*

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Haji Juhar bin Haji Mahiruddin]:** Ya, ada yang bangun, Yang Berhormat.

**Tuan Lim Guan Eng:** ... nanti sekejap!

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Haji Juhar bin Haji Mahiruddin]:** Tanjong Karang bangun.

**Tuan Lim Guan Eng:** Nanti, sekejap saya akan berikan. Sekejap! Bilakah Yang Berhormat Timbalan Menteri akan mengisytiharkan secara umum kekayaan dan harta bendanya sebelum dan selepas beliau menjadi wakil rakyat?

**Datuk Haji Mohamed Nazri bin Abdul Aziz:** *[Bangun]*

**Tuan Noh bin Omar:** *[Bangun]*

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Haji Juhar bin Haji Mahiruddin]:** Tanjong Karang!

**Datuk Haji Mohamed Nazri bin Abdul Aziz:** Tuan Yang di-Pertua, saya hendak memberitahu kepada Yang Berhormat dari Kota Melaka iaitu bukan saya seorang sahaja, siapa juga yang menjadi ahli Parlimen Barisan Nasional, duduk dalam kerajaan

semua kena isytihar hartanya. Jadi, sebab itu tiap-tiap dua tahun kita kena isytihar harta. Oleh sebab itu, kalau Yang Berhormat hendak tahu boleh tanya kepada pihak Perdana Menteri, sebab kami memang kena buat isytihar pada tiap-tiap dua tahun, bukan menjadi wakil rakyat, menjadi menteri tidak perlu isytihar harta kami.

**Tuan Lim Guan Eng:** Tuan Yang di-Pertua, tadi Yang Berhormat Timbalan Menteri sudah menerima cabaran untuk mengisytiharkan harta benda secara umum supaya menunjukkan bahawa sebelum dan selepas menjadi wakil rakyat, kekayaan Yang Berhormat Timbalan Menteri tidak bertambah, tetapi sekarang nampaknya hendak lari, cakap bahawa dua tahun sekali.....

**Datuk Haji Mohamed Nazri bin Abdul Aziz:** [*Bangun*]

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Haji Juhar bin Haji Mahiruddin]:** Ada yang minta jalan, Yang Berhormat.

**Tuan Lim Guan Eng:** ..... isytiharkan kepada Perdana Menteri bukan secara umum. So, sekarang nampaknya itu bukan menerima cabaran saya.

**Datuk Haji Mohamed Nazri bin Abdul Aziz:** Saya minta besok tengok dalam *Hansard* apakah di peringkat awal tadi Yang Berhormat dari Kota Melaka sebut 'isytihar kepada umumkah atau isytihar sahaja' yang saya faham isytihar sahaja, you can check the *Hansard* tomorrow.

**Tuan Lim Guan Eng:** Okay, kita boleh check *Hansard* besok. Tetapi saya cakap isytihar secara umum dan sekarang cakap isytihar secara umum supaya tidak ada confusion, tidak ada kekeliruan. Saya cakap isytihar secara umum dan saya harap Yang Berhormat Timbalan Menteri boleh isytihar secara umum sebelum dan selepas - kerana saya percaya, kalau Yang Berhormat Timbalan Menteri cakap tidak ada tambah, saya boleh percaya secara *prima facie*, tetapi kita kena lihatlah secara terus terang, secara bukti dan saya harap itu akan disahut oleh Yang Berhormat Timbalan Menteri.

**Datuk Haji Mohamed Nazri bin Abdul Aziz:** Isytihar secara umum ini banyak implikasinya, sebab daripada orang tidak tahu kita ada harta, orang tahu harta kita. Saya boleh menunjukkan pengisytiharan saya ini kepada Yang Berhormat seorang sahaja supaya Yang Berhormat tahu bahawa ada orang Barisan Nasional Yang Berhormat apabila masuk dalam kerajaan dia bukan menjadi kaya, dia miskin lagi.

**Tuan Lim Guan Eng:** Tuan Yang di-Pertua, kalau macam ini susah sedikit. Kalau hanya beritahu kepada saya, nanti kalau saya cakap Yang Berhormat Timbalan Menteri sekian ..... sekian..... akhirnya Yang Berhormat Timbalan Menteri pun kena buktikan secara umum. So, saya rasa lebih baik jangan tunjuk kepada saya satu orang - secara umum. Semua orang boleh lihat, semua orang boleh puji, kalau Yang Berhormat betul-betul merupakan satu-satunya di mana dia tidak menjadi kaya selepas menjadi wakil rakyat.

**Datuk Haji Mohamed Nazri bin Abdul Aziz:** Yang Berhormat implikasi umum ini maksud saya ialah “keselamatan” kita. Kalau kita mempunyai wang begitu banyak masuk dalam surat khabar secara umum nanti banyak ‘penyangak-penyangak’ orang-orang jahat akan tahu dan ada implikasi yang lain.

Apakah Yang Berhormat takut kalau mahu tengok kita punya pengisytiharan gaji kita atau harta kita? Apakah Yang Berhormat tidak yakin orang percaya kepada Yang Berhormat, kalau Yang Berhormat kata “ya, saya sudah tengok Datuk Haji Mohamed Nazri punya pengisytiharan, memang dia selepas menjadi timbalan menteri dia kurang gajinya”. Apa Yang Berhormat takut orang tidak percaya kepada Yang Berhormat? Yang Berhormat kena fikir juga iaitu kalau pengisytiharan umum apa maksudnya? Masuk dalam akhbar, apa implikasinya? Di sini kita banyak penjenayah-penjenayah, macam-macam boleh berlaku. Saya tidak takut untuk menunjuk kepada Yang Berhormat apa yang kita dapat sebelum dan apa yang kita dapat sekarang, tetapi cukuplah Yang

Berhormat tahu. Kalau orang lain tanya, 'ya saya sudah tengok', apa perlu masuk dalam akhbar? Ini akan memudaratkan orang yang memegang harta ini, fikirilah sedikit.

**Tuan Lim Guan Eng:** Tuan Yang di-Pertua, kita di Parlimen bukan hanya accountable kepada satu orang. Kita accountable kepada rakyat, accountable kepada Parlimen. Oleh sebab itu, kalau kita hendak isytiharkan harta-benda secara umum, tidak boleh bicarakan kepada satu orang, mesti kepada orang ramai. Itu prinsip accountability. Saya amat hairan sedikit bila Yang Berhormat Timbalan Menteri menyatakan....

**Tuan Noh bin Omar:** *[Bangun]*

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Haji Juhar bin Haji Mahiruddin]:** Tanjong Karang bangun, Yang Berhormat.

**Tuan Lim Guan Eng:** Nanti sekejap. Yang Berhormat Timbalan Menteri menyatakan tadi bahawa beliau takut, beliau risau kalau-kalau ada penjahat-penjahat tertentu yang tahu tentang kekayaan yang mungkin dianggap luar biasa. Tetapi Yang Berhormat adalah seorang Timbalan Menteri, keselamatan terjamin. Macam mana ini boleh merupakan satu masalah. Itu yang saya rasa tidak boleh diterima. Kalau hendak cakap tentang accountability, ia mesti diisytiharkan secara umum. Kalau tidak boleh diisytiharkan secara umum, ini saya rasa tidak lain daripada satu usaha untuk mengelak daripada isu ini. Kita mesti fokus bahawa....

**Datuk Haji Mohamed Nazri bin Abdul Aziz:** *[Bangun]*

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Haji Juhar bin Haji Mahiruddin]:** Yang Berhormat, hendak beri jalan?

**Tuan Lim Guan Eng:** Ya, sila.

**Datuk Haji Mohamed Nazri bin Abdul Aziz:** Yang Berhormat dari Kota Melaka, saya ingat Yang Berhormat tak faham betul-betul. Apa fasal takut hendak tengok

seorang? Kalau kita tunjuk kepada Yang Berhormat, Yang Berhormat tengok, apa takut. Saya menganggap Yang Berhormat sebagai orang honourable member of Parlimen. Kalau Yang Berhormat kata, ya, kita sudah tengok memang betul, apa takutkah. Yang Berhormat sebut tentang keselamatan. Keselamatan ini bukan saya seorang sahaja. Masing-masing ada keluarga, ada anak. Kalau kita sebagai menteri, timbalan menteri diberikan body guard, hanya kita sahaja dijaga. Yang lain tidak dijaga. Ini tidak peka dengan keselamatan dalam negara kita ini. Yang Berhormat cakap senanglah, tetapi kalau duduk dalam tempat kita baru faham macam mana keselamatan boleh terjejas disabitkan oleh kerana pengisytiharan wang secara umum kepada orang ramai.

Saya ingat seperti saya sebut tadi, Yang Berhormat kalau ikhlas, mahu tahu, tidak ada salahnya kita boleh tunjuk, no problem, sebab kita percaya Yang Berhormat apabila dapat tahu maklumat ini Yang Berhormat akan sendiri tahu dan Yang Berhormat boleh bercakap kepada orang. Tetapi perlu sebut berapa jumlah. Cuma sebut ya betul, sebelum jadi Ahli Parlimen jadi Timbalan Menteri, wang sekian-sekian. Sudah jadi, ini kurang, cukup! Jangan memudaratkan kedudukan kami dalam Barisan Nasional.

**Tuan Lim Guan Eng:** Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua. Terima kasih kepada keikhlasan Yang Berhormat Timbalan Menteri. Tetapi di sini adalah amat penting bahawa seperti yang saya cakapkan tadi accountability. Mungkin masalah yang dialami oleh Yang Berhormat Timbalan Menteri adalah berlainan sedikit. Saya tidak boleh rasa masalah yang dihadapi oleh Yang Berhormat Timbalan Menteri kerana saya bukan orang kaya. Itu masalah orang kaya. Apabila mempunyai kekayaan begini, macam-macam tekanan yang berlaku. Tetapi kalau kita cakap tentang accountability, itu adalah sesuatu yang kita mesti berpegang teguh kepada accountability. Suatu unsur yang amat penting ialah secara umum. Kalau Yang Berhormat Timbalan Menteri hendak tunjukkan kepada

saya, saya boleh lihat. Tetapi ia merupakan satu isu kepentingan awam. Bukan hanya saya hendak tahu, tetapi seluruh rakyat berhak tahu. Itu merupakan isu pokok ini.

Di sini, saya bukan direct, saya attack terhadap Yang Berhormat Timbalan Menteri. Tetapi, silalah.

**Datuk Haji Mohamed Nazri bin Abdul Aziz:** Yang Berhormat, Yang Berhormat bercakap seolah-olah Yang Berhormat juga tidak accountable kepada rakyat. Sebab Yang Berhormat accountable kepada rakyat jugalah kita sanggup tunjuk kepada Yang Berhormat, because you are also accountable to the rakyat, you can tell the rakyat, unless you have no credibility, I do not know, dengan izin. Jadi, kena fahamlah sedikit, sebab saya kata kalau Yang Berhormat cabar Ahli Parlimen Barisan Nasional, iaitu semua lepas jadi wakil rakyat buat duit. Sebab itu saya sanggup terima cabaran bahawa tidak sama begitu. Jadi, saya harap Yang Berhormat kalau betul serius, bukan setakat main-main sahaja. Saya berani trunjuk saya punya pengisytiharan kepada Yang Berhormat, Yang Berhormat tengok sendiri. Ini bagi sayalah, sebab saya satu daripada beberapa ahli Barisan Nasional, tetapi yang lain boleh buat arrangement sendiri. Kita hendak tunjuk bahawa tidak benar Yang Berhormat kata iaitu Ahli Parlimen Barisan Nasional semuanya buat duit menjadi calon dalam pilihan raya dan wakil rakyat

**Tuan Lim Guan Eng:** Kalau begitu, saya rasa saya tunggu. Tetapi sekurang-kurangnya sungguhpun tidak memenuhi hasrat saya bahawa ini ialah satu perkara kepentingan orang ramai. Tetapi sekurang-kurangnya Yang Berhormat merupakan Timbalan Menteri pertama yang tidak malu tidak segan yang berani menunjukkan harta yang isytiharkan kepada seorang Ahli Parlimen yang lain. Saya rasa itu ialah sesuatu yang baik.

Saya harap timbalan menteri dan menteri lain pun boleh berbuat demikian. Sila.

**Tuan Noh bin Omar:** Terima kasih. Sebab saya pun baru jadi Ahli Parlimen, jadi saya pun terkejut juga, kalau kata Ahli Parlimen BN ini boleh buat duit. Saya hendak tanya kepada Yang Berhormat dari Kota Melaka, apakah benar sesiapa yang menjadi Ahli Parlimen daripada DAP ini, selepas dia jadi wakil rakyat dia bankrup ataupun dia tidak ada duit. Saya cabar kalau boleh DAP buktikan. Sebelum dia jadi wakil rakyat berapa banyak duitnya, dan selepas dia jadi wakil rakyat berapa banyak duit dia? Betul ataupun tidak wakil rakyat daripada DAP ini bila jadi wakil rakyat harta atau duit dia makin kurang. Jadi, kalau berani buktikan, saya boleh terima kenyataan tersebut. Tetapi kalau tak berani buktikan, jangan tuduh sebarangan.

**Tuan Lim Guan Eng:** Kita berani buktikan, kita isytiharkan kita punya harta benda secara umum, termasuk Yang Berhormat dari Jelutong. Kalau gaji itu adalah daripada kerjanya, saya rasa kita tidak takut. Tetapi yang kita cakap ialah untuk sumber-sumber tertentu yang tidak boleh dikesan, yang tidak boleh dijelaskan. Macam mana dia dapat kekayaan ini? Itu yang menjadi soal. Tentu untuk mereka yang baru menjadi wakil rakyat itu bukan menjadi masalah. Saya tidak setuju dengan Yang Berhormat dari Tanjong Karang. Tetapi yang sudah lama, saya rasa memang menjadi satu hakikat. Yang Berhormat dari Parit Sulong dia tak berani menafikan. Tetapi kalau di sini dia ada, saya cabar dia, benarkah selepas menjadi wakil rakyat, kalau 100% dia punya kekayaan, dia punya pendapatan bertambah lebih daripada apa yang dia terima sebagai wakil rakyat.

**Tuan Noh bin Omar:** *[Bangun]*

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Haji Juhar bin Haji Mahiruddin]:** Tanjong Karang bangun, Yang Berhormat.

**Tuan Lim Guan Eng:** Sila.

**Tuan Noh bin Omar:** Persoalannya, Yang Berhormat dari Kota Melaka, saya hanya mendapat penjelasan, apakah benar kalau menjadi wakil rakyat daripada DAP.

Tadi Yang Berhormat kata kalau jadi wakil rakyat daripada Barisan Nasional, wakil rakyat boleh kaya. Jadi, kalau wakil rakyat daripada DAP, apakah benar jadi wakil rakyat DAP ini apabila selepas jadi wakil rakyat, pendapatannya ataupun hartanya semakin kurang, bukan persoalan gaji. Persoalannya hartanya makin bertambah ataupun makin berkurang?

**Tuan Lim Guan Eng:** Saya rasa Yang Berhormat dari Tanjong Karang, kalau kita kena tengok sumber pendapatan. Saya seorang full time. Sebagai seorang, saya ambil contoh saya sendiri. Saya seorang full time sebagai seorang wakil rakyat. Mana saya menjadi kaya raya sungguh pun saya telah menjadi wakil rakyat 3 penggal. Yang Berhormat boleh semak saya punya sumber pendapatan. Sungguhpun Yang Berhormat 1 penggal sahaja, tetapi saya berbanding dengan Yang Berhormat jauhlah perbezaan. Itu diakui umum. Tetapi prinsip utamanya ialah seperti yang dinyatakan oleh Yang Berhormat dari Parit Sulong. Rakyat anggap calon Barisan Nasional, selepas menjadi wakil rakyat, kaya. Itu sesuatu yang tidak boleh dinafikan. Itu sebab apabila rakyat jumpa Wakil Rakyat Barisan Nasional, mereka minta wang. Tetapi dengan Wakil rakyat DAP ataupun pembangkang kerana tahu tak ada wang. Dan sumber wang yang boleh diperolehi selain daripada sumber-sumber yang tidak dibenarkan di sisi undang-undang. Kerajaan memberi peruntukan RM500,000 setiap tahun kepada Ahli Parlimen daripada Barisan Nasional. Minta maaf, RM300,000 kepada Ahli Parlimen Barisan Nasional. Itu satu sumber yang tidak diberikan kepada Wakil Rakyat Pembangkang. Bukankah ini merupakan satu penyalahgunaan kuasa. Mana tak ada sumber, mana cakap itu untuk Ahli Parlimen Barisan Nasional tak cukup, tak mampu lebih daripada itu. Oleh sebab itu,.....

**Datuk Haji Mohamed Nazri bin Abdul Aziz:** *[Bangun]*

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Haji Juhar bin Haji Mahiruddin]:** Timbalan Menteri bangun, Yang Berhormat.

**Tuan Lim Guan Eng:** Sila.

**Datuk Haji Mohamed Nazri bin Abdul Aziz:** Yang Berhormat, RM300,000 yang diberikan kepada ahli-ahli Parlimen itu adalah digunakan untuk membangunkan kemudahan-kemudahan asas dalam kawasan dan ia bukan merupakan penyalahgunaan kuasa kerana apabila rakyat memilih sesuatu parti dan parti itu menang, menubuhkan kerajaan, adalah merupakan hak kita untuk memberikan wang untuk membangunkan kawasan. Jadi, bukannya RM300,000 itu masuk dalam poket wakil rakyat. RM300,000 itu ialah untuk pembangunan kawasan kita, jadi, bukan penyalahgunaan kuasa.

**Tuan Lim Guan Eng:** Kalau begitu mengapa tidak diberikan kepada Ahli Parlimen daripada DAP? Itu merupakan satu penyalahgunaan kuasa, kerana sungguhpun daripada pihak parti pemerintah, tetapi mereka bukan ahli pentadbiran, sama seperti juga wakil rakyat. Mengapa pula wakil rakyat daripada parti pemerintah - wakil rakyat dipilih oleh rakyat dan pembangkang tidak diberikan peruntukan. Ahli-ahli Senat yang tidak dipilih oleh rakyat mendapat RM100,000 setahun.

**Datuk Haji Mohamed Nazri bin Abdul Aziz:** *[Bangun]*

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Haji Juhar bin Haji Mahiruddin]:** Timbalan Menteri minta jalan lagi.

**Tuan Lim Guan Eng:** Nanti, nanti, biar saya habiskan ungkapan ini dahulu. Nanti sekejap.

**Datuk Haji Mohamed Nazri bin Abdul Aziz:** Yang Senat tadi itu.

**Tuan Lim Guan Eng:** Nanti saya habiskan dahulu, saya akan berikan jalan. Senat mendapat RM100,000 setiap tahun - tidak dipilih oleh rakyat mendapat

RM100,000. Parti Pembangkang yang dipilih oleh rakyat secara demokrasi tidak dapat, mana logiknya. Bukankah ini satu penyalahgunaan kuasa oleh parti pemerintah?

**Datuk Haji Mohamed Nazri bin Abdul Aziz** [*Bangun*]

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Haji Juhar bin Haji Mahiruddin]:** Ada yang bangun, Yang Berhormat.

**Datuk Haji Mohamed Nazri bin Abdul Aziz:** Ahli Yang Berhormat dari Kota Melaka, kalau kita bercakap biar ada fakta. Saya empat tahun menjadi Ahli Dewan Negara, saya tidak pernah terima RM100,000 daripada kerajaan untuk belanja kawasan. Jadi, kenyataan Yang Berhormat dari Kota Melaka adalah tidak benar.

**Tuan Lim Guan Eng:** Saya ingat Yang Berhormat Timbalan Menteri, semasa beliau menjadi Senator, betul, tetapi ini baru diluluskan tahun ini - RM100,000. Beranikah nafikan? Alamak, nampaknya dia sudah ketinggalan. Itu telah diumumkan dan dikeluarkan dalam surat khabar.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Haji Juhar bin Haji Mahiruddin]:** Yang Berhormat, Menteri Senator bangun, hendak beri jalan?

**Tuan Lim Guan Eng:** Sila.

**Dato' Chong Kah Kiat:** Apa Yang Berhormat merujuk kepada setiap ahli Senat setiap tahun itu tidak betul.

**Tuan Lim Guan Eng:** Kalau begitu, oleh kerana saya bukan Ahli Senat, tetapi ini ada keluar dalam *News Straits Times*, ada keluar dalam laporan surat khabar. Saya hendak tanya secara rasmi, kerana ini Parlimen. Saya ingin mendapat jawapan daripada Yang Berhormat Menteri, adakah peruntukan diberikan kepada kerajaan bermula dari tahun ini dan untuk tahun depan. Berapakah peruntukan yang diberikan kepada Ahli-ahli Senat dan jumlahnya? Sila nyatakan untuk setiap tahun.

**Datuk Chong Kah Kiat:** Tuan Yang di-Pertua, penjelasan saya - tadi Ahli Yang Berhormat kata, setiap Ahli Senat menerima RM100,000 setiap tahun. Jawapan saya - itu tidak benar.

**Tuan Lim Guan Eng:** Dia macam burung kakak tua - ulang-ulang sahaja. Saya hendak tanya sekarang, kalau kenyataan saya tidak benar, kerana saya merujuk kepada laporan surat khabar mengenai perkembangan dalam Senat - saya bukan Ahli Senat. Saya hendak tanya sekarang, kalau kenyataan saya tidak betul, I stand corrected. Jawab - berapa banyakkah peruntukan yang diberikan kepada Ahli Senat?

**Seorang Ahli:** Tanya surat khabarlah.

**Dato' Haji Abu Zahar bin Dato' Nika Ujang:** [*Bangun*]

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Haji Juhar bin Haji Mahiruddin]:** Yang Berhormat, ada Point of order. Apa dia Yang Berhormat Kuala Pilah?

**Dato' Haji Abu Zahar bin Dato' Nika Ujang:** Tuan Yang di-Pertua, rasanya kita telah banyak pergi dari satu perkara yang tidak relevan kepada apa yang kita bincangkan pada hari ini. Saya ingin merujuk kepada Peraturan 36(1) "percakapan yang banyak terkeluar daripada tajuk yang dibahaskan". Sekarang ini mengenai elaun persaraan, pergi kepada bermacam-macam isu yang tidak sepatutnya dikeluarkan dalam perkara ini.

Kedua, 36(6) yang mengatakan "sangkaan jahat tidak patut kita keluarkan dalam Dewan ini". Ketiga 36(9) dalam Peraturan kita "tidak boleh menyebut kelakuan atau sifat-sifat sesiapa dalam Parlimen". Yang Berhormat tadi telah banyak menyebut mengenai ahli-ahli dalam Parlimen, tuduh itu, tuduh ini, saya fikir ini semua sudah keluar. Sebagai Ahli Yang Berhormat dalam Dewan yang mulia ini, tidak bolehkah kita tumpukan kepada tajuk kita sahaja? Jangan kita meleret-leret. Kalau macam itu sampai malam pun tidak habis. Saya fikir, saya minta Tuan Yang di-Pertua beri satu panduan supaya balik semula kepada tajuk kita di Dewan yang mulia ini.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Haji Juhar bin Haji Mahiruddin]:** Yang Berhormat Kota Melaka, saya pun telah mencatatkan bahawa Yang Berhormat telah berucap berkaitan dengan pendapatan selama 25 minit. Jadi, saya harap Yang Berhormat dapat kembali kepada topik-topik yang lain.

**Tuan Lim Guan Eng:** Ya, itu ialah kerana.....

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Haji Juhar bin Haji Mahiruddin]:** Yang Berhormat, nanti sekejap. Tentang sangkaan jahat itu, ia dikhususkan kepada ahli-ahli, bukan secara umum.

**Tuan Lim Guan Eng:** Tuan Yang di-Pertua, saya hendak minta.....

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Haji Juhar bin Haji Mahiruddin]:** Di minta Yang Berhormat, kalau boleh, kalau ada point-point yang lain selain daripada pendapatan.....

**Tuan Lim Guan Eng:** Ya, ya, saya ada point lain, terima kasih Tuan Yang di-Pertua.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Haji Juhar bin Haji Mahiruddin]:** Sila teruskan, sudah 25 minit.

**Tuan Lim Guan Eng:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, tetapi tadi Yang Berhormat Menteri masih belum menjawab soalan saya. Dia cakap tidak ada RM100,000 setiap tahun, ini yang saya hendak tanya kerana adakah yang dilaporkan dalam surat khabar tidak benar?

**Datuk Haji Mohamed Nazri bin Abdul Aziz:** *[Bangun]*

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Haji Juhar bin Haji Mahiruddin]:** Timbalan Menteri bangun, Yang Berhormat.

**Datuk Haji Mohamed Nazri bin Abdul Aziz:** Yang Berhormat, RM100,000 setahun yang diberikan kepada Ahli Dewan Negara adalah tidak benar.

**Tuan Lim Guan Eng:** Berapa banyak?

**Datuk Haji Mohamed Nazri bin Abdul Aziz:** Saya sudah jawab soalan itu.

**Tuan Lim Guan Eng:** Ya, berapa banyak. Kalau bukan RM100,000, berapa banyak?

**Tuan Ruhanie bin Haji Ahmad:** Hei, cukuplah.

**Datuk Haji Mohamed Nazri bin Abdul Aziz:** RM100,000 setahun - itu tidak benar, itu sahaja.

**Tuan Lim Guan Eng:** That means adalah, tetapi tidak mahu cakap berapa banyak.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Haji Juhar bin Haji Mahiruddin]:** Saya minta Kota Melaka teruskan.

**Tuan Lim Guan Eng:** Sebab itu I am ready to stand corrected, dengan izin. Cakap berapa banyakkah peruntukan yang diberikan kepada Ahli Senat.

**Datuk Haji Mohamed Nazri bin Abdul Aziz:** You are ready to be corrected, RM100,000 per year adalah tidak benar?

**Tuan Lim Guan Eng:** So how much then? How much?

**Datuk Haji Mohamed Nazri bin Abdul Aziz:** Tengoklah nanti.

**Tuan Lim Guan Eng:** How much then.....if not RM100,000 a year? How much?

**Tuan Ruhanie bin Haji Ahmad:** Tuan Yang di-Pertua, macam mana dia boleh berdialog ini?

**Tuan Lim Guan Eng:** Mengapa takut?

**Tuan Ruhanie bin Haji Ahmad:** Kenapa hendak berdialog? Orang kata tidak benar, tidak benarlah, faham tidak?

**Tuan Lim Guan Eng:** Mengapa takut, kalau tahu jumlah ini tidak benar, mengapa takut sangat berikan jumlah peruntukan yang diberikan kepada Ahli Senat. Adakah Yang Berhormat Menteri di sana malu menjadi Ahli Senat kerana tidak mahu jawab? Tidak berani menghadapi rakyat untuk dipilih?

**Datuk Haji Mohamed Nazri bin Abdul Aziz:** *[Bangun]*

**Dato' Chong Kah Kiat:** *[Bangun]*

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Haji Juhar bin Haji Mahiruddin]:** Ada dua yang bangun, Yang Berhormat.

**Tuan Ruhanie bin Haji Ahmad:** Pergilah main wayang Cina.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Haji Juhar bin Haji Mahiruddin]:** Dia beri kepada Menteri.

**Dato' Chong Kah Kiat:** Tuan Yang di-Pertua, bukan saya takut, kerana Ahli Yang Berhormat begitu jelas, begitu certain, dengan izin, dengan apa Yang Berhormat sebut - setiap Senator menerima peruntukan setiap tahun, itu dari Yang Berhormat. Bukan saya mahu berdiri di sini ajar Yang Berhormat apa yang betul. Saya kata tadi, tidak benar tentang apa Yang Berhormat sebut tadi. Kerana sekarang Yang Berhormat minta saya menerangkan, apa takut. Ahli-ahli Barisan Nasional tidak takut, kalau Ahli Dewan Rakyat dapat terima RM300,000 kita tidak nafikan - kerana Ahli Yang Berhormat minta saya jawab, sekarang saya jawab. Baru-baru ini kita mendapat peruntukan RM100,000 setiap terma (1 term for RM100,000).

**Tuan Lim Guan Eng:** Baik, terima kasih Yang Berhormat Menteri. I stand corrected.

**Dato' Haji Tengku Mahmud bin Tengku Mansor:** *[Bangun]*.

**Tuan Lim Guan Eng:** Nanti sekejap. I stand corrected - bukan setahun, tetapi satu penggal iaitu RM100,000 untuk 3 tahun - betul. Okay, I stand corrected. Kalau saya terbaca salah atau ini dilaporkan salah oleh surat khabar, I stand corrected. Saya ucapkan terima kasih tentang maklumat yang diberikan oleh Yang Berhormat Menteri dan itulah cara yang kita hendak. Kalau fakta ini salah dibetulkan, tetapi ini.....

**Dato' Haji Tengku Mahmud bin Tengku Mansor:** *[Bangun]*.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Haji Juhar bin Haji Mahiruddin]:** Yang Berhormat, Timbalan Menteri bangun.

**Tuan Lim Guan Eng:** Nanti sekejap, nanti sekejap.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Haji Juhar bin Haji Mahiruddin]:** Tunggu sekejap.

**Tuan Lim Guan Eng:** Tetapi ini terus menyokong hujah saya, bahawa Ahli Senat yang tidak dipilih oleh rakyat boleh mendapat peruntukan, sungguhpun Ahli Pembangkang yang dipilih oleh rakyat tidak mendapat satu sen pun peruntukan. Bukankah ini merupakan satu penyalahgunaan kuasa?

**Timbalan Menteri Pertanian [Dato' Haji Tengku Mahmud bin Tengku Mansor]:** *[Bangun]*

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Haji Juhar bin Haji Mahiruddin]:** Ada yang bangun.

**Tuan Lim Guan Eng:** Sila.

**Dato' Haji Tengku Mahmud bin Tengku Mansor:** Tuan Yang di-Pertua, saya ingin penjelasan. Sebagaimana yang Ahli Yang Berhormat kata, ahli parlimen dapat peruntukan RM300,000, lepas itu pula ahli dewan senate. Sebenarnya saya telah enam

penggal, tidak pernah menerima walau satu sen pun. Perkataan “dapat” itu bermakna “dapat wang”. Apa yang diberi, hanya cadangan sahaja. Ahli-ahli parlimen dibenarkan mencadangkan projek-projek kecil dalam kawasan masing-masing, kadang-kadang kita cadangkan RM300,000 itu ditolak, kalau ianya tidak mengikut prosedur-prosedur dan peraturan-peraturan yang ada.

Jadi, perkataan ‘mendapat’ itu adalah satu perkataan yang tak tepat, yang mengelirukan masyarakat. Walhal kita tidak pernah menerima, bila mencadang, kadang dilulus, kadang tidak. Itu macam biasa. Jadi, itu pandangan yang saya rasa mengelirukan. Ahli Yang Berhormat sedar atau tidak segala perkataan “dapat” itu?

**Tuan Lim Guan Eng:** Saya rasa kalau Yang Berhormat Timbalan Menteri hendak ajar, kena ajar Yang Berhormat Menteri dahulu. Kerana ini yang dinyatakan tadi sendiri oleh Yang Berhormat Menteri, diberikan peruntukan RM100,000 satu terma.

**Dato’ Haji Tengku Mahmud bin Tengku Mansor:** *[Bangun]*

**Datuk Haji Mohamed Nazri bin Abdul Aziz:** *[Bangun]*

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Haji Juhar bin Haji Mahiruddin]:** Ada yang bangun di belakang.

**Tuan Lim Guan Eng:** Yang Berhormat Timbalan Menteri hendak lagi?

So, saya rasa ini Yang Berhormat Menteri sendiri yang cakap, apa perbezaannya? Sama serupa, tetapi mengapa kalau begitu ahli parlimen daripada pihak pembangkang tak diberikan syarat-syarat yang sama, kenapa pula? Silakan Yang Berhormat Timbalan Menteri.

**Datuk Haji Mohamed Nazri bin Abdul Aziz:** Saya cuma hendak perbetul Yang Berhormat kata iaitu bahawa di Malaysia ini bahawa Ahli Dewan Negara yang tidak dipilih oleh rakyat dapat peruntukan dan diberikan kepada mereka, tetapi kalau Ahli Yang Berhormat lihat di Amerika Syarikat sebuah negara yang dikatakan demokratik. Jadi,

apabila Presiden dipilih, yang dipilih cuma Presiden, kemudian yang dilantik menjadi State Secretary dan menjadi State Secretary yang lain mereka tidak dipilih oleh rakyat tetapi mereka dilantik sendiri oleh Presiden dan orang-orang ini diberikan peruntukan dalam kementerian mereka sendiri yang mana boleh mereka belanjakan untuk kawasan-kawasan di Amerika.

Jadi, saya ingat kalau orang itu tidak dipilih oleh rakyat, tidak salah kalau dia mendapat peruntukan daripada kerajaan kerana State-state Secretaries or Secretary of States di Amerika pun mereka tidak dipilih - dilantik! Tetapi mereka dianggap sebagai orang yang mewakili kerajaan dan diberikan peruntukan untuk dibelanjakan kepada rakyat. Bermakna demokratiklah cara ini, tak betullah sepertimana yang Ahli Yang Berhormat sebut sebentar tadi, ini sebagai perbandingan.

**Tuan Lim Guan Eng:** Saya rasa mungkin Yang Berhormat Timbalan Menteri keliru sedikit tentang sistem politik dan struktur politik di Amerika Syarikat. Semua pemegang jawatan Kabinet Presiden bukanlah penggubal undang-undang. Mereka ialah bertanggungjawab ke atas kabinet atau jabatan tertentu, mereka bukanlah penggubal, malah ada setengah-setengah *Ahli Kongres* dan *Senate* apabila dipilih menjadi menteri perumahan atau *Secretary of State*, mereka terpaksa meletak jawatan.

Di sini kita merujuk kepada penggubal undang-undang dan tidak boleh dinafikan bahawa *Amerika* adalah juga penggubal undang-undang, mengapa pula satu badan penggubal undang-undang yang tidak dipilih secara langsung, tidak dipilih oleh rakyat dilantik, boleh diberikan peruntukan RM100,000 untuk tiga tahun. Tetapi untuk ahli pembangkang yang dipilih secara langsung oleh rakyat tak dapat peruntukan satu sen pun.

**Tuan Ruhanie bin Haji Ahmad:** You are pembangkang!

**Tuan Lim Guan Eng:** Itu yang jadi masalah dan .....

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Haji Juhar bin Haji Mahiruddin]:** Ada yang bangun Yang Berhormat, hendak beri jalan atau tidak?

**Datuk Haji Mohamed Nazri bin Abdul Aziz:** Ini perkara barulah pula ini yang sebut “penggubal undang-undang” pula ini! Sebelum ini dia tidak sebut sebagai penggubal undang-undang.

**Tuan Lim Guan Eng:** Legislatur, dengan izin.

**Datuk Haji Mohamed Nazri bin Abdul Aziz:** Ha, baru sebutlah legislatur. Tadi dia tidak sebut, tadi maknanya sebut orang yang bahawa prinsipnya sepatutnya orang yang tak dipilih tidak boleh mendapat peruntukan. Oleh sebab itu, saya sebut Secretary of States di Amerika tidak dipilih tetapi mereka mempunyai peruntukan. Ini benda barulah pula - legislatur ini. Cuma saya hendak sebut, pokoknya Yang Berhormat, rakyat pilih parti, parti yang tubuh kerajaan, sudah tentulah kerajaan ada peruntukan untuk wakil rakyat dia. Ahli Yang Berhormat hendak dapat peruntukan, kena menanglah. Cuba tanya orang PAS di Kelantan, mereka ada mendapat peruntukan dari kerajaan negeri atau tidak? Tanya mereka!

**Tuan Lim Guan Eng:** Kita bercakap tentang prinsip demokrasi. Saya rasa Yang Berhormat betul-betul tak faham tentang struktur politik di Amerika Syarikat, betul-betul tak faham. Tetapi kita bercakap tentang perkara-perkara pokok di Malaysia, perkara demokrasi. Di mana sungguhpun ahli parlimen yang sepatutnya mempunyai hak yang sama, memiliki hak sama, tak kira daripada parti pemerintah ataupun daripada parti lawan.

Mengapa wujud diskriminasi oleh pihak kerajaan? Mengapa ini berlaku dan sungguhpun kita dipilih secara langsung oleh rakyat dianiayai ....

**Setiausaha Parlimen Kementerian Penerangan [Datuk Mohd. Shafie bin Haji Apdal]:** *[Bangun]*

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Haji Juhar bin Haji Mahiruddin]:** Yang Berhormat, Setiausaha Parlimen bangun.

**Tuan Lim Guan Eng:** ...kalau dibandingkan oleh mereka yang tidak dipilih oleh rakyat iaitu Ahli Senate?

**Dato' Haji Tengku Mahmud bin Tengku Mansor:** *[Bangun]*

**Datuk Mohd. Shafie bin Haji Apdal:** *[Bangun]*

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Haji Juhar bin Haji Mahiruddin]:** Yang Berhormat, sekejap! Ada dua yang bangun, hendak beri jalan atau tidak?

**Tuan Lim Guan Eng:** Timbalan Menteri JPM sudah banyak kalilah, so next Timbalan Menteri.

**Datuk Mohd. Shafie bin Haji Apdal:** Timbalan Menteri atau Setiausaha Parlimen?

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Haji Juhar bin Haji Mahiruddin]:** Timbalan Menteri ya?

**Dato' Haji Tengku Mahmud bin Tengku Mansor:** Yang Berhormat, saya ingin mendapat penjelasan Yang Berhormat pun bukan faham sangat tentang demokrasi. Kalau soal apa Ahli Yang Berhormat katakan, kalau elaun Yang Berhormat tidak dibayar oleh kerajaan, elaun Barisan Nasional dibayar oleh kerajaan baru Yang Berhormat boleh kata diskriminasi!

Ini soal pembangunan, setiap sen wang pembangunan itu kerajaan mesti memastikan ia digunakan dengan sepenuhnya dan bertanggungjawab. Begitu juga macam di pejabat, kerani sementara tidak boleh dipertanggungjawabkan dengan kewangan.

Jadi, kalau Yang Berhormat kata dasar demokrasi, kalau elaun RM3,000 sama RM3,000 dibayar, itu demokrasilah. Tetapi soal pembangunan tidak mungkin kerana ini adalah hak kerajaan. Sebab itu bila PAS memerintah pun sama. Bila DAP pula memerintah akan datang - tak mungkin - pun dia akan buat macam itu juga.

Jadi, kalau hendak soal gaji tidak dibayar, elaun tidak bayar itu baru diskriminasi, ini soal pembangunan, itu soal tanggungjawab. Saya rasa Yang Berhormat pun tak berapa faham juga itu.

**Tuan Lim Guan Eng:** Saya rasa Yang Berhormat Timbalan Menteri sekarang buat pengakuan terdapat diskriminasi dalam dasar pembangunan oleh pihak kerajaan.

**Dato' Haji Tengku Mahmud bin Tengku Mansor:** No! Saya tidak mengatakan!

**Tuan Lim Guan Eng:** Kerana ahli parlimen, kalau gaji tak dibayar baru diskriminasi!

**Dato' Haji Tengku Mahmud bin Tengku Mansor:** Ya!

**Tuan Lim Guan Eng:** Tetapi pembangunan itu perkara right? Itu dikatakan hak kerajaan!

**Dato' Haji Tengku Mahmud bin Tengku Mansor:** Ya! Sebab tanggungjawab kepada rakyat.

**Tuan Lim Guan Eng:** Ini merupakan satu pengakuan bahawa ada diskriminasi dalam dasar pembangunan negara.

**Tuan Ruhanie bin Haji Ahmad:** Jangan main wayanglah!

**Tuan Lim Guan Eng:** Nanti, saya habis dahulu! Bahawa ada diskriminasi dalam dasar pembangunan negara.

**Dato' Haji Tengku Mahmud bin Tengku Mansor:** *[Bangun]*

**Tuan Ruhanie bin Haji Ahmad:** *[Bangun]*

**Datuk Mohd. Shafie bin Haji Apdal:** *[Bangun]*

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Haji Juhar bin Haji Mahiruddin]:** Dia tidak beri jalan Yang Berhormat.

**Tuan Lim Guan Eng:** Ini saya rasa adalah sangat tidak adil sekali.

**Seorang Ahli:** Putar belitlah lu!

**Tuan Lim Guan Eng:** Jangan celupar sangatlah! Cerewet apa ini?

**Datuk Mohd. Shafie bin Haji Apdal:** *[Bangun]*

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Haji Juhar bin Haji Mahiruddin]:** Yang Berhormat, hendak beri jalan atau tidak? Setiausaha Parlimen bangun.

**Datuk Mohd. Shafie bin Haji Apdal:** Beri 'chance' atau tidak?

**Tuan Lim Guan Eng:** Ya, tahniahlah - menang, berilah! *[Ketawa]*

**Datuk Mohd. Shafie bin Haji Apdal:** *[Ketawa]* Terima kasih banyak! Ini soal atau fasal Tuan Yang di-Pertua, mengenai dengan diskriminasi. Adakah Ahli Yang Berhormat sedar bahawa dari segi pertanggungjawaban Kerajaan Barisan Nasional lebih bertanggungjawab? Kalau kita lihat daripada contoh yang lebih jelas. Hak yang Bukit Bintang yang dahulu dipegang oleh pihak pembangkang, lebih maju daripada kawasan Semporna, yang dipegang semenjak tahun 1967 dari segi kemudahan infrastruktur, kemudahan bekalan air, elektrik dan lain-lain.

Ini dari segi diskriminasi macam mana pembangunan yang tidak diwujudkan oleh kerajaan? Walaupun kawasan tersebut bukan kawasan Barisan Nasional tetapi pertanggungjawaban kita, kita tunaikan, walaupun kawasan tersebut kawasan pihak DAP, pihak Kepong pun.

***[Ahli Yang Berhormat dari Kepong keluar Dewan]***

Kepong pun hendak keluar dah! *[Ketawa]* Kawasan dia kita bangunkan, tidak bererti kita tinggalkan rakyat yang memerlukan pembangunan Tidak ada soal diskriminasi yang ada.

**Seorang Ahli:** Cheras!

**Datuk Mohd. Shafie bin Haji Apdal:** Cheras! *[Ketawa]*

**Seorang Ahli:** Kepong sudah lari!

**Tuan Lim Guan Eng:** Saya rasa Yang Berhormat nampaknya lupa, pada satu masa kawasannya di bawah PBS, baru selepas menang membangun sedikit. Sebelum itu mana ada? Ini yang menjadi masalah, kerana Sabah dianaktirikan oleh pihak Barisan Nasional dengan menarik balik peruntukan pembangunan. Ini yang berlaku, selepas ini berlalu .....

**Datuk Mohd. Shafie bin Haji Apdal:** *[Bangun]*

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Haji Juhar bin Haji Mahiruddin]:** Dia bangun Yang Berhormat.

**Tuan Lim Guan Eng:** Dia cakap “kita berikan wang pembangunan kerana sudah menyokong Barisan Nasional” dan apa yang dikatakan tadi oleh Yang Berhormat Timbalan Menteri mengesahkan perkara ini: diskriminasi wujud! Mana ada demokrasi kalau seseorang atau kalau mereka menyokong parti pembangkang, kerajaan hendak menghukum mereka! Adakah ini demokrasi?

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Haji Juhar bin Haji Mahiruddin]:** Hendak beri jalan atau tidak Yang Berhormat?

**Tuan Lim Guan Eng:** Adakah ini adil? Nanti, saya habiskan dahulu Tuan Yang di-Pertua.

**Datuk Mohd. Shafie bin Haji Apdal:** Hendak minta jalan mengenai PBS, you sedarkah fasal PBS? No, PBS is just like DAP, dengan izin.

**Tuan Lim Guan Eng:** Duduk dahulu! Tuan Yang di-Pertua, saya tidak beri. Sila duduk!

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Haji Juhar bin Haji Mahiruddin]:** Dia tidak beri!

**Tuan Lim Guan Eng:** Nanti, saya akan berikan. Oleh sebab itu, ini menunjukkan bahawa kerajaan berdiskriminasi. Perkara pokok ini sekarang jelas!

**Seorang Ahli:** Pembelit!

**Tuan Lim Guan Eng:** Ahli Parlimen daripada pembangkang sungguhpun dipilih oleh rakyat 'dianaktirikan' berbanding dengan ahli-ahli senate yang tak dipilih oleh rakyat dapat peruntukan, dapat wang.

**Tuan Ruhanie bin Haji Ahmad:** Tuan Yang di-Pertua, minta penjelasan!

**Tuan Lim Guan Eng:** Tak tahulah, macam mana mereka akan mengagihkan wang ini. Dari negeri mana mereka datang kita tak tahu, kerana ada setengah-setengah mereka bukan dilantik oleh negeri tetapi dilantik oleh Yang Amat Berhormat Perdana Menteri. Ini yang menjadi masalah.

**Tuan Ruhanie bin Haji Ahmad:** *[Bangun]*

**Dr. Haji Yusof bin Haji Yacob:** *[Bangun]*

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Haji Juhar bin Haji Mahiruddin]:** Kota Melaka. Nak bagi jalan, dua orang yang bangun.

**Tuan Lim Guan Eng [Kota Melaka]:** Dua-dua pun pilih yang mana satu. Dua-dua pilih antara satu sama lain.

**Tuan Ruhanie bin Haji Ahmad [Parit Sulong]:** You pilih yang mana you berani.

**Tuan Lim Guan Eng:** You pilih, I'm democratic. I let your choose. *[Ketawa]*

**Tuan Ruhanie bin Haji Ahmad:** Tuan Yang di-Pertua. Di sini kalau nak cakap banyak, masuk Barisan Nasional. Masalah rakyat didiskriminasikan, tidak benar. Memang contoh tadi yang dibawa oleh Setiausaha Parlimen, ada contoh yang real. Kuala

Lumpur banding dengan Parit Sulong. Kuala Lumpur sebilangan besarnya di bawah DAP. Kenapa membangun? Mengapa pembangunan di Kuala Lumpur lebih dari Parit Sulong? Kalau nak diperkira dari representation, tapi oleh kerana wakil rakyat tidak diberi, kerana wakil rakyat Pembangkang, tidak boleh dipegang kepertanggungjawapan mereka kepada kerajaan kerana mereka membangkang kerajaan.

Cuba you gunakan logik ini, walau di mana dunia sekalipun you berada sebagai pembangkang, you tidak akan menikmati perkara ini. Saya tidak pernah dengar mengapa, pembangkang tidak pernah mengatakan, mengapa rakyat di Kepong kerajaan belanja lebih daripada rakyat di Kuala Selangor. Mengapa Bukit Bintang satu ketika dulu, kerajaan belanja lebih banyak dari Parit Sulong atau Tanjong Karang. Mengapa lebih banyak peruntukan di Ipoh umpamanya sewaktu Ipoh di bawah DAP. Kalau berbanding dengan Kota Belut atau Semporna. Mengapa tidak dipersoalkan. Jangan cuba nak mengelirukan keadaan dalam Dewan ini untuk mencari isu oleh kerana DAP sudah bankrap, saya kata you are diminishing species. Diminishing species dalam Dewan Rakyat, jadi jangan cuba nak manipulate, nak putar belit macam ular. Terima kasih.

**Tuan Lim Guan Eng:** That's too much lah.

**Tuan Ruhanie bin Ahmad:** O.K lah tarik balik, ular. Macam spring.

**Tuan Lim Guan Eng:** Tarik balik ha! Saya rasa apa yang dikatakan tadi oleh Yang Berhormat Parit Sulong, bahawa dari segi pembangunan ini saya tidak nafikan. Kuala Lumpur memang lebih maju dari Parit Sulong. Kita tidak akan nyatakan yang betul itu salah. Atau yang benar itu palsu. Kita tidak akan buat begitu seperti Barisan. Benar - benar, palsu - palsu. Kita tidak ada pusing-pusing punya. *[Disampuk]* Mengapa sungguhpun kawasan Pembangkang boleh membangun.

**Tuan Ruhanie bin Haji Ahmad:** *[Bangun]*

**Tuan Lim Guan Eng:** Nantilah saya belum sempat jawab lagi, nak minta jalan. Nanti saya akan beri. Sebelum sungguhpun kawasan Pembangkang, mendapat sedikit kemajuan, ini menunjukkan bahawa Wakil Rakyat Pembangkang ada buat kerja. Despite the best efforts of the Government, kerana Wakil Rakyat Pembangkang ada buat kerja, boleh dapat kemajuan. Tetapi....

**Tuan Ruhanie bin Haji Ahmad:** Saya minta Tuan Yang di-Pertua, kita kembali kepada sejarah.

**Tuan Lim Guan Eng:** Nanti, saya tidak beri jalan. Duduk dulu.

**Tuan Ruhanie bin Haji Ahmad:** Sejarah menunjukkan bahawa luar bandar adalah tidak maju. Bahawa di bandar telah dimajukan oleh penjajah. ....

**Tuan Lim Guan Eng:** Ini tidak hormati standing order.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Haji Juhar bin Haji Mahiruddin]:** Minta duduk Parit Sulong.

**Tuan Lim Guan Eng:** Hormat sikit, duduk. Saya tak beri this is my floor.

**Tuan Ruhanie bin Haji Ahmad:** Okay, don't invoke the sentiment of history please, dengan izin.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Haji Juhar bin Haji Mahiruddin]:** Yang Berhormat

**Tuan Lim Guan Eng:** Tuan Yang di-Pertua, oleh itu saya sekali lagi, kerana isu ini amat jelas. Diskriminasi dalam pembangunan, ini perlu dihentikan. Supaya ia tidak boleh menjadikan sebagai satu alat politik, untuk menghukum, untuk berdiskriminasi ke atas pemilih-pemilih yang inginkan demokrasi. Kalau kita dari pihak Pembangkang, sungguhpun bilangan kita sekarang kurang, kita akui, kurang. Tetapi peranan kita adalah amat penting untuk menjamin wujudnya demokrasi. Tanpa Pembangkang mana ada

demokrasi, dan ini telah ditunjukkan dengan jelas oleh rakyat Sarawak dalam pilihan raya besar yang lepas. Mereka mahu demokrasi dan kerana itu mereka berikan kemenangan kepada DAP dalam 3 kawasan.

Sungguhpun kita tidak ada satu chance pun, satu harapan pun tidak ada. Di luar dugaan kita menang 3, jangan anggap kita diminishing species. Penggal akan datang, kita akan tengok sama ada diminishing atau increasing. Kita tengok masa itu. Tuan Yang di-Pertua,

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Haji Juhar bin Haji Mahiruddin]:** Yang Berhormat, Sipitang bangun.

**Tuan Lim Guan Eng:** Akhir ya tentang perkara ini,akhir.

**Dr. Haji Yusof bin Haji Yacob:** Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua, saya ingin penjelasan dari Yang Berhormat daripada Kota Melaka, mengenai dengan sama ada demokrasi ataupun diskriminasi ataupun tidak. Semasa PBS memerintah negeri Sabah dahulu, DAP berkerjasama dengan PBS dan masa itu kawasan-kawasan di mana yang tidak diwakili oleh PBS, tidak diberi peruntukan. Kenapa Yang Berhormat tidak menyuarakan masalah itu supaya diberi peruntukan. Itu satu

Kemudian yang kedua, soal kelulusan projek sebenarnya, di kawasan-kawasan yang dimenangi oleh Barisan Nasional, kita diberi peruntukan, itu bukan hak. Itu kemudahan. Kalau Yang Berhormat claim untuk mendapat peruntukan sebagai hak, saya ingat itu salah. Di kawasan yang di wakili oleh Parti Pembangkang, sebenarnya kita tidak beri pada Ahli Yang Berhormat dan peruntukan diberi di situ. Ahli Yang Berhormat sebenarnya boleh menyenaraikan permohonan, yang meluluskan adalah pegawai kerajaan. Terpujanglah kepada mereka. Kita tidak larang, kita tidak diskriminasi. Yang Berhormat boleh menyenaraikan, seratus projek pun boleh, tetapi kelulusan itu hak

kepada pegawai yang meluluskan. Mungkin diluluskan atau tidak. Yang Berhormat belum cuba. Jadi, ....

**Tuan Lim Guan Eng:** *[Bangun]*

**Dr. Haji Yusof bin Haji Yacob:** Tunggu dulu, satu lagi mengenai dengan kawasan yang tadi yang dikatakan maju. Kawasan yang maju tidak maju, Yang Berhormat kata kalau kawasan itu diwakili oleh Pembangkang dia maju, pembangkang buat kerja. Tetapi kalau kawasan diwakili oleh Pembangkang tidak maju, dia kata Barisan Nasional diskriminasi. Saya ingat kena adillah sikit statement. Jadi kawasan yang maju dikatakan walaupun Pembangkang diwakili oleh Pembangkang, dia kata Pembangkang buat kerja. Yang tidak maju, dia kata Pembangkang diskriminasi. Saya ingat ini tidak adil, kerana kawasan yang diwakili Pembangkang dan bukan Pembangkang di kawasan bandar memang maju. Dan kawasan di luar bandar, walau diwakili oleh bukan Pembangkang kurang maju. Itu keadaan, bukan diskriminasi. Terima kasih.

**Tuan Lim Guan Eng:** Saya amat kesal Yang Berhormat sudah mencontohi Parit Sulong, pandai berbelit-belit. Saya tidak payah jawablah itu kerana masa Sabah di bawah PBS, UMNO menjadi Pembangkang, ia pun hentam PBS kerana tidak berikan peruntukan. Masa itu di Parlimen hendak hentam, sekarang bila jadi kerajaan buat serupa. Mana ada, ini semua tidak jujur, tidak ikhlas ada double standard. Saya rasa tidak payah, kalau masa Pembangkang hentam, kami selepas jadi kerajaan, buat yang mereka kritikan, dan mereka bidas semasa menjadi Pembangkang di Sabah. Dan di mana kejujuran, semua ahli Parlimen daripada Sabah macam ini.

**Datuk Mohd Shafie bin Haji Apdal:** Tuan Yang di-Pertua

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Haji Juhar bin Haji Mahiruddin]:** Beri jalan sikit.

**Tuan Lim Guan Eng:** Saya ingat perkara.....

**Datuk Mohd Shafie bin Haji Apdal:** It's different, dengan izin. Perbezaan di antara PBS dengan UMNO .....

**Tuan Lim Guan Eng:** Semua lagu lama, main-main .. tak boleh nafikan perkara pokok, bahawa ada diskriminasi dalam pembangunan. *[Disampuk]* Ini adalah sesuatu yang tidak betul.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Haji Juhar bin Haji Mahiruddin]:** Nak bagi atau tidak bagi.

**Tuan Lim Guan Eng:** Tak bagi, tak bagi.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Haji Juhar bin Haji Mahiruddin]:** Dia tak bagi Yang Berhormat.

**Tuan Ruhanie bin Haji Ahmad:** Takut ya!

**Tuan Lim Guan Eng:** Saya sudah bagi berpuluh-puluh kali takut apa. *[Disampuk]* I'll go to the next topic.

Tuan Yang di-Pertua, prestasi yang ditunjukkan oleh Ahli Parlimen selepas pelarasan ini.....

**Tuan Ruhanie bin Haji Ahmad:** *[Bangun]*

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Haji Juhar bin Haji Mahiruddin]:** Yang Berhormat, dia tak mahu beri, Yang Berhormat.

**Tuan Ruhanie bin Haji Ahmad:** Tak, sebelum dia pindah topik, saya hendak betulkan sedikit, Tuan Yang di-Pertua.

**Tuan Lim Guan Eng:** Saya tak mahu berikan jalan. Ini nada lama semua.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Haji Juhar bin Haji Mahiruddin]:** Minta duduk, Yang Berhormat.

**Tuan Ruhanie bin Haji Ahmad:** Springlah awak!

**Tuan Lim Guan Eng:** Itulah, macam ini macam mana hendak beri? Macam mana hendak beri?

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Haji Juhar bin Haji Mahiruddin]:** Sila teruskan Yang Berhormat. *[Menyampuk]*

**Tuan Lim Guan Eng:** Macam mana hendak beri, tukang belit! Tuan Yang di-Pertua, perkara yang lain ialah prestasi yang ditunjukkan oleh Ahli Yang Berhormat sangat penting. Saya amat gembira Yang Berhormat Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri serius dalam tanggungjawabnya kepada Parlimen.

Saya sering melihat beliau di Parlimen. Yang Berhormat Timbalan Menteri di sana pun serupa. Sungguhpun kita di dalam kem yang berlainan, tetapi we give credit where it is due. Yang Berhormat dari Parit Sulong, saya pun sering lihat dia berada di Parlimen, tetapi bukan seperti rakan-rakan lain, sebagai seorang ketua Backbencher's Club, dia patut memastikan semua Ahli Parlimen hadir sungguhpun dia sendiri bertanggungjawab!

**Tuan Ruhanie bin Haji Ahmad:** Tuan Yang di-Pertua.....

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Haji Juhar bin Haji Mahiruddin]:** Parit Sulong bangun.

**Tuan Lim Guan Eng:** Tak beri, tak beri! Sudah habis....sudah habis!

**Tuan Ruhanie bin Haji Ahmad:** Tuan Yang di-Pertua, ini sudah keluar dari tajuk....jauh!

**Tuan Lim Guan Eng:** Sungguhpun Yang Berhormat sendiri bertanggungjawab, tetapi dia datang sebagai ketua.....

**Tuan Ruhanie bin Haji Ahmad:** Wakil rakyat Tanjong, mana dia?

**Tuan Lim Guan Eng:** ....kerana tidak memastikan semua Ahli-ahli Parlimen hadir dalam Parlimen!

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Haji Juhar bin Haji Mahiruddin]:** Dia tak beri jalan, Yang Berhormat.

**Tuan Ruhanie bin Haji Ahmad:** Mana Ketua Pembangkang? Bayar elaun, makan gaji buta! Tidur dekat rumah! Mana dia?

**Tuan Lim Guan Eng:** Pelarasan ini kalau hendak tolak untuk Ketua Pembangkang, tolaklah! Tak ada masalah!

**Tuan Ruhanie bin Haji Ahmad:** Mana Ketua Pembangkang? Mana dia?

**Tuan Lim Guan Eng:** Tolak! Tak ada masalah!

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Haji Juhar bin Haji Mahiruddin]:** Yang Berhormat.....

**Tuan Lim Guan Eng:** Saya tak berikan jalan!

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Haji Juhar bin Haji Mahiruddin]:** Dia tak beri jalan Yang Berhormat, minta duduk.

**Tuan Lim Guan Eng:** Prestasi adalah sangat penting dan saya amat kesal bahawa yang datang menunaikan tanggungjawab setiap hari, selain daripada ahli Pembangkang yang setiap hari datang. *[Menyampuk]* Tetapi Ahli Parlimen dari DAP, tengok rekod! Look at the senarai kehadiran, tengok!

**Tuan Ruhanie bin Haji Ahmad:** Datang lima minit pun datang juga!

**Tuan Lim Guan Eng:** Untuk Ahli-ahli Parlimen daripada Barisan Nasional mana? Menteri? Ayo.....rekod menteri teruk sekali, khususnya seorang menteri yang jarang sekali dilihat.

**Tuan Michael Lisa Kaya:** *[Bangun]*

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Haji Juhar bin Haji Mahiruddin]:** Ya, Yang Berhormat dari Sarawak bangun Yang Berhormat. Hendak beri?

**Tuan Michael Lisa Kaya:** Kasi canlah!

**Tuan Lim Guan Eng:** You ingat saya hendak hentam Ketua Menteri Sarawakkah?

**Tuan Michael Lisa Kaya:** Tidak...tidak! [*Menyampuk*]

**Tuan Lim Guan Eng:** You jangan terlalu sensitif, jangan hendak defend dialah!

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Haji Juhar bin Haji Mahiruddin]:** Hendak beri jalan atau tidak Yang Berhormat?

**Tuan Lim Guan Eng:** Dia tak ada sekarang, tak payah jack!

**Tuan Michael Lisa Kaya:** Kasi can....kasi can.

**Tuan Lim Guan Eng:** Okaylah....kasilah!

**Tuan Michael Lisa Kaya:** Terima kasih Yang Berhormat di sebelah sana. Saya pun hormati dia. Kita bersama di dalam Jawatankuasa Kira-kira Wang Negara (Public Accounts Committee). Dia mewakili DAP dan saya menghormati dia sebagai Ahli Parlimen. Tetapi sebelum dia membuat hujah, pertanyaan mengenai prestasi Ahli parlimen, menteri dan lain-lain, saya baru balik dari Parlimen Canberra dan Deputy Speaker di Canberra sangat menghormati Parlimen Malaysia.

Why do we have to question our standard, dengan izin, kalau orang lain menghormati kita? [*Tepuk*] Saya minta penjelasan kepada rakan saya di sebelah sana. Sekiranya prestasi saya dari Bukit Mas tidak baik, biarlah rakyat di sana uji saya dalam pilihan raya. Setuju atau tidak? Kalau boleh, pergilah ke Bukit Mas, bertanding di sana! To make it simple, dengan izin. Setujukah atau tidak?

**Tuan Lim Guan Eng:** Ini sudah cabar-mencabar. Kalau hendak pergi ke Bukit Mas, boleh datang ke Kota Melaka bukan? Tetapi saya tidak cabar Yang Berhormat, saya tak tahu macam mana! Saya tak ada minat untuk pergi ke negeri Sarawak. Saya ingin cakap dengan jelas sekali.....

**Tuan Michael Lisa Kaya:** Kawasan saya rural.

**Tuan Lim Guan Eng:** Saya pun tak faham. Tetapi yang penting ialah prestasi. Balik kepada soal pokok, prestasi. Prestasi menteri sebagai institusi yang paling terunggul dan tinggi dalam Malaysia, menteri sepatutnya hadir untuk memberikan jawapan kepada hujah-hujah yang ditimbulkan oleh Ahli-ahli Parlimen kerana Ahli Parlimen menyuarakan masalah rakyat kerana mereka dipilih oleh rakyat.

Tetapi di sini, saya jarang lihat Yang Berhormat Menteri-menteri hadir ke Parlimen, khususnya seorang menteri yang jarang sekali kita lihat. Tadi Yang Berhormat Parit Sulong sering suka menggunakan istilah diminishing species. I just give an example of a very rare species. A rare species, dengan izin, yang kita tak pernah lihat!

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Haji Juhar bin Haji Mahiruddin]:** Yang Berhormat, sekejap ya. Yang Berhormat telah berucap hampir satu jam. Saya nampak ada ahli-ahli yang lain yang ingin mengambil bahagian. Kalau boleh saya beri Yang Berhormat lima minit.

**Tuan Lim Guan Eng:** Boleh 10 minit tak?

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Haji Juhar bin Haji Mahiruddin]:** Lima minit, tepat satu jam.

**Tuan Lim Guan Eng:** 10 minit saya minta.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Haji Juhar bin Haji Mahiruddin]:** 5 minit, sila.

**Tuan Lim Guan Eng:** Tak apalah, lain kali saya tak akan berikan jalan. Hanya kacau ini! The rare species, saya hendak memperkenalkan yang hanya datang selepas rekod - kita ada rekod di sini, yang hanya datang di antara tahun 1990 - 1994, Dewan bersidang selama 272 hari, beliau datang 22 hari. Rekod hadir ialah 8%. Yang paling teruk sekali di antara semua Ahli Parlimen dan menteri. Lebih teruk daripada Yang Amat Berhormat Perdana Menteri dan Yang Amat Berhormat Timbalan Perdana Menteri!

Saya rasa ini tidak boleh dinafikan. Ini akan diterima umum bahawa orang yang paling sibuk, selain daripada Yang Amat Berhormat Timbalan Perdana Menteri ialah Yang Amat Berhormat Perdana Menteri. Tetapi sungguhpun beliau sibuk, semalam beliau datang untuk menjawab soalan yang ditimbulkan oleh Yang Berhormat dari Kepong dan Yang Berhormat dari Marang.

Tetapi menteri ini tidak pernah datang. Belum datang! Bila sesi ini bermula, jarang sekali datang! Adakah ini prestasi yang kita hendak?

**Dato' Dr. Haji Jamaluddin bin Dato' Mohd. Jarjis:** [*Bangun*]

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Haji Juhar bin Haji Mahiruddin]:** Rompin minta jalan. Hendak beri?

**Tuan Lim Guan Eng:** Tak cukup masalah, minta maaf. 5 minutes. Kalau boleh tambah, saya akan beri. Tak boleh tambah, saya tak beri. Boleh tambah tak?

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Haji Juhar bin Haji Mahiruddin]:** Tak ada Yang Berhormat.

**Dato' Dr. Haji Jamaluddin bin Dato' Mohd. Jarjis:** Saya boleh bangun, saya beri Yang Berhormat nanti. Saya boleh bangun berucap, selepas itu saya beri peluang Yang Berhormat tanya pula!

**Tuan Lim Guan Eng:** Tak ada masa - 6.30.

**Dato' Dr. Haji Jamaluddin bin Dato' Mohd. Jarjis:** Selepas ini saya boleh bangun bercakap.....

**Tuan Lim Guan Eng:** Nanti...nanti saya....

**Dato' Dr. Haji Jamaluddin bin Dato' Mohd. Jarjis:** ....selepas itu saya beri peluang kepada Yang Berhormat untuk bertanya.

**Tuan Lim Guan Eng:** Okay. Half a minute. Half a minute.

**Dato' Dr. Haji Jamaluddin bin Dato' Mohd. Jarjis:** Half a minute?

**Tuan Lim Guan Eng:** Half a minute.

**Dato' Dr. Haji Jamaluddin bin Dato' Mohd. Jarjis:** Saya nampak tadi macam Yang Berhormat mengolah bahawa akan datang DAP akan lebih ramai dalam Parlimen. Macam sudah merancang untuk pilihanraya akan datang. Agenda yang Yang Berhormat bawa ini - peratus statistik, mungkin kepada Ketua MCA. Mungkin ada agenda politik tertentu. Macam sepak mula pilihan raya akan datang. Saya minta penjelasan sedikit.

**Tuan Lim Guan Eng:** Saya ingat Yang Berhormat terlalu banyak ghost. Persidangan UMNO sudah habis, so mungkin banyak grand designs di sana, tetapi di sini bukan UMNO, tak ada grand designs. Di sini kita hanya cakap menerusi fakta sahaja.

Dan Yang Berhormat Menteri ini yang jarang datang. Kalau attendance record 8%, dengan izin, di sekolah sudah kena pecat! Betul tak? Tak payah 8%, kalau ia 10% tidak hadir iaitu hadir 90% sahaja, sudah kena pecat! Yang Berhormat Timbalan Menteri Pendidikan tidak ada di sini. Tetapi bekas Yang Berhormat Timbalan Menteri Pendidikan boleh sahkan perkara ini. Sudah lama kena pecat!

Tetapi hari ini masih menjadi menteri lagi. Itu Presiden MCA lah!

**Dato' Dr. Haji Jamaluddin bin Dato' Mohd. Jarjis:** Maknanya saranan saya tadi betul lah!

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Haji Juhar bin Haji Mahiruddin]:** Rompin bangun Yang Berhormat.

**Tuan Lim Guan Eng:** Tak beri, tak beri sekarang!

**Dato' Dr. Haji Jamaluddin bin Dato' Mohd. Jarjis:** Unjuran saya itu betul! betul!

**Tuan Lim Guan Eng:** Mana ada standard di sini? Macam mana rakyat boleh sokong kalau prestasi seorang menteri macam ini?

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Haji Juhar bin Haji Mahiruddin]:** Yang Berhormat Rompin, dia tak beri Yang Berhormat.

**Dato' Dr. Haji Jamaluddin bin Dato' Mohd. Jarjis:** Tanggapan saya itu betul! betul! ya?

**Tuan Lim Guan Eng:** Macam mana rakyat akan memandang tinggi institusi Parlimen kalau ada seorang menteri yang tidak bertanggungjawab yang tidak menganggap serius ke atas tugasnya!

**Tuan Ruhanie bin Haji Ahmad:** Ayo...lu bankrupt lo....! Bankrupt issue lo.....!

**Tuan Lim Guan Eng:** Ini yang jadi soal penting. Kalau Yang Amat Berhormat Perdana Menteri boleh datang lebih kerap, mengapa dia tak boleh datang? Kalau beliau berani pergi ke Senate, mengapa dia tak berani berdepan dengan Ahli Parlimen semua? Bukan sahaja daripada DAP. Saya tahu dia takut DAP! Tetapi selain daripada Ahli Parlimen DAP, mengapa tidak mahu menghadapi semua Ahli Parlimen yang lain?

Saya tahu bila Yang Berhormat Menteri Perdagangan Antarabangsa dan Industri datang, dia dapat tepukan yang meriah untuk menyambutnya. Tetapi itu bukan sambutan yang sebenarnya. Itu satu sindiran kerana beliau jarang datang. Beliau jarang datang! Kalau Ahli Parlimen boleh rasa kerana Yang Berhormat bekas Presiden Wanita UMNO, bekas Ketua Wanita UMNO jarang datang ke Parlimen, mengapa pula ada double standard untuk Yang Berhormat Menteri Pengangkutan? Kita mesti bertindak adil.

Kalau dia jarang datang, kita mesti tanya mengapa dia tak datang dan tak menghormati institusi Parlimen serta tidak serius dengan tugas kementeriannya.

**Tuan Ruhanie bin Haji Ahmad:** ‘Pi’lah!

**Tuan Lim Guan Eng:** Ha, ketua backbencer pun gagal dalam tanggungjawabnya, you should take the attendance regards monitor tahu? You are the monitor.

**Tuan Ruhanie bin Haji Ahmad:** ‘Pi’lah!

**Tuan Lim Guan Eng:** Ini monitor punya kerja. Ini monitor mungkin kena tukarlah.....

**Tuan Ruhanie bin Haji Ahmad:** ‘Pegi’lah!

**Tuan Lim Guan Eng:** Cari satu yang lebih tegas, lebih keras dan lebih komited lagi.....

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Haji Juhar bin Haji Mahiruddin]:** Yang Berhormat.....

**Tuan Lim Guan Eng:** Ya, boleh saya gulung? Oleh sebab itu saya rasa pelarasan ini saya kena menyokong apa yang diucapkan oleh Yang Berhormat dari Cheras dan perlunya bantuan sokongan kepada ahli parlimen. Tetapi kalau ia tak disusuli dengan prestasi kerja yang cemerlang, kita bukan sahaja hendak ISO 9000 untuk kerajaan dan pihak swasta, kita hendak ISO 9000 juga untuk Parlimen. Parlimen pun mesti capai ke tahap ISO. Kalau kita hendak capai standard ISO, 8% punya attendance record boleh capaikah? Orang akan ketawa, semua rakyat akan ketawa dan menteri seperti ini nampaknya angkat gaji buta sahaja. Angkat gaji buta sahaja, tak mahu kerja. Tak boleh dinafikan dia angkat gaji buta, tak kerja dan dengan ini pelarasan gaji ini, sungguhpun pelarasan, saya rasa tidak akan disokong oleh rakyat dan malah dianggap oleh rakyat kerana prestasi kerja yang begitu buruk ini akan dianggap oleh rakyat bahawa ini

merupakan satu lagi penyalahgunaan kuasa oleh pihak kerajaan, sungguhpun dari realitinya bukan tetapi dari tanggapan akan dianggap begitu. Sekian, terima kasih.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Haji Juhar bin Haji Mahiruddin]:** Rompin.

**6.22 ptg.**

**Dato' Dr. Haji Jamaluddin bin Dato' Mohd. Jarjis [Rompin]:** Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua, saya bangun menyokong akta untuk meminda Akta Ahli Parlimen (Saraan) 1980. Saya mengucapkan syabas kepada kerajaan kerana mengemukakan satu akta yang saya kira, saya nak beri peluang kepada Kota Melaka bercakap tetapi dia dah balik, [*Tuan Lim Guan Eng keluar Dewan*] ini yang kata tentang prestasi. Jangan Kepong balik pula. Kepong tak balik ya? Inilah kata prestasi yang baik, tinggal seorang.....

**Tuan Ruhanie bin Haji Ahmad:** Jaga Parlimen! Wah, jaga Parlimen!

**Dato' Dr. Haji Jamaluddin bin Dato' Mohd. Jarjis:** Kepong so much havoc DAP kata 'prestasi' belum lagi sejuk yang dikatakan, tinggal seorang.....

**Tuan Ruhanie bin Haji Ahmad:** Masuk Barisanlah!

**Dato' Dr. Haji Jamaluddin bin Dato' Mohd. Jarjis:** Tinggal jaga sahaja. Saya ingat elok pada hari ini kita panggil Kepong 'jaga DAP sahaja'. [*Tepuk*] Betul tak? Sebab sebelum ini saya hormat Kepong, betul! Saya amat hormat Kepong, dia tak ada timbul cerita begini, tetapi Kota Melaka ini tak tahulah.

Sebelum saya pergi ke situ, Tuan Yang di-Pertua, berbalik kepada akta tadi. Saya ingat akta ini memang sampai masanya dikemukakan kepada Dewan dan kita merasakan ini dengan peningkatan kos kehidupan negara, dengan tanggungjawab, ini perlu diberikan sokongan. Kalau kita bandingkan dengan negara jiran, saya yakin apa yang diusahakan, pengorbanan dan tugas serta tanggungjawab ahli-ahli parlimen, menteri-menteri dan

timbangan-timbangan menteri amat jauh..... [*Tuan Lim Guan Eng masuk ke Dewan*] Terima kasih, welcome back, Sir.....

**Tuan Lim Guan Eng:** Beri ucapan, keluar pun tak bolehkah?

**Tuan Ruhanie bin Haji Ahmad:** Assistant jaga!

**Dato' Dr. Haji Jamaluddin bin Dato' Mohd. Jarjis:** Sebab apa, saya bimbang Kepong tadi dia menjadi jaga DAP. Jadi, alhamdulillah, Ketua Pemuda dia balik semula. Kalau macam ini dia boleh mengambil alih DAP sebagai ketua pembangkang.....

**Tuan Lim Guan Eng:** Kita ini bertanggungjawab, tak main-main!

**Dato' Dr. Haji Jamaluddin bin Dato' Mohd. Jarjis:** Kalau Kepong itu mungkin tahun 2000 hendak ambil alih sebagai ketua pembangkang, saya tak tahulah. Mungkin dalam peralihan zaman kita menjangkau dekad 2000 nanti, tak tahulah Kepong. Sepatutnya peningkatan kenaikan pangkat dalam parti mengikut senioriti.....

**Tuan Lim Guan Eng:** Tuan Yang di-Pertua, kita bincang Akta Saraan Ahli-ahli Parlimen.

**Seorang Ahli:** 'Pi'lah, lu boleh cakap!

**Seorang Ahli lain:** Tak ada jalan, duduklah!

**Dato' Dr. Haji Jamaluddin bin Dato' Mohd. Jarjis:** Saya baru mengatakan, saya mengalu-alukan kedatangan kembali Kota Melaka sebab Kota Melakalah bercakap tentang prestasi, ISO 9000, memang benar tetapi bila baru bercakap tentang prestasi, baru bercakap tentang ISO 9000, terus tinggalkan Dewan. Kesian Kepong jadi 'jaga DAP' kita panggil sekarang.....

**Tuan Lim Guan Eng:** [*Bangun*]

**Dato' Dr. Haji Jamaluddin bin Dato' Mohd. Jarjis:** Betul. Tunggulah, saya pun belum panas lagi. Sampai saya sudah bersedia, saya beri sebab saya sudah berjanji.....

**Tuan Lim Guan Eng:** Nak keluar pergi ke bilik air pun tak boleh?

**Dato' Dr. Haji Jamaluddin bin Dato' Mohd. Jarjis:** Okay, boleh pergi bilik air tetapi datang balik. Sebab kalau kita bandingkan sebuah negara jiran bahawa dari segi gaji.....

**Tuan Noh bin Omar:** *[Bangun]*

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Haji Juhar bin Haji Mahiruddin]:** Tanjong Karang bangun, Yang Berhormat.

**Dato' Dr. Haji Jamaluddin bin Dato' Mohd. Jarjis:** Oh, boleh.

**Tuan Noh bin Omar:** Saya hendak penjelasan sedikit. Saya pun nampak Kota Melaka keluar, kemudian dia masuk balik. Dia masuk ini nak jaga prestasikah ataupun dia takut nanti Kepong ambil alih jadi ketua pembangkang? *[Ketawa]* Dia takut Kepong jadi ketua pembangkang, cepat-cepat dia masuk. Jadi, ini mungkin akan menghalang Kepong ambil alih jawatan ketua pembangkang nanti. Macam mana pendapat Rompin?

**Dato' Dr. Haji Jamaluddin bin Dato' Mohd. Jarjis:** Betul, saya setuju benar. Saya nampak berilah peluang Kepong dahulu ambil alih sebagai ketua, barulah anak dia pula. Macam di Singapura, selepas Lee Kuan Yew, dia ambil yang lain dahulu, anak dia tunggu nombor dua. Mengapa tidak ambil model Singapura dalam pengambilan pertukaran kepimpinan DAP ini? Kalau tidak pun, orang kata Singapura PAP dan DAP pun adik-beradik kan? *[Tuan Lim Kit Siang masuk ke Dewan]* Ha, ini bos dia! *[Ketawa]* Ini saya kata anak pun tak usah mimpi nak ambil alihlah, bapa dia masih kuat dan kukuh lagi, betul tak? Ini betul. Sorry brother, sorrylah. Kalau nak mimpi ambil alih

kepimpinan DAP, janganlah, kena belajar lagi, bapa belum turunkan semua ilmu lagi.....

*[Tepuk]*

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Haji Juhar bin Haji Mahiruddin]:** Ya, teruskan Yang Berhormat.

**Dato' Dr. Haji Jamaluddin bin Dato' Mohd. Jarjis:** Banyak lagi yang belum diturunkan, masih kena belajar lagi.....

**Seorang Ahli:** Dia takut Kepong ambil alihkah?

**Dato' Dr. Haji Jamaluddin bin Dato' Mohd. Jarjis:** Tak tahulah, kalau bapa takut dia, nak pastikan Kepong tak ambil alih, saya tak tahulah. Tak tahu sama ada tak percayakan anak atau Kepong. *[Ketawa]*

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Haji Juhar bin Haji Mahiruddin]:** Yang Berhormat, teruskan.

**Dato' Dr. Haji Jamaluddin bin Dato' Mohd. Jarjis:** Dalam Umno tak ada. Dalam Umno ada anak Dato' Seri Dr. Mahathir jadi menteri, ada? Dalam Umno ada anak Dato' Seri Dr. Mahathir dalam Ahli Majlis Kerja Tertinggi baru-baru ini, ada? Ada anak Dato' Seri Dr. Mahathir dalam Exco Pemuda, ada? Ada anak Dato' Seri Dr. Mahathir bertanding dalam Exco Wanita, ada? Tak ada. Dalam Umno tak ada.

**Seorang Ahli:** Dalam DAP?

**Dato' Dr. Haji Jamaluddin bin Dato' Mohd. Jarjis:** DAP malaslah, itu terpulanglah, kita malas bacalah. *[Ketawa]* Sebab kalau kata dia baik atas dasar kepimpinan dia, kewibaaan, saya ingat rakyat boleh terima tetapi.....

**Tuan Lim Kit Siang:** Minta penjelasan.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Haji Juhar bin Haji Mahiruddin]:** Ketua Pembangkang bangun, Yang Berhormat. *[Ketawa]*

**Tuan Lim Kit Siang:** Adakah anak-anak Yang Amat Berhormat Perdana Menteri semacam anak-anak Presiden Suharto? Adakah kita akan ada di sini satu empayar, satu dinasti, corporate dynasty, Prime Ministerial dynasty semacam presidential dynasty dalam Indonesia? Adakah ini sihat? Akankah Yang Berhormat rela mengadakan satu siasatan terperinci senaraikan anak siapa, apa empayar, apa corporate banding dengan Suharto dynasty, relakah? Pernahkah Yang Berhormat soalkan perkara ini? Beranikah soalkan perkara ini? Jangan main-main, okay?

**Dato' Dr. Haji Jamaluddin bin Dato' Mohd. Jarjis:** Inilah orang kata 'orang lama', dia tak mahu jawab soalan politik kita, dia beralih ke gelanggang lain pula. Kita bercakap tentang gelanggang politik, namun demikian.....

**Tuan Lim Kit Siang:** Penjelasan.....

**Dato' Dr. Haji Jamaluddin bin Dato' Mohd. Jarjis:** Yang Berhormat, saya belum habis jelaskan lagi.....

**Tuan Lim Kit Siang:** Gelanggang politik, mengenai kelakuan politik.....

**Dato' Dr. Haji Jamaluddin bin Dato' Mohd. Jarjis:** Berilah saya habiskan dahulu.....

**Tuan Lim Kit Siang:** Nanti! Penjelasan dahulu.....

**Dato' Dr. Haji Jamaluddin bin Dato' Mohd. Jarjis:** Yang Berhormat, the floor is mine, Sir.

**Tuan Lim Kit Siang:** Yes.

**Dato' Dr. Haji Jamaluddin bin Dato' Mohd. Jarjis:** Jadi, beri saya habis, selepas itu saya beri kepada Yang Berhormat semula.

**Tuan Lim Kit Siang:** Mahu cabar, saya cabar.....

**Dato' Dr. Haji Jamaluddin bin Dato' Mohd. Jarjis:** Saya tak cabar, Yang Berhormat. Saya tak cabar.....

**Tuan Lim Kit Siang:** Jangan cabar.

**Dato' Dr. Haji Jamaluddin bin Dato' Mohd. Jarjis:** Saya tak cabar.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Haji Juhar bin Haji Mahiruddin]:** Yang Berhormat, minta.....

**Tuan Lim Kit Siang:** Jangan cabar!

**Dato' Dr. Haji Jamaluddin bin Dato' Mohd. Jarjis:** Saya tak cabar.

**Tuan Lim Kit Siang:** Jangan cabar!

**Dato' Dr. Haji Jamaluddin bin Dato' Mohd. Jarjis:** Tak, tidak. Apa pula, kita berbincang dalam Dewan, ini bukan mencabar, mencabar. Tiap-tiap orang ada hak yang sama. Yang Berhormat lebih lama daripada saya dalam politik, tetapi yang salah itu salah jugalah.

Berbalik kepada isu tadi, kita bercakap dalam arena politik. Kalau kita bercakap dalam arena perniagaan, kita hanya membuatkan gambaran yang salah. Saya ingat siapa-siapa pun, anak siapa, kalau mereka hendak berniaga, dia boleh berniaga, mengapa tidak?

**Tuan Lim Kit Siang:** Penjelasan.

**Dato' Dr. Haji Jamaluddin bin Dato' Mohd. Jarjis:** Nanti dahulu, saya belum habis.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Haji Juhar bin Haji Mahiruddin]:** Dia tak beri, Yang Berhormat.

**Tuan Lim Kit Siang:** *[Menyampuk]*

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Haji Juhar bin Haji Mahiruddin]:** Yang Berhormat!

**Dato' Dr. Haji Jamaluddin bin Dato' Mohd. Jarjis:** I have the floor, Sir.

**Tuan Lim Kit Siang:** Okay.

**Dato' Dr. Haji Jamaluddin bin Dato' Mohd. Jarjis:** I will give you. Bila saya habis, saya akan beritahu. Tetapi saya mahu melihat sekarang ini Perdana Menteri kita tidak ada masalah sokongan rakyat. Umno bulat sokongannya. Rakyat semua jelata bulat sokongannya. Di sana berapa oranglah DAP yang tinggal, tetapi mungkin Yang Berhormat mencuba sekarang ini membawa isu-isu di negara Indonesia membawa ke mari kononnya dengan mencuba supaya menjatuhkan dan merosakkan imej kepimpinan negara. Saya tidak nampak itu satu bandingan yang baik. Kita berbincang tentang politik, namun demikian saya jawab juga. Kalau Yang Berhormat hendak lagi, insya-Allah, saya akan beri kepada Yang Berhormat pada hari Isnin nanti.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Haji Juhar bin Haji Mahiruddin]:** Yang Berhormat, masa sudah cukup untuk hari ini. Boleh sambung pada minggu hadapan.

**Dato' Dr. Haji Jamaluddin bin Dato' Mohd. Jarjis:** Terima kasih.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Haji Juhar bin Haji Mahiruddin]:** Ahli-ahli Yang Berhormat, Dewan ini ditangguhkan sekarang sehingga jam 2.30 petang hari Isnin.

*Dewan ditangguhkan pada pukul 6.30 petang.*

